


Jilid II
Bil. 17



Hari Rabu
4hb April, 1984

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2453]

USUL:

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985)
[Ruangan 2502]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P.,
D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri,
DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR
NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M.,
A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S.,
J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

- Yang Berhormat** TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N.
(Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P.
(Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N.,
J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).

Yang Berhormat **TUAN MARK KODING (Kinabalu).**

- „ **DR KOH TSU KOON (Tanjong).**
- „ **DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).**
- „ **TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).**
- „ **DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).**
- „ **DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).**
- „ **DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).**
- „ **TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).**
- „ **TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).**
- „ **TUAN LING SIE MING (Sibu).**
- „ **TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).**
- „ **TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).**
- „ **DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).**
- „ **TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).**
- „ **TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).**
- „ **DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).**
- „ **TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).**
- „ **TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).**
- „ **TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).**
- „ **TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).**
- „ **TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).**
- „ **TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).**
- „ **DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).**
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).**
- „ **TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).**
- „ **TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).**

- Yang Berhormat DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).**
- „ **TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).**
- „ **TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).**
- „ **TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).**
- „ **DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).**
- „ **TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).**
- „ **TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).**
- „ **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).**
- „ **TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).**
- „ **TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).**
- „ **TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).**
- „ **TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).**
- „ **DR TAN SENG GIAW (Kepong).**
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**
- „ **TUAN TING LING KIEW (Bintulu).**
- „ **WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).**
- „ **WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).**
- „ **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).**
- „ **WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**
- „ **TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).**
- „ **TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).**
- „ **DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).**

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P.B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 4hb April, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Omar bin Abdullah.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Omar bin Abdullah tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Leonard Linggi Anak Jugah.

(Soalan No. 2 Y.B. Datuk Leonard Linggi Anak Jugah tidak hadir).

KEDUTAAN MALAYSIA DI
LUAR NEGERI

3. **Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** minta Menteri Luar Negeri menyatakan peranan yang dimainkan oleh Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri untuk memberi penerangan yang cukup kepada penuntut-penuntut kita mengenai Dasar Kerajaan supaya mereka tidak menentang mengikut perasaan dan sebaliknya membuat tumpuan penuh kepada pelajaran mereka, memandangkan mereka dihantar oleh Kerajaan ke luar negeri untuk mencari ilmu.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, perwakilan-perwakilan kita di luar negeri menjalankan peranan untuk menyebarkan penerangan dengan seluas-luasnya tidak sahaja kepada para pelajar kita tetapi juga kepada rakyat asing mengenai perkembangan-perkembangan semasa di tanahair termasuk dasar-dasar Kerajaan kita.

Usaha yang dijalankan adalah secara berterusan dan sesuai dengan keupayaan kita dan keadaan di tempat perwakilan masing-masing berkhidmat. Alat-alat penerangan yang digunakan seperti jua yang digunakan oleh perwakilan-perwakilan negara asing lainnya ialah dengan menyebarkan bahan-bahan penerbitan, mengadakan pertunjukan filem, pameran, ceramah dan pertemuan sama ada dalam keadaan secara rasmi atau tidak rasmi.

Peranan dan usaha penerangan yang dijalankan pada masa-masa tertentu memerlukan penglibatan bukan sahaja pegawai-pegawai di perwakilan tetapi jua pegawai-pegawai Malaysia lainnya yang bertugas secara tetap di luar negeri dari Agensi-agensi Kerajaan, seperti Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Perbadanan Kemajuan Pelancongan dan sebagainya.

Untuk mencapai kekesan yang diharapkan dalam menjalankan usaha-usaha penerangan yang berbagai cara daripada berbagai pihak tersebut maka perwakilan kita lazimnya menjadi badan penyalaras.

Pada masa ini perwakilan-perwakilan kita mengedarkan berbagai bahan penerbitan termasuk akhbar-akhbar tempatan, yang dihantarkan ke pusat-pusat pelajar tiap-tiap minggu.

Majalah bulanan Malaysian Digest, akhbar bulanan Malaysia khas untuk bacaan para pelajar kita di luar negeri, press telegram yang dihantarkan ke perwakilan untuk seterusnya diedarkan ke pusat-pusat pelajar, filem-filem keluaran RTM, Jabatan Filem Negara dan pengeluaran tempatan lainnya dan berbagai bahan kebudayaan terutamanya yang diperlukan oleh pelajar-pelajar kita.

Ceramah-ceramah ataupun pertemuan-pertemuan di antara pegawai-pegawai Kerajaan dengan wakil-wakil pelajar juga dirancangan dari semasa ke semasa oleh perwakilan-perwakilan kita bila ada kesempatan. Seperti ketika pemimpin-pemimpin Kerajaan melawat ke luar negeri.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, usaha menyampaikan penerangan mengenai Malaysia dan dasar-dasar Kerajaan kepada umum, termasuk para-para pelajar kita di luar negeri tidaklah terhad kepada pegawai-pegawai kita yang bertugas di perwakilan sahaja, usaha dan peranan ini boleh juga dijalankan oleh mana-mana pegawai Kerajaan dan tokoh-tokoh politik, ekonomi, kebudayaan dan lain-lain ketika melakukan lawatan ke luar negeri, jika mereka berkesanggupan atau berpeluang untuk berbuat demikian.

Datuk Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa salah satu peranan pegawai-pegawai kedutaan kita ialah merupakan satu badan penyelarasan, di samping memberi apa juga maklumat-maklumat yang ada hubungkaitnya dengan pergolakan dan perkembangan di negara kita.

Saya ingin bertanya oleh sebab terdapat selalu sungutan bahawa kadangkala pelajar-pelajar kita di luar negeri dipengaruhi oleh golongan-golongan yang tertentu, saya ingin tahu adakah pihak kedutaan kita membuat apa-apa peraturan sekiranya sesiapa juga yang hendak mengadakan pertemuan dengan pelajar-pelajar kita di luar negeri, biarlah di dalam makluman atau pengetahuan kedutaan supaya mereka tidak dapat meracuni fikiran-fikiran pelajar-pelajar kita yang ada di luar tanahair.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bukanlah semudah itu untuk dilaksanakan kerana Kerajaan juga tidaklah mahu menyekat sangat kebebasan pelajar-pelajar kita untuk meluaskan selok-belok pemikiran mereka.

Namun demikian, perkara ini sedang pun difikirkan dengan cara mendalam pada keseluruhannya oleh Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar Luar Negeri yang baharu ditubuhkan oleh Kerajaan Pusat.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah sambutan daripada pelajar-pelajar di luar negeri bila kedutaan kita atau perwakilan kita membuat ceramah ataupun majlis-majlis penerangan di kedutaan kita di luar negeri. Sambutan daripada pelajar-pelajar tersebut.

Yang kedua adakah pihak kedutaan kita mempunyai rekod yang kemas dari semasa ke semasa berkenaan dengan jumlah serta keadaan-keadaan pelajar-pelajar kita di luar negeri. Terima kasih.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soal sambutan kepada ceramah-ceramah yang dianjurkan dari semasa ke semasa oleh pihak Kerajaan, Agensi-agensi

Kerajaan di luar negeri, saya rasa memang mendapat sambutan yang menggalakkan. Mengenai rekod-rekod pelajar ini sentiasalah diperbaiki dari semasa ke semasa.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah peranan yang dimainkan oleh pegawai-pegawai Kedutaan Malaysia di luar negeri itu sama dengan peranan yang dimainkan oleh pegawai-pegawai di Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia di Seberang Laut (MSD) dari sudut menjaga dan memelihara kebajikan pelajar-pelajar dan mengawal pelajar-pelajar dari menjalankan kegiatan-kegiatan anti-Kerajaan kerana dikhuatiri misalnya dari segi hendak menjaga dan memelihara kebajikan pelajar-pelajar ini dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia di Seberang Laut (MSD) sementara pegawai-pegawai Kedutaan berlepas tangan.

Yang kedua, adakah penghantaran pegawai-pegawai di Kedutaan Malaysia di seberang laut itu terdiri daripada mereka yang benar-benar ataupun yang telah diperkenalpasti mereka ini dedikasi dan telah memperlihatkan semangat nasionalisma terhadap negaranya. Jika tidak, adakah mereka yang berkenaan itu akan dibawa balik di negara ini dan diberikan kursus ataupun orientasi untuk menanamkan semangat cintakan tanahair seperti di INTAN ataupun dimesti bagi kaki-tangan Kementerian Pelajaran.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa semua pegawai-pegawai kita di luar negeri sama ada mereka bertugas dengan kedutaan ataupun dengan agensi-agensi yang lain bertanggungjawab sedikit sebanyak untuk menjaga segala kepentingan negara kita di luar negeri termasuklah soal menjaga kebajikan penuntut-penuntut kita. Cuma tumpuannya mungkin berbeza-beza sedikit.

Namun demikian, Kerajaan sekarang sudah pun menubuhkan baru-baru ini lebih kurang 4 bulan sudah di semua negara-negara yang mempunyai pelajar-pelajar kita sebuah jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar yang mana pengerusinya dengan automatiknya adalah Ketua Perwakilan di negara-negara tersebut.

Dengan adanya Jawatankuasa ini saya rasa penyelarasan akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan lagi untuk menjaga kebajikan penuntut-penuntut kita.

Mengenai pegawai-pegawai kita yang dihantar ke luar negeri, ingin saya menyatakan setakat ini dari semangat nasionalisma mereka tidaklah meragukan dan Kerajaan memang sebelum mereka ini dihantar ke luar negeri mengadakan berbagai-bagai kursus untuk mereka ini termasuk kursus di INTAN.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan Alban bin Sandukong.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Hassan Alban bin Sandukong tidak hadir).

PERDAGANGAN DENGAN NEGARA-NEGARA AFRIKA

5. Tuan Ban Hon Keong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

(a) mengapa Malaysia, sebuah negara pengeluar barang-barang hasil ringan, tidak melibatkan dirinya dalam apa-apa perdagangan dengan Afrika, manakala negara-negara seperti India, Singapura dan Hong Kong mengadakan perhubungan perdagangan yang kuat dengan Afrika. Negara-negara ini mengeksport hasil-hasil seperti minyak masak, timah, getah dan lada ke Afrika, yang mana barang-barang ini ada

dihasilkan di negara kita dengan banyaknya;

- (b) adakah Kementerian bertimbang untuk mengeratkan perhubungan perdagangan yang lebih baik dan berkesan di antara Malaysia dengan Afrika dengan bilangan penduduk seramai 400 juta orang, mungkin salah satu pengimport negara kita yang terbesar kelak. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki kesilapan ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah tidak benar bahawa Malaysia tidak mengadakan sebarang hubungan perdagangan dengan negara-negara di Afrika. Dalam tahun 1982, jumlah nilai eksport Malaysia ke Afrika bernilai \$221.46 juta. Di antara eksport Malaysia ke Afrika termasuklah barangan utama seperti getah, minyak tapis kelapa sawit dan landasan keretapi. Dalam tahun 1982, jumlah eksport getah Malaysia ke Afrika bernilai sebanyak \$19.37 juta, minyak tapis kelapa sawit \$153.62 juta dan landasan keretapi \$18.97 juta. Jika sekiranya eksport barangan tersebut melalui Singapura diambil kira terutamanya ke Kenya dan Nigeria, maka sudah tentulah nilai eksport Malaysia ke Afrika akan bertambah. Misalnya, perangkaan Kenya menunjukkan bahawa Kenya mengimport minyak mentah kelapa sawit dari Malaysia bernilai \$82 juta dalam tahun 1982, sedangkan berdasarkan kepada perangkaan kita, eksport minyak kelapa sawit Malaysia ke Kenya pada tahun yang sama hanya bernilai \$7.55 juta. Keadaan ini menunjukkan dengan jelas bahawa sebahagian besar

minyak tapis kelapa sawit kita dieksport ke Afrika melalui Singapura disebabkan oleh perkhidmatan perkapalan antara Malaysia dengan Kenya adalah tidak mencukupi. Pada ketika ini tidak ada perkhidmatan perkapalan secara langsung yang tetap dari pelabuhan Kelang ke Afrika kerana perdagangan dua hala dengan Afrika masih lagi kecil. Walau bagaimanapun, terdapat tiga buah syarikat perkapalan yang membekalkan perkhidmatan "feeder services" sekiranya diperlukan dari pelabuhan Kelang ke Singapura dan kemudiannya ke Afrika Timur. Memandangkan keadaan ini, adalah lebih murah dan menyenangkan bagi pengeksport-pengeksport kita untuk menghantar barangan mereka ke Afrika melalui Singapura.

Eksport barangan utama kita ke negara-negara di Afrika masih lagi sedikit juga kerana kebanyakan pengeksport-pengeksport kita sendiri memilih pasaran lain yang mana telah menawarkan harga yang lebih menarik serta untuk mengelakkan daripada risiko perniagaan. Ini adalah kerana kebanyakan negara-negara di Afrika sedang mengalami masalah kekurangan tukaran wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal perdagangan di antara negara-negara India, Hong Kong dan Singapura dengan negara-negara di Afrika, adalah sebenarnya mereka tidak mengeksport dengan banyaknya barangan seperti getah, minyak masak, bijih timah dan lada (pepper) ke Afrika kecuali Singapura yang telah mengeksport semula minyak kelapa sawit dan getah dari Malaysia. Sementara itu, India pula hanya mengeksport sedikit

lada (pepper) keluarannya sendiri sahaja ke beberapa buah negara di Afrika, sedangkan Hong Kong pula tidak mengeksport langsung barangan tersebut dalam tahun 1982 ke Afrika.

- (b) Adalah tidak benar bahawa Kementerian saya tidak mengambil berat untuk meningkatkan lagi hubungan perdagangan kita yang lebih berkesan dengan Afrika. Kementerian saya sedar akan potensi pasaran di setengah negara-negara di Afrika dan oleh yang demikian kita telah menubuhkan Pejabat Perdagangan di Nairobi, Kenya, dalam tahun 1967 yang juga merupakan sebagai langkah untuk mempelbagaikan pasaran eksport barangan utama kita. Di samping itu, Kementerian ini juga telah mengadakan dua rombongan mencari fakta (fact finding mission) ke Afrika iaitu ke Nigeria, Mauritius dan Kenya dalam tahun 1977 dan dalam tahun 1978 ke Algeria, Morocco, Senegal dan Tunisia.

Saya juga percaya bahawa Kementerian Perusahaan Utama telah mengadakan dua rombongan perdagangan minyak kelapa sawit ke negara-negara Nigeria, Sudan, Egypt dan Kenya pada tahun 1982 dan ke Morocco, Algeria dan Libya dalam tahun 1983. Saya yakin Kementerian tersebut akan terus menghantar rombongan seperti ini ke negara-negara Afrika dalam usaha meningkatkan lagi eksport barangan utama kita. Di samping itu Institut Penyelidikan Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) juga telah mengadakan tiga rombongan teknikal ke beberapa buah negara di Afrika dalam usaha menggalakkan lagi penggunaan minyak kelapa sawit Malaysia. Seperti yang telah

saya sebutkan tadi, kebanyakan negara-negara di Afrika ketika ini mempunyai keupayaan import yang terhad disebabkan oleh masalah kekurangan tukaran wang asing dan di samping itu kawalan ke atas import yang ketat telah dikenakan. Risiko untuk mengadakan perdagangan dengan negara-negara Afrika juga sangatlah tinggi. Memandangkan keadaan sedemikian, Kementerian ini yakin bahawa usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Malaysia dan Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di Kenya dalam menggalakkan barangan utama kita di Afrika setakat ini adalah memuaskan.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah saya bertanya kepada Yang Berhormat itu bagaimanakah pandangan negara-negara Afrika terhadap negara kita sebagai sebuah negara-pengeluar. Adakah pernah mereka itu menghantar misi-misi perdagangan untuk melawat negara kita ataupun tidak?

Tuan Oo Gin Sun: Sehingga sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, misi-misi perdagangan dari Afrika tidak sampai ke Malaysia tetapi rombongan Malaysia telah pun melawat negara-negara Afrika.

SUSU TEMPATAN— KAJIAN MEMPROSES KEJU

6. **Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah MARDI telah membuat kajian untuk membuat keju daripada susu tempatan, jika tidak, adakah beliau akan mengarah supaya suatu kajian dimulakan sempena menyahut seruan Y.A.B. Perdana Menteri kita di Keningau semasa lawatan beliau ke Sabah baru-baru ini

yang beliau ingin melihat keju cara Malaysia dibuat di dalam negeri ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat penyelidikan mengenai kegunaan susu tempatan untuk keluaran keju masih belum dijalankan.

Walau bagaimanapun, sempena menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini pihak Kementerian telah pun mengarahkan pihak MARDI supaya suatu kajian mengenai perkara tersebut dijalankan untuk menentukan sama ada projek ini viable atau tidak.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, keju biasanya diperbuat daripada susu, tetapi adakah pihak Kementerian Pertanian mendapat kepastian bahawa keju daripada luar negeri itu adalah keju yang diperbuat daripada susu lembu dan bukan keju yang diperbuat daripada susu babi?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa keju diperbuat daripada susu khususnya daripada susu lembu, kerana kebanyakan negara-negara yang mengeksport keju ke negara kita ini ialah negara-negara yang memperbuat keju daripada susu-susu lembu dan bukan daripada susu-susu babi seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

PENCEMARAN ALAM SEKITAR—DENDA

7. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bilangan kilang yang menimbulkan pencemaran yang dibawa ke mahkamah sejak 2 tahun lalu dengan menggariskan jenis perusahaan dan bentuk kesalahan dan jumlah denda yang dikutip. Oleh kerana denda yang

dikenakan terlalu kecil, sama ada Kementerian bercadang meminda Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974 bagi mengenakan denda yang berat ke atas pesalah-pesalah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, bilangan kilang yang terlibat dalam kes pencemaran yang dibawa ke mahkamah ialah sebanyak 37 bagi tahun 1982 dan 46 bagi tahun 1983.

Jenis kilang-kilang yang terlibat termasuklah kilang-kilang berasaskan perkayuan, kilang kelapa sawit, kilang getah, kilang makanan, kilang batu bata, kilang padi, kilang kain, kilang kertas dan kilang kimia.

Bentuk-bentuk kesalahan yang dilakukan adalah seperti pelepasan effluen atau asap hitam yang melebihi had-had yang telah dibenarkan, melakukan kebakaran terbuka, melanggar syarat-syarat lesen, menjalankan operasi kilang getah atau kilang kelapa sawit tanpa lesen, membina atau memasang alat pembakaran bahan api dan cerobong tanpa kelulusan bertulis dari Jabatan Alam Sekitar.

Jumlah denda yang telah dikenakan ke atas kilang-kilang yang dibawa ke mahkamah ialah sebanyak \$89,350 bagi tahun 1982 dan sebanyak \$69,300 bagi tahun 1983.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam kebanyakan kes denda yang dikenakan tidaklah terlalu kecil. Amaun denda yang dikenakan oleh pihak Majistret adalah tertakluk kepada budi bicara pihak Majistret yang perlu mengambil kira semua faktor yang berkaitan dan keadaan satu-satu kes.

Setakat ini Kementerian saya mendapati adalah tidak perlu supaya Akta Kualiti Alam Sekitar dipinda untuk meningkatkan amaun denda.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat telah menerangkan bahawa denda yang dikenakan tidaklah begitu rendah. Saya ingin tahu berapakah denda yang paling maksima dan berapa lamakah hukuman penjara maksima?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, di dalam undang-undang yang sedia ada, hukuman maksima yang boleh dikenakan kepada pesalah berkenaan ialah sebanyak \$10,000 dan penjara maksima 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Tuan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepesatan pembangunan yang berlaku dalam bandar di mana pada masa dahulunya terdapat kilang di luar bandar sudah berada di dalam bandar dan kerana kilang-kilang itu berada dalam bandar dan terdapatlah pencemaran udara yang amat tidak menyenangkan. Jadi dengan itu adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan bagi mengalihkan kawasan perkilangan ataupun kilang-kilang yang berada di bandar dan di sekitar bandar?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, kecuali kilang-kilang yang melakukan atau melanggar syarat-syarat di bawah undang-undang, kebanyakan kes itu ialah tertakluk kepada pihak berkuasa tempatan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan memberitahu tentang bilangan kakitangan atau pegawai penguatkuasa yang Kementerian mempunyai untuk mengawal masalah pencemaran alam sekitar pada masa kini dan sama ada Kementerian yang berkenaan bercadang untuk menambahkan bilangan pegawai penguatkuasa itu supaya Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974 dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian saya hanya mempunyai 58 orang pegawai penguatkuasa untuk mengawal pencemaran. Pecahan bilangan pegawai-pegawai ialah seperti berikut:

12 orang Pegawai Kawalan.

31 orang Penolong Pegawai Kawalan.

15 orang Juruteknik.

Kebanyakan mereka pada masa ini ditempatkan dalam 7 pusat iaitu di Pejabat-pejabat Wilayah. Bilangan tersebut memanglah jauh dari mencukupi tetapi oleh kerana kemelesetan ekonomi negara, kebanyakan jawatan yang masih kosong tak dapat dipenuhi. Saya berharap dengan adanya sokongan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dan kelulusan Kementerian Kewangan, kekurangan tersebut akan dapat diatasi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan V. Govindaraj.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan V. Govindaraj tidak hadir)

PERMIT KERJA BURUH KASAR ASING

9. **Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan akan mengeluarkan permit-permit kerja kepada buruh kasar asing yang diambil kerja oleh kontraktor-kontraktor tempatan memandangkan bahawa penangkapan yang kerap kali dibuat oleh polis kerana melanggar undang-undang imigresen menyebabkan tergendalanya kerja-kerja pembinaan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mengeluarkan Pas Lawatan Kerja

Sementara kepada pekerja-pekerja asing, termasuklah buruh, yang mempunyai dokumen perjalanan yang sah. Kerajaan berbuat demikian berdasarkan keperluan mendesak dalam bidang industri pembinaan akibat kekurangan tenaga pekerja tempatan. Masalah ini perlu diatasi segera demi menjamin supaya pembangunan dalam industri pembinaan tidak terbantut.

Tindakan yang diambil sekarang merupakan langkah sementara bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh industri pembinaan pada masa ini.

Dalam pada itu, Kerajaan tetap akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana warganegara asing, tanpa mengira negara asal mereka yang memasuki negara ini secara haram.

MALAYSIA-TAIWAN— HUBUNGAN DIPLOMATIK DAN EKONOMI

10. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah bentuk hubungan Diplomatik dan Ekonomi Malaysia dengan Taiwan. Adakah "Status quo" sekarang hendak disemak semula, dan jika tidak mengapa. Di bawah Dasar Pandang Ke Timur, tidakkah kita boleh mendapat faedah daripada kemajuan dan pembangunan ekonomi dari rakyat negara tersebut.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan penandatanganan kenyataan bersama di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Rakyat China (RRC) pada tahun 1974, Kerajaan Malaysia hanya mengiktiraf Taiwan sebagai salah satu daripada wilayah Republik Rakyat Cina. Selaras dengan ini Kerajaan Malaysia tidak mempunyai apa-apa hubungan rasmi atau diplomatik dengan Taiwan. Walau bagaimanapun, kedua-dua negara Malaysia dan Republik Rakyat China telah mempunyai

persefahaman bahawa hubungan perdagangan, ekonomi dan perhubungan rakyat dengan rakyat di antara Malaysia dengan Taiwan akan terus dikekalkan.

Kerajaan sedar sepenuhnya bahawa kita boleh dapat banyak faedah-faedah hasil dari perhubungan dagangan dan kerjasama ekonomi dengan Taiwan dan Kerajaan sedang memperkukuhkan perhubungan ekonomi dengan Taiwan atas dasar bahawa hubungan ini tidak rasmi. Contohnya, beberapa delegasi perdagangan dari sektor swasta mewakili, dengan izin, Federation of Malaysia Manufacturers telah melawat ke Taiwan. Kita juga telah menerima rombongan pelaburan dari Taipei pada pertengahan tahun lepas. Kerajaan berpendapat bahawa pertukaran-pertukaran lawatan seperti ini dapat membantu perkembangan perdagangan dan kerjasama ekonomi di antara negara kita dengan wilayah Taiwan.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah benar bahawa terdapat seorang Wakil yang bukan rasmi dari Taiwan yang berpangkat Jeneral yang ditempatkan di Malaysia dan apakah statusnya yang sebenarnya?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Kalau tidak salah saya beliau adalah Wakil sebuah syarikat dari Taiwan.

GAJI GURU-GURU B1 DAN B2

11. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa gaji Guru-guru B1 dan B2 masih di paras yang rendah dan kurang memuaskan berbanding dengan tugas-tugas profesion perguruan. Jika sedar, apakah langkah-langkah Kementerian bagi mengatasinya dan adakah Kementerian bercadang hendak menyerap mereka ke kategori C2.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sentiasa memberi perhatian berat kepada semua golongan guru-guru termasuk mereka dalam kategori B1 dan B2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tanggagaji dan syarat-syarat skim perkhidmatan pelajaran di negara kita Malaysia adalah di antara yang tertinggi dan terbaik di Asia Tenggara. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk memperbaiki kedudukan guru-guru B1 dan B2 ialah Kementerian telah bersetuju mengadakan kelonggaran syarat perlantikan guru-guru B1 dan B2 yang sedang berkhidmat kepada jawatan pegawai perkhidmatan pelajaran kategori C2. Persetujuan ini telah dilaksanakan di bawah surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran, Bilangan 1, Tahun 1980.

Pegawai-pegawai perkhidmatan pelajaran kategori B1 dan B2 yang telah disahkan dalam jawatan perkhidmatan selama enam tahun, bagi mereka yang mempunyai kelayakan Sijil Rendah Pelajaran atau sijil setaraf dengannya dan 10 tahun bagi mereka yang mempunyai kelayakan lebih rendah daripada Sijil Rendah Pelajaran mempunyai kepujian dalam Bahasa Malaysia serta lulus ujian lisan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dan diperakumkan oleh Ketua Jabatan adalah layak dipertimbangkan untuk lantikan ke jawatan pegawai Perkhidmatan Pelajaran Kategori C2. Urusan lantikan ini dijalankan secara berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran juga menyediakan peluang lantikan ke jawatan yang lebih tinggi kepada guru yang benar-benar berusaha memperbaiki kedudukan mereka dengan cara mendapatkan kelayakan yang lebih tinggi untuk dilantik ke jawatan tersebut. Peluang untuk melanjutkan pelajaran sentiasa terbuka

dan mereka diberi cuti belajar separuh gaji atau tanpa gaji bagi maksud ini.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilangan guru-guru B1 dan B2 yang ada pada masa ini adalah sedikit dan umur mereka pun sudah hampir-hampir 50 tahun ataupun ada yang sudah 50 lebih, tiga, empat tahun lagi akan berpencen. Jadi, adakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan syarat kredit dalam Bahasa Malaysia di dalam Peperiksaan SPM kepada guru-guru B1 dan B2 seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tadi sebagai syarat kemasukan mereka ke kategori C2 memandangkan kepada kebolehan mereka untuk mendapatkan kredit di dalam Bahasa Malaysia itu adalah agak tipis.

Datuk Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang, tidak.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa skim gaji bagi guru-guru ini mempunyai beberapa tanggagaji yang berbeza-beza dan ini telah menimbulkan keraguan dan juga perasaan tidak puas hati di kalangan guru-guru tertentu, adakah Kerajaan bercadang untuk mencantumkan semua tanggagaji-tanggagaji ini dan diadakan satu skim ataupun satu tanggagaji yang disatukan ataupun, dengan izin, "integrated salaries scheme"? Sekiranya ia, bilakah akan dilaksanakan, sekiranya tidak, mengapa?

Datuk Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, kajian begini sentiasa dibuat dan cadangan-cadangan begini pun sentiasa diterima oleh Kementerian Pelajaran. Tetapi sebelum sesuatu cadangan atau recommendation, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dapat diterima, Kementerian Pelajaran harus mendapatkan satu gambaran yang seluruhnya dan oleh sebab itu buat masa

sekarang tidak ada cadangan untuk mengadakan skim gaji yang baru.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

(Soalan No. 12. Y.B. Dr Chen Man Hin tidak hadir)

CUKAI PENDAPATAN— MENYUSUN SEMULA STRUKTUR

13. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Kewangan menyatakan benarkah pihak Kementerian akan menyusun semula struktur cukai pendapatan di negara ini, jika benar:

- (a) adakah pertambahan dalam jumlah cukai itu akan dinaikkan kepada kadar yang tidak membebaskan mereka yang berpendapatan sederhana seperti sekarang ini, juga mereka yang berpendapatan tinggi; dan
- (b) adakah maksud tanggungan itu akan diambil kira tentang ibu dan bapa tidak terhad kepada anak dan isteri.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, memang benar Kementerian Kewangan sedang mengkaji struktur cukai pendapatan di negara ini. Dan adalah menjadi hasrat Kementerian ini agar apa-apa perubahan cukai yang akan dicadangkan kelak akan menitik-beratkan agihan beban cukai yang lebih adil dan tidak membebaskan golongan-golongan tertentu sahaja. Buat masa ini malangnya saya tidak dapat menyatakan aspek-aspek yang akan diubahsuaikan tetapi bolehlah saya katakan bahawa semua aspek struktur cukai pendapatan nanti akan dipertimbangkan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, oleh kerana hasrat Y.A.B. Perdana Menteri dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat berkehendak rakyat Malaysia ini meningkat kepada 70 juta, apakah dalam penyusunan semula cukai pendapatan ini pihak Kementerian akan menambahkan pengecualian potongan bagi anak lebih daripada lima, misalnya sampai 10 orang supaya dapat mengurangkan beban ibu bapa dan juga membayar cukai begitu banyak dan menggalakkan rakyat banyak anak. *(Ketawa)*

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini baik kalau sekiranya hendak banyak anak. Tetapi dalam pada itu setakat inipun sebenarnya pelepasan pun sudah agak banyak iaitu anak ke 5 orang pun kita beri pelepasan, yang pertama \$800, yang kedua \$700, yang ketiga \$600, yang keempat \$500 dan yang kelima \$400 dan kalau ada anak yang cacat dari segi fizikalnya tidak kira nombor berapa akan diberi \$400 sebulan pelepasan. Selain daripada itu ada lagi pelepasan persendirian, pelepasan saudara-saudara yang bergantung kepada kita dan juga isteri. Jadi, pada keseluruhannya sudah banyak pelepasan. Walau bagaimanapun, sejajar dengan hendak sampai 70 juta barangkali kita akan pertimbangkanlah.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya suka mendapat tahu dalam kajian struktur pendapatan oleh Kementerian yang berkenaan, adakah pihak Kementerian bercadangkan untuk mempelawa pandangan-pandangan atau syor-syor yang membina daripada badan-badan professional atau individu-individu tentang kajian itu.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, secara khususnya kita tidak membuat satu mesyuarat dengan pihak swasta tetapi pandangan-pandangan termasuk pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini akan kita ambil kira belaka dan kalau sekiranya Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ada hendak memberi pandangan-pandangan, bisik-bisiklah kepada saya bolehlah saya sampaikan.

SEKOLAH RENDAH/ MENENGAH PUSAT

14. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pelajaran menyatakan bagi mengelakkan ibu bapa berebut-rebut hendak memasukkan anaknya ke sekolah-sekolah berasrama penuh atau sekolah-sekolah dalam bandar, tidakkah Kerajaan bercadang hendak mengadakan sekolah Pusat, rendah dan menengah bagi tiap-tiap daerah, sekurang-kurangnya secara beransur.

Datuk Dr Tan Tiong Hong: -Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang hendak mengadakan sekolah rendah pusat dan sekolah menengah pusat bagi tiap-tiap daerah. Kementerian Pelajaran sentiasa memberi kedudukan-kedudukan kepada sekolah-sekolah tertentu dalam tiap-tiap daerah umpamanya mengadakan kemudahan asrama harian kepada sekolah-sekolah menengah yang terpilih. Tujuan asrama ini ialah untuk memberi kemudahan kepada murid yang tinggal jauh dari sekolah dan mereka yang tinggal di kawasan pedalaman untuk membolehkan mereka mengikuti pendidikan menengah dengan sepenuhnya. Kemudahan-kemudahan asrama akan diproseskan dari semasa ke semasa bergantung kepada keadaan ekonomi negara. Dengan adanya kemudahan-kemudahan ini tidak perlulah ibu bapa berebut-rebut hendak

memasukkan anak-anak mereka ke sekolah-sekolah berasrama penuh atau ke sekolah-sekolah dalam bandar.

NELAYAN DI SELAT MELAKA— MENGURANGKAN

15. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Pertanian memberi penjelasan iaitu oleh kerana kawasan menangkap ikan di Selat Melaka adalah terlalu terhad sedangkan nelayan-nelayan adalah ramai, tambahan pula mereka menggunakan alat-alat moden dan perahu-perahu besar, adakah Kerajaan (Kementerian) bercadang hendak menghadkan/mengurangkan bilangan nelayan-nelayan itu. Sekiranya ia, apakah langkah untuk melaksanakannya. Sekiranya tidak, bagaimana pula untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian telah mula mengambil langkah-langkah bagi mengurangkan bilangan nelayan-nelayan bukan sahaja di Selat Melaka tetapi di seluruh perairan pantai Semenanjung Malaysia iaitu kawasan perairan 12 batu dari pantai. Walau bagaimanapun, pelaksanaan langkah-langkah itu adalah dengan cara berperingkat. Cara ini akan dapat mengurangkan kesulitan yang berbangkit serta memastikan pelaksanaannya yang licin.

Di antara langkah-langkah yang diambil ialah mengadakan peraturan pengawalan agar hanya pemilik usaha sendiri sahaja yang dibenarkan menangkap ikan di kawasan perairan pantai. Nelayan-nelayan yang ingin memulai pekerjaan lain seperti berniaga diberi galakan dan kemudahan tertentu. Bagi mereka yang hendak berpindah ke sektor lain seperti ke Rancangan Kemajuan Tanah, ke sektor pembinaan dan sebagainya galakan dan dorongan juga diberi seperti latihan yang sesuai.

PROJEK IN-SITU

16. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) berapakah jumlah projek-projek in-situ bagi tahun 1984 dan 1985 yang akan dilaksanakan di negara ini terutama di Negeri Kedah; dan
- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa projek pembangunan IN-SITU adalah satu konsep pembangunan yang paling sesuai bagi memajukan kampung-kampung tradisional di luar bandar. Jika sedar, mengapakah projek ini diperlahankan pelaksanaannya sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini bilangan pembangunan setempat atau rancangan in-situ yang telah dilaksanakan oleh FELCRA ialah sebanyak tiga buah sahaja iaitu di Langkawi, Kedah, di Pasir Puteh, Kelantan dan satu lagi di Ulu Brang, Terengganu. Ketiga-tiga rancangan ini dilaksanakan secara perintis mulai tahun 1978 dan untuk tujuan ini FELCRA diberikan peruntukan sebanyak \$5.09 juta. Semenjak itu belum ada projek yang lain pembangunan setempat atau in-situ jenis ini dilaksanakan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedang memberi perhatian kepada konsep pembangunan setempat atau in-situ ini seperti yang diaturkan dalam Dasar Pertanian Negara.

Tuan Yang di-Pertua, FELCRA telah diminta bagi mengenalpasti kawasan-kawasan yang bukan kawasan padi yang berpotensi untuk dimajukan di bawah konsep ini. Agensi ini telah mengenalpasti; seluas 569,132 hektar yang melibatkan 2,274 buah kampung di seluruh negara kita yang berpotensi

untuk dimajukan. Keluasan bagi setiap negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Keluasan (hektar)</i>
Kedah	135,465
Perak	90,334
Kelantan	86,371
Terengganu	59,905
Pahang	48,182
Johor	44,558
Selangor	26,617
Perlis	24,860
Negeri Sembilan	21,211
Melaka	16,376
Pulau Pinang	15,253
Jumlah	569,132

Bagi melaksanakan pembangunan setempat di bawah konsep Dasar Pertanian Negara ini, FELCRA merancang bagi membuka sebanyak 137 buah rancangan (seluas 20,270 hektar) pada tahun 1984 yang akan melibatkan 23 buah rancangan (seluas 3,937 hektar) di negeri Kedah sahaja. Di negeri Kedah terdapat 23 kawasan yang sudah dikenalpasti yang melibatkan seluas 3,937 hektar.

Bagi tahun 1985 pula FELCRA bercadang untuk membuka seluas 30,825 hektar bagi termasuk 8,013 hektar di negeri Kedah. Bagaimanapun, setakat ini, bilangan projek yang akan dimajukan belum dapat ditentukan lagi.

Pembukaan rancangan-rancangan ini sama ada bagi 1984 atau 1985 adalah bergantung kepada peruntukan yang akan diterima oleh FELCRA kerana keseluruhan rancangan ini merupakan rancangan tambahan kepada projek-projek yang telah diluluskan peruntukan bagi tahun 1984.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa projek pembangunan setempat

atau *in-situ* ini adalah sesuai bagi memajukan kampung-kampung tradisional dan oleh kerana konsep yang menggabungkan sama ciri-ciri pemulihan dan penyatuan di samping menerapkan unsur meningkatkan produktiviti melalui penggunaan resources atau sumber yang ada. Bukanlah menjadi tujuan Kerajaan atau Kementerian saya bagi memperlakan atau melambatkan pelaksanaan projek pembangunan setempat ini, malah pada masa ini pihak Kementerian saya sedang memberikan perhatian dan penelitian ke arah meningkatkan program tersebut. Usaha memulihkan kesemua kawasan yang telah dirancangan akan memakan masa selama 11 tahun sehingga 1985.

Untuk tujuan ini beberapa model projek pembangunan setempat didapati sesuai untuk digunakan. Model-model itu adalah seperti berikut:

Model Pemulihan

- (i) Melalui Pemulihan secara Pertanian Berkoperatif.
- (ii) Melalui Pemulihan lot demi lot.

Model Penyatuan

- (i) Penyatuan Tanah secara Pengurusan.
- (ii) Penyatuan Rancangan Pinggir FELCRA dengan Tanah Kampung Tradisional.
- (iii) Penyatuan Pembangunan Setempat ala Kampung Kok, Langkawi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian

Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah oleh kerana *in situ* development ini merupakan projek untuk kampung tradisional dan juga untuk orang-orang miskin, tetapi terdapat juga *in situ* development ini mereka akan mendapat serba-serbi kemudahan. Jadi mereka yang menyertai projek ini terdapat juga orang kaya yang memiliki tanah. Jadi adakah pihak Kerajaan bercadang supaya orang-orang kaya ini hanya dibayar pampasan dan oleh kerana mereka ini banyak tanah dan dibayar pampasan dan tidak dibenarkan menyertai di dalam projek *in situ* development ini kerana mereka ini akan mempengaruhi pula peserta-peserta lain dengan cara-caranya yang tersendiri. Jadi apakah cadangan saya ini boleh dilaksanakan oleh pihak Kementerian?

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, cadangan itu baik tetapi hendak melaksanakan untuk membayar pampasan bagi tanah orang-orang kaya itu susah sedikit. Walau bagaimanapun saya menolak bahawa rancangan *in situ* ini kita menolong orang kaya. Sebenarnya apabila kita menjalankan projek *in situ* programme terdapat 1 atau 2 lot tanah orang kaya tetapi tanah orang kaya ini sebenarnya juga adalah tanah tertinggal. Sekiranya orang kaya mengharapkan pendapatan daripada tanah ini, orang kaya ini akan menjadi miskin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diberitahu oleh Setiausaha Parlimen baru sekejap tadi bahawa projek pembangunan setempat ini adalah merupakan satu projek yang baik, yang memberi keuntungan kepada orang-orang miskin dan keutamaannya diberi kepada kampung-kampung tradisional. Di sini saya ingin tahu mengapa dalam perancangan yang dibuatnya setakat ini dipilih 3 tempat sahaja dan keutamaan diberi misalnya

di Kelantan kepada Pasir Puteh sahaja, sedangkan banyak lagi kawasan-kawasan yang saya fikir lebih berfaedah untuk rancangan yang baik begini?

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, tidak semua orang lahir di dalam dulang emas. Jadi kalau Pasir Puteh terpilih tidak bermakna kawasan lain akan terpilih juga. Kita sudah mencadangkan untuk membelanjakan sebanyak lebih kurang \$30 juta lagi. Kalau permohonan kita diluluskan oleh Kerajaan bagi membangunkan kawasan-kawasan yang telah kita kenalpasti di dalam jawapan yang telah saya sebutkan tadi, mudah-mudahan kawasan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ini akan terpilih, tetapi sekiranya kawasan Ahli Yang Berhormat ini tidak ada tanah terbiar, saya mohon maaf kerana kita tidak akan memulihkan tanah yang sudah maju.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan bahawa ada 3 kawasan yang dipilih iaitu di Langkawi, Pasir Puteh dan di Ulu Berang. Jadi saya ingin bertanya, setakat ini ketiga-tiga kawasan ini berapa peratuskah tahap pencapaian yang diperolehi berdasarkan objektif *in situ* ini?

Yang kedua, jika tahap pencapaian tidak 100% atau maksimum, apakah faktor-faktor penghalang yang menyebabkan kejayaan tidak dapat dicapai?

Yang ketiga, sekiranya didapati keadaannya tidak berjaya, adakah Kerajaan hendak meneruskan rancangan *in situ* ini?

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut soalan asal dan soalan-soalan tambahan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli dari Tumpat dan Pasir Puteh ternyata bahawa *in situ* program ini adalah satu

program yang berjaya. Jadi saya tidak akan menjawab soalan yang pertama.

Menjawab soalan yang kedua, halangan-halangan yang berlaku terhadap projek ini pada peringkat awal ialah untuk mengadakan penyatuan dan penerimaan tuan-tuan tanah di kawasan yang berkenaan tetapi setelah kita memberi penerangan yang jelas atas program *in situ* ini dan kejayaan-kejayaan yang akan mereka capai daripada kemudahan-kemudahan asas dan penyatuan tenaga serta penyatuan kerja dan konsep kemasyarakatan bersama ini, bahawa kita akui ketiga-tiga rancangan yang telah kita jalankan ini membawa kejayaan. Maka dengan itulah bagi menjawab soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda tadi, di Kedah sahaja kita telah mengenalpasti 23 kawasan yang akan kita jalankan.

Bagi menjawab soalan yang ketiga, kita akan menjalankan rancangan *in situ* ini seperti yang saya sebutkan sekiranya peruntukan lebih daripada \$30 juta yang telah kita mohon ini diperkenankan oleh Kerajaan dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat yang tertarik dengan program ini akan memberi sokongan dengan sepenuh-penuhnya.

PENGGUNAAN KOMPUTER DI SEKOLAH

17. **Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan komputer-komputer di sekolah-sekolah bagi penuntut-penuntut belajar penggunaan komputer dan sebagai alat-alat pengajaran. Kalau ya, apakah rancangan ini dan apakah perbelanjaan yang dianggar.

Datuk Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, ketika ini Kementerian Pelajaran berada di dalam fasa akhir

kajian mengenai pendidikan komputer dan penggunaannya sebagai alat bantu pembelajaran. Memandangkan komputer adalah sebuah alat sophisticated yang memerlukan seseorang itu mempunyai beberapa pengetahuan asas untuk membolehkannya menggunakan komputer dengan bermanfaat, kajian berkenaan dengan perkara ini perlu dijalankan dengan berhati-hati sekali bukan sahaja dengan mempertimbangkan implikasinya terhadap kandungan kurikulum secara keseluruhannya bahkan juga implikasi kewangan dan latihan guru.

Walau bagaimanapun buat masa ini Kementerian Pelajaran tidak menghalang atau membantah sekolah-sekolah yang berusaha menubuhkan kelab komputer mereka untuk memberi peluang penuntut-penuntut belajar menggunakan komputer.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing.

(Soalan No. 18 Y.B. Tuan Fung Ket Wing tidak hadir).

HOSPITAL DI DAERAH BELAGA—PEMBINAAN

19. Tuan Justine Anak Jinggut minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian beliau bercadang untuk membina satu "Health Centre" di daerah Belaga di Bahagian Ketujuh Sarawak yang setakat ini hanya mempunyai Klinik Desa walaupun daerah Belaga begitu terpencil dan mempunyai penduduk-penduduk yang begitu ramai.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan pada masa ini tidak ada cadangan untuk membina sebuah hospital di daerah

Belaga di Bahagian Ketujuh di Sarawak memandangkan daerah tersebut telah mempunyai 5 buah Sub-Dispensary di samping 2 buah Pasukan Kesihatan Bergerak yang membuat lawatan-lawatan dan juga 18 buah tempat yang diberi Perkhidmatan Perubatan Udara. Pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan mendalam boleh dirujuk ke hospital di Kapit.

KAKITANGAN DI JABATAN PENDAFTARAN SARAWAK—KEKURANGAN

20. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah:

- (a) kekurangan anggota-anggota pekerja di Jabatan Pendaftaran di Sarawak terutama sekali di kawasan bandar-bandar kecil;
- (b) kelambatan mendapatkan sijil beranak dan kad pengenalan; dan
- (c) berapa ramai kaum Bumiputera yang masih mempunyai Kad Pengenalan Merah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekurangan kakitangan di Jabatan Pendaftaran merupakan masalah yang dihadapi oleh semua peringkat di seluruh negara, termasuklah di negeri Sarawak. Namun demikian kekurangan ini tidak diabaikan berlaku sehingga ia boleh menjejaskan prestasi Jabatan Pendaftaran Negara serta kepentingan rakyat. Jabatan Pendaftaran Negara mengambil setiap tindakan yang sesuai untuk memastikan bahawa rakyat mendapat kemudahan dan perkhidmatan sepenuhnya dari Kerajaan.

Bagi menjawab bahagian (b), adalah menjadi kewajiban Jabatan Pendaftaran Negara memberikan perkhidmatan positif dan berkesan kepada semua penduduk di negara ini terutamanya di kawasan-kawasan pendalaman dan terpencil, termasuklah khidmat pendaftaran permohonan Kad Pengenalan dan Surat Beranak. Kelewatan untuk mendapatkan Kad Pengenalan dan Sijil Beranak sebenarnya tidak berlaku. Sebaliknya Jabatan Pendaftaran Negara memerlukan masa untuk menyemak dan memastikan kebenaran setiap keterangan dan maklumat yang diperolehi daripada pemohon-pemohon berkenaan. Ini memerlukan semakan yang teliti sebelum setiap dokumen yang penting itu dapat diberi kepada pemohon-pemohon berkenaan. Masalah perhubungan fizikal yang sukar di negeri Sarawak khususnya di kawasan pendalaman juga menyebabkan seorang pemohon menerima dokumen-dokumen yang mereka perlukan itu dalam jangka masa yang lebih lama dari tempoh sepatutnya.

Bagi menjawab soalan (c), setiap orang Bumiputera adalah warganegara mengikut perjalanan undang-undang di bawah Perlembagaan Malaysia. Setiap warganegara Malaysia layak memegang dan memiliki Kad Pengenalan Biru. Oleh yang demikian seorang Bumiputera tidak sepatutnya memegang atau memiliki Kad Pengenalan Merah.

Tuan Justine Jiggut: Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa kebanyakan daripada anak-anak mereka yang tidak mempunyai sijil beranak tidak boleh menyertai peperiksaan LCE?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, soal yang berbangkit bukan soal sedar atau tidak sedar. Soal yang perlu kita ingati ialah bahawa tiap-tiap seorang daripada kita terpaksa mempunyai surat beranak. Itu yang perlu.

KUTIPAN TOL DI LEBUHRAYA KUALA LUMPUR/KELANG

21. Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa kutipan tol akan dibuat di Lebuhraya Kuala Lumpur/Kelang. Sekiranya benar apakah Kementerian yang berkenaan sudah membuat kajian bahawa jalan yang berkenaan adalah merupakan jalan penting dan amat sibuk seperti dalam bandaraya juga dan ini menyusahkan orang ramai.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa Kementerian saya mempunyai cadangan untuk mengadakan kutipan tol di Lebuhraya Kuala Lumpur/Kelang. Bagi urusan ini kajian sewajarnya sedang dilaksanakan supaya langkah-langkah yang sesuai akan diambil bagi maksud kutipan tol itu dapat dibuat dengan sempurna dan tidak sangat menyusahkan orang ramai. Di antara kajian yang dibuat termasuklah juga untuk membuat penentuan bahagian mana sepanjang jalan itu patut ditolkan.

KONSEP BANDARAYA KEMBAR (TWIN CITIES)

22. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah faedah dan keuntungan terdapat akibat dari pembentukan Kuala Lumpur/Tokyo; Kuala Lumpur/Brussels sebagai "Twin Cities".

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian saya belum mempunyai rancangan penubuhan bandaraya kembar di antara Kuala Lumpur dan Brussels. Bagaimanapun ada cadangan penubuhan bandaraya kembar di antara Kuala

Lumpur dan Tokyo yang bertujuan untuk menjalinkan hubungan muhibbah dengan kerjasama dalam bidang ekonomi, kebudayaan dan sosial. Kita sedia maklum Kerajaan Jepun mempunyai kepakaran dan tenaga kerja yang mahir dalam bidang industri teknikal dan saintifik yang boleh membantu pembangunan negara Malaysia amnya dan pembangunan Kuala Lumpur khususnya.

Hubungan yang rapat boleh dicapai melalui penglibatan dalam bidang kebudayaan, perdagangan serta kerjasama ekonomi dan teknikal. Dalam rangka kerjasama yang dirancang ini adalah diharapkan hubungan di antara kedua ibu negara ini boleh dilaksanakan melalui pertukaran pegawai-pegawai, lawatan rombongan-rombongan khususnya rombongan belia, persembahan kebudayaan, penerbitan filem, program radio, lawatan pasukan sukan, pameran pengeluaran tempatan dan pertukaran perdagangan.

Hubungan dua hala di antara Malaysia dengan Jepun boleh ditingkatkan melalui pembentukan bandaraya kembar ini. Pembentukan kerjasama ini boleh meningkatkan lagi hubungan yang rapat di antara kedua bandaraya khasnya dan penduduk Malaysia dan Jepun umumnya. Kepakaran dan kemahiran negara Jepun dalam pelbagai bidang sudah tentu dapat membantu pentadbiran Bandaraya Kuala Lumpur itu sendiri untuk menggunakan pengalaman tersebut bagi memajukan Kuala Lumpur melalui pertukaran maklumat, pengalaman, perancangan, pentadbiran dan di dalam melaksanakan konsep dan projek pembangunan.

Di samping itu, dapat menambahkan lagi perhubungan ekonomi dan perdagangan di antara kedua-dua negara, penubuhan bandaraya kembar ini akan memberi peluang penduduk-penduduk kedua bandaraya

untuk mengetahui dan memahami kebudayaan, tradisi dan tatasusila negara masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 2, 4, 8, 12, 18 dan 23 hingga 33 adalah diberi di bawah ini).

KWSP—KADAR FAEDAH KEPADA PENCARUM

1. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bercadang untuk menaikkan kadar sumbangan pekerja dan majikan. Jika benar, berapa peratus akan dinaikkan dan apakah maksud kenaikan itu.

Dato' Sabbaruddin Chik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah mengkaji semula skim-skim yang ada sekarang yang bertujuan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan lagi faedah-faedah kepada pencarum-pencarumnya sebelum dan selepas bersara. Mengenai cadangan menaikkan kadar sumbangan pekerja dan juga majikan, perkara ini masih di dalam kajian dan setakat ini belum ada sesuatu keputusan lagi.

PASUKAN KESELAMATAN DI KAPIT

2. Datuk Leonard Linggi anak Jugah minta Menteri Pertahanan menyatakan berikutan terjumpanya anasir-anasir komunis dan memandangkan kepada kegiatan-kegiatan mereka untuk menakut-nakutkan rakyat di Bahagian Ketujuh sama ada pihak Kementerian mempunyai cadangan-cadangan untuk

menempatkan pasukan keselamatan di Kapit untuk menjaga keselamatan kawasan itu.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Segala kegiatan musuh dalam Bahagian Ketujuh sentiasa diawasi oleh pasukan keselamatan kita khususnya oleh Markas "RASCOM". Pihak RASCOM mempunyai keazaman dan kemampuan yang cukup untuk bertindak terhadap musuh-musuh yang cuba menakutkan rakyat dalam kawasannya.

Untuk menjamin keselamatan di kawasan tersebut, pasukan-pasukan keselamatan telah pun ditempatkan di beberapa kawasan dalam Bahagian ketujuh sejak tahun 70'an dahulu lagi untuk mengawasi serta meronda kawasan-kawasan tertentu. Belum ada rancangan untuk menempatkan pasukan tentera di Kapit secara tetap buat masa ini. Pengawasan dan rondaan yang dibuat oleh pasukan-pasukan yang sedia ada dan operasi-operasi yang dilaksanakan dari masa ke semasa dalam Bahagian Ketujuh adalah mencukupi untuk mengawal kegiatan musuh.

Walau bagaimanapun dengan adanya permintaan dari rakyat agar unit Pasukan Keselamatan ditempatkan di Kawasan Kapit, ini jelas mencerminkan kejayaan Kerajaan mendapat sokongan positif dari rakyat dalam usaha kita membentras dan menghancurkan musuh negara.

Sokongan begini memang dialu-alukan untuk membuktikan bahawa rakyat yang cintakan keamanan tidak pernah menyokong atau menyebelahi pihak musuh, malah sentiasa bekerjasama dengan pasukan keselamatan. Untuk tujuan ini satu rancangan telah dilaksana untuk menempatkan (deploy) unit kecil Pasukan Keselamatan bagi mengawasi kawasan tersebut.

ALAT PEMADAM API DI SEKOLAH

4. Tuan Hassan Alban bin Sandukong minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian Pelajaran sedar terdapat beberapa sekolah-sekolah Kerajaan yang tidak langsung dilengkapi dengan alat-alat pemadam api.

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Perkara ini memang disedari dan menjadi perhatian Kementerian Pelajaran untuk melengkapkan semua sekolah-sekolah Kerajaan dengan alat-alat pemadam api. Untuk makluman Yang Berhormat, sekolah-sekolah yang tidak dilengkapi dengan alat-alat tersebut adalah sekolah-sekolah yang telah lama dibina sebelum Peraturan Bangunan dikuatkuasakan. Semua sekolah-sekolah yang dibina selepas peraturan-peraturan Bangunan tersebut dikuatkuasakan adalah dilengkapi dengan alat-alat pemadam api. Walau bagaimanapun Kementerian pelajaran akan memberi kemudahan tersebut kepada mana-mana sekolah yang masih tidak mempunyainya.

DUTI IMPORT ALAT SUKAN

8. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihak Kementerian sedar bahawa tindakan mengenakan cukai terhadap kesemua barang-barang kegunaan untuk sukan membebankan serta menghalang kemajuan kesukanan di negara kita, jika sedar inginkan pihak Kementerian membatalkan atau menarik balik kesemua cukai yang dikenakan pada masa kini.

Dato' Sabbaruddin Chik: Setahu saya kebanyakan alat-alat sukan hanya dikenakan duti import sebanyak 5%. Kadar ini yang dikenakan sebelum Belanjawan 1984, tidak boleh disifatkan sebagai membebankan serta menghalang kemajuan sukan di negara

kita. Walau bagaimanapun semasa Belanjawan 1984, duti import sebanyak 50% dikenakan ke atas permainan "parcour, table and fun-fair" di bawah kod tarif 97.04 990. Tujuan cukai ini dikenakan adalah semata-mata untuk menggalakkan pengeluaran permainan-permainan (seperti "snake and ladder" dan sebagainya) di dalam negeri dan juga untuk memberi pertimbangan kepada pengeluar-pengeluar tempatan yang sedang mengeluarkan permainan-permainan ini.

PENGELUARAN GETAH— MENJENTERAKAN

12. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mengapa usaha-usaha untuk memekanikkan pengeluaran getah seperti dalam bidang menoreh, memungut dan memproses tidak berjaya sungguhpun ianya adalah penting untuk masa depan perusahaan getah asli.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Usaha-usaha untuk menjenterakan (memekanisasikan) pengeluaran getah seperti dalam bidang menoreh, memungut dan memproses masih lagi dalam penelitian dan percubaan terutamanya oleh Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) yang sedang berusaha untuk memajukan lagi sistem mekanisasi pengeluaran getah negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat usaha-usaha menjenterakan sistem pengeluaran getah ini melibatkan beberapa peringkat iaitu di peringkat yang meliputi penanaman, pengendalian ladang-ladang, penorehan, pungutan dan pemerosesan.

Di peringkat awal penubuhan ladang terutamanya untuk tujuan penanaman

getah, didapati operasi seperti menebang, membuat teres, melobang dan pembinaan parit telah pun dimekanisasikan. Di peringkat pengendalian ladang, pihak RRIM terus berusaha menyelidik beberapa teknik untuk memudahkan proses pengendalian ladang dan dalam hubungan ini pengawalan rumput rumpai, pengawalan penyakit dan pembajaan secara mekanisasi telah pun dijalankan. Didapati penggunaan penyembur ultra-low volume untuk mengawal rumput rumpai adalah lebih murah daripada teknik-teknik biasa dan dalam pengawalan penyakit, didapati teknik yang menggunakan "mechanised fogging" dapat meliputi kawasan yang lebih luas kalau dibandingkan dengan teknik biasa dalam waktu yang sama.

Dalam bidang menoreh pula pihak RRIM dari masa ke semasa telah cuba memperbaiki sistem menoreh dengan memperkenalkan sistem menoreh dari torehan setiap hari sehingga kepada sistem sekali dalam 6 hari. Di samping itu dengan kerjasama Firma Jepun, MRRDB/RRIM telah memperkenalkan sejenis pisau torehan yang tidak memerlukan kemahiran serta mengurangkan kerosakan kepada pokok getah dan dengan itu dapat mengurangkan masalah kekurangan tenaga buruh di sektor industri getah. Pisau torehan berjentera yang menggunakan bateri tersebut pada masa ini sedang dicuba di beberapa estet dan sektor pekebun kecil untuk diperbaiki lagi sebelum ianya digunakan dengan lebih luas di dalam industri getah.

Dalam bidang memungut pula, penyelidikan terus dibuat bagi menentukan satu sistem mekanikal dalam memungut getah dan salah satu daripada sistem yang sedang diselidik ialah melalui sistem saluran paip tertutup.

Mengenai bidang memproses, sukacita saya memaklumkan bahawa penggunaan automasi dalam bidang ini amatlah menggalakkan terutamanya bagi kilang-kilang yang mengeluarkan getah "block" seperti Getah Mutu Malaysia (SMR).

Dari penjelasan di atas dapatlah disimpulkan bahawa beberapa peringkat dalam industri getah telah pun mengamalkan mekanisasi. Walau bagaimanapun adalah diakui bahawa ada peringkat dalam industri getah yang belum dimekanisasikan. Namun demikian, sukacita saya memaklumkan bahawa usaha-usaha penyelidikan sedang giat dijalankan oleh RRIM untuk memperkenalkan mekanisasi di dalam industri getah sebagai salah satu usaha menjimatkan penggunaan tenaga dan bilangan tenaga manusia.

PEJABAT POS BESAR SANDAKAN

18. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah sebab-sebab Pejabat Pos Besar yang baru di Sandakan belum lagi dibuka untuk memberi perkhidmatan walaupun telah lama siap dibina, bilakah ianya dijangka akan mula berfungsi.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pejabat Pos baru Sandakan belum lagi dapat dibuka oleh kerana kerja-kerja membina benteng (sea wall) sepanjang 330 kaki untuk menahan hakisan air laut dan memagar kawasan bangunan belum siap. Bagaimanapun, tindakan sedang diambil untuk membuka juga Pejabat Pos berkenaan secepat mungkin sementara menunggu siapnya kerja-kerja di luar bangunan itu. Oleh itu Pejabat Pos baru ini dijangka akan mula memberi perkhidmatan kepada orang ramai dalam bulan Jun, 1984 ini.

PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN

23. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan permohonan kewarganegaraan dalam tiap-tiap kategori pada tahun 1983 dan berapakah antaranya telah diluluskan; dan
- (b) apakah sebab-sebab utama permohonan-permohonan ditolak.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:

- (a) Jumlah pemohon kewarganegaraan yang diterima dan diluluskan dalam tahun 1983 mengikut Perkara-perkara tertentu Perlembagaan Malaysia adalah seperti berikut ini:

<i>Perkara</i>	<i>Diterima Diluluskan</i>	
1. Seksyen 1 (c), Bahagian II, Jadual Kedua, Perlembagaan Malaysia.	464	5
2. Perkara 15 (1)	1,980	3,033
3. Perkara 15 (2)	283	150
4. Perkara 15 (3)	2	33
5. Perkara 15 (A)	50	25
6. Perkara 16	233	632
7. Perkara 16A	1	20
8. Perkara 19 (1) (a) (i)	420	227
9. Perkara 19 (2)	25	11
	3,438	4,136

- (b) Setiap permohonan kewarganegaraan adalah dikaji dan disemak dengan teliti serta rapi demi memastikan kebenaran setiap maklumat dan keterangan yang dikemukakan oleh seorang pemohon itu. Kerajaan perlu

mengambil tindakan yang begitu rapi oleh kerana pemberian taraf kewarganegaraan kepada seseorang yang sebelumnya bukan warganegara Malaysia ialah satu anugerah tertinggi negara. Oleh yang demikian, Kerajaan terpaksa menolak mana-mana permohonan kewarganegaraan yang tidak mempunyai kelayakan dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perlembagaan Malaysia.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada 31hb. Dis., 1983, Kerajaan telah menyelesaikan 99.33% daripada jumlah permohonan kewarganegaraan yang diterima. Ini bermakna bahawa hanya 0.67% permohonan yang masih diproseskan oleh Kerajaan.

PERMIT TEKSI KEPADA PEMANDU

24. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) bilangan penolakan bagi rayuan permit teksi yang datangnya dari pemandu-pemandu yang dibuktikan telah 10 tahun dan 15 tahun masing-masing lamanya menyewa teksi kepunyaan orang lain;
- (b) apakah Kementerian beliau akan menjalankan penyelidikan menyeluruh untuk menentukan bilangan ramainya pemandu-pemandu teksi yang sudah 10 tahun atau 15 tahun lamanya mencebur diri dalam bidang pengangkutan tetapi terpaksa menyewa teksi kepunyaan orang lain; dan
- (c) apakah langkah yang sedang atau akan dijalankan untuk memberi lesen kepada pemandu-pemandu itu.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Mengikut rekod yang ada, pada tahun 1983 bilangan penolakan bagi rayuan permit teksi dan pemandu-pemandu yang telah menyewa selama 10 tahun teksi kepunyaan orang lain ialah 17 orang dan bagi yang menyewa selama 15 tahun pula ialah 2 orang.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian saya tidak bercadang untuk menjalankan penyelidikan menyeluruh bagi menentukan bilangan pemandu-pemandu teksi yang sudah menyewa teksi kepunyaan orang lain selama 10 atau 15 tahun kerana saya berpendapat penyelidikan sedemikian itu tidaklah diperlukan lagi buat masa ini. Di dalam hubungan ini, sukalah saya menjelaskan bahawa tempoh seseorang pemandu menyewa teksi kepunyaan orang lain bukanlah merupakan kriteria utama bagi mendapatkan permit teksi. Selain daripada kriteria tersebut, pemberian permit teksi adalah juga dibuat berdasarkan kepada keperluan sebenar perkhidmatan teksi bagi setiap pengkalan atau kawasan di mana teksi itu hendak dijalankan. Adalah tidak wajar untuk mengeluarkan permit tambahan bagi sesuatu pengkalan atau kawasan yang sudah terbukti mempunyai bilangan teksi yang cukup. Pengeluaran permit teksi yang berlebihan daripada keperluan sebenarnya akan menimbulkan keadaan pertandingan yang tidak sihat di antara pengusaha-pengusaha teksi itu sendiri di samping masalah-masalah lain yang berkaitan seperti kesukaran mendapatkan penumpang, pemajakan permit dan sebagainya.

POLIS—PENYALAH- GUNAAN KUASA

25. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan kes kekerasan Polis yang telah dilaporkan semenjak bulan Julai 1981 hingga

28 Februari 1984, dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil ke atas mereka yang terlibat.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Jumlah pengaduan berkaitan dengan kekerasan atau penyalahgunaan kuasa oleh anggota Polis Diraja Malaysia yang diterima daripada orang awam sejak 1 Julai 1981 hingga 28 Februari 1984 ialah sebanyak 418.

Semua pengaduan-pengaduan itu telah disiasat dan didapati 166 daripadanya tidak mempunyai asas. Hanya sebanyak 252 pengaduan sahaja yang ada asas-asasnya. Dari jumlah itu sebanyak 38 kes telah dihadapkan ke mahkamah. 10 telah disabitkan kesalahan, 4 kes telah dibuang bicara manakala 24 kes lagi masih menunggu hari perbicaraan.

Sebanyak 42 kes telah diambil tindakan tatatertib di mana 5 orang anggota terlibat telah dibuang kerja, 11 dikenakan denda, 15 orang dikenakan cecairan dan 11 anggota lagi diberi amaran dan teguran. Bakinya sebanyak 172 kes lagi masih dalam siasatan lanjut untuk diambil tindakan.

PERDAGANGAN DUA HALA MALAYSIA-JEPUN

26. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah hasil yang diperolehi oleh Kerajaan akibat Dasar Memandang ke Timur, apakah perhubungan dan perdagangan Malaysia dengan Jepun telah bertambah baik; jika ya, beri butir-butir lanjut khasnya mengenai pelaburan yang dilaburkan dan sebagainya.

Tuan Oo Gin Sun: Dasar memandang ke Timur sebenarnya tidak mempunyai perkaitan secara langsung dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan perdagangan dua hala antara Malaysia dengan Jepun, tetapi adalah bertujuan

untuk mencontohi usaha-usaha Jepun dalam membangunkan negara mereka. Perkara-perkara yang dititikberatkan dalam dasar ini ialah tentang etika kerja seperti kerajinan bekerja, disiplin bekerja, memberi keutamaan kepada kumpulan ini tidak mempunyai kepentingan diri sendiri, kesetiaan kepada negara dan organisasi di mana pekerja itu bekerja, memberi penekanan ke atas dasar dan mutu pengeluaran, mutu bekerja peningkatan kecekapan, mengurangkan perbezaan dan pemisahan antara eksekutif dengan pekerja-pekerja bawahan serta mengambil sistem pengurusan yang menitikberatkan kejayaan jangka panjang dan bukannya kejayaan atau faedah jangka pendek. Nilai-nilai dan norma-norma tersebut adalah penting untuk menjamin kejayaan, pembangunan dan kemajuan negara serta mewujudkan suatu masyarakat Malaysia yang berdisiplin dan bersatu.

Oleh itu, sekiranya terdapat perkembangan atau penambahan dalam hubungan perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dengan Jepun, maka itu adalah secara tidak langsung sahaja.

BAHASA MALAYSIA STANDARD

27. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Penerangan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini bagi mewujudkan satu corak peraturan Bahasa Malaysia yang standard, supaya lebih berkesan dalam bidang percakapan harian oleh semua rakyat terutama yang bukan dari keturunan Melayu.

Menteri Penerangan (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Saya telah pun menjelaskan pertanyaan ini dengan panjang lebar dalam jawapan saya kepada soalan Yang Berhormat dari Kawasan Setapak pada 15hb Mac, 1984. Saya tidak bercadang untuk

menambah apa-apa kenyataan lagi mengenai pertanyaan tersebut.

SOSIO-EKONOMI ASEAN

28. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan-tindakan konkrit yang telah diambil oleh negara-negara ASEAN untuk memujuk Jepun mengadakan komitmen yang lebih besar bagi diri gergasi ekonomi itu terhadap kebaikan ekonomi, kebudayaan, pelajaran dan kewangan rantau Asia-Pasifik.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Banyak usaha-usaha telah diambil oleh ASEAN untuk mendapatkan Jepun memainkan peranan yang lebih berkesan bagi membangunkan sosio-ekonomi ASEAN. Dailog ASEAN/Jepun yang diadakan tiap-tiap tahun mengenai masalah-masalah antara-bangsa di bidang-bidang politik dan ekonomi adalah bertujuan untuk memupuk dan mengujudkan satu persefahaman yang lebih baik untuk menambah keupayaan dan pembangunan negara-negara ASEAN.

Supaya dailog ini berjalan terus dan berkembang, ASEAN telah mengadakan forum ini di peringkat pegawai juga sejak tahun 1977. Forum ini menitik-beratkan aspek-aspek kerjasama dan bantuan di antara ASEAN dan Jepun dalam bidang-bidang ekonomi, sosial kebudayaan, sains dan teknologi.

Pada peringkat swasta pula, satu badan "Perbadanan Kewangan ASEAN" (ASEAN Financial Corporation) telah menaja usaha untuk mengembeling keupayaan pihak swasta Jepun untuk menambah pelaburan di negara-negara ASEAN. Sekali gus pelaburan ini akan menghasilkan pertukaran teknologi.

Hasil dari usaha-usaha itu, ASEAN dan Jepun kini dapat mengatasi sedikit sebanyak kelemahan-kelemahan dalam hubungan antara mereka. ASEAN masih memerlukan pasaran Jepun yang lebih besar terutama bagi hasil usahasama industri ASEAN/Jepun. ASEAN juga memerlukan peningkatan teknologi bagi industri-industrinya supaya boleh meningkatkan taraf hidup rakyatnya kepada tahap yang lebih tinggi.

Usaha-usaha ASEAN ini masih belum mencapai hasil yang dapat dibanggakan. Bagaimanapun dalam lapangan bantuan teknik, beberapa langkah-langkah yang baik sudah dibuat, di antaranya ialah penubuhan sebuah "Pusat Penggalakkan Perdagangan, Pelaburan dan Pelancungan" (ASEAN Promotion Centre for Trade, Investment and Tourism) di Tokyo, penubuhan "Projek Pembangunan Tenaga Manusia" (ASEAN Human Resources Development Project) dan pinjaman kewangan bagi menjayakan "Projek Urea ASEAN".

MISC—KAPAL TANGKI GAS CECAIR NITROGEN

29. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kesemua 4 buah kapal tangki gas cecair nitrogen yang dipesan oleh MISC sedang digunakan dan jika tidak, berapa daripada kapal-kapal tangki tersebut yang di "mothballed" dan kerugian kewangan yang dialami akibat kehilangan hasil disebabkan kapal-kapal tersebut tidak digunakan serta bayaran faedah yang dikenakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): MISC sekarang ini memiliki sejumlah lima (5) buah kapal gas asli cecair (LNG) yang

mana dua (2) daripadanya sedang digunakan dan sebuah lagi sedang di dalam persediaan untuk digunakan pada kira-kira pertengahan tahun ini. Baki dua buah selebihnya masih disimpan (laid-up) dan dijangka akan digunakan pada tahun 1985.

Oleh kerana kelima-lima buah kapal tersebut adalah dibeli hanya untuk projek gas asli cecair di Bintulu, maka adalah wajar penilaian tentang untung atau ruginya dari segi kewangan mengambil kira pelaburan di dalam dan hasil pendapatan daripada kelima-lima buah kapal kesemuanya. Adalah dimaklumkan bahawa MISC tidak mengalami apa-apa kerugian dari pelaburannya di dalam kelima-lima buah kapal itu.

Menyentuh tentang bayaran faedah bagi tahun 1984, oleh kerana perjanjian yang telah dibuat oleh MISC dengan pihak tertentu yang menyediakan kewangan termasuk syarat-syarat supaya kadar dan syarat-syarat pinjaman dirahsiakan, maka tidaklah sesuai jika perkara ini diumumkan.

HUKUMAN GANTUNG DI BAWAH ISA

30. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan bilangan orang-orang yang dijatuhkan hukuman gantung di bawah ISA; bilangan mereka yang belum digantung dan mereka yang telah digantung semenjak 1hb. Janurai, 1980.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan orang yang dijatuhkan hukuman gantung di bawah ISA semenjak 1hb. Januari, 1980 ialah seramai 38 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 14 orang masih belum menjalani hukuman gantung dan seramai 17 orang telah menjalani hukuman gantung.

LAPANGAN TERBANG TUDM GONG KEDAK

31. Wan Mohd Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Pertahanan menyatakan bilakah pembinaan Lapangan Terbang TUDM Gong Kedak akan dilaksanakan dan berapakah peruntukan yang diuntukkan bagi pembinaannya nanti.

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Memandangkan keadaan kemelesetan ekonomi negara, perlaksanaan pembinaan Lapangan Terbang TUDM Gong Kedak telah ditangguhkan buat sementara waktu. Walau bagaimanapun pengambilan tanah untuk projek tersebut masih lagi diteruskan.

PINJAMAN BANDAR BARU "ATABARA" DARI KWSP

32. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar Kerajaan Negeri Pahang telah meminjam sebanyak \$50 juta dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk membina sebuah bandar baru bernama "Atabara" di Pahang, jika ya, apakah syarat-syarat dan terma-terma pinjaman-pinjaman tersebut, dan sama ada terdapat apa-apa kebenaran di dalam dakwaan yang menyatakan tidak sebuah rumah pun dibina di situ walaupun pihak KWSP telah mengeluarkan wang untuk tujuan tersebut; jika ya, sama ada siasatan telah dijalankan ke dalam perkara tersebut dan nyatakan hasil siasatan tersebut; jika tidak, mengapa.

Dato' Sabbaruddin Chik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pinjaman sebanyak \$50 juta telah diberi oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kepada Lembaga Kemajuan Negeri Pahang (LKNP). Perjanjian Pinjaman ini telah pun ditandatangani

pada 26hb. Jun, 1983 dan syarat-syarat pinjaman ini adalah seperti berikut:

- (i) Kadar faedah 10.5% setahun;
- (ii) Tempoh pinjaman ialah 15 tahun dengan pembayaran balik dibuat pada tahun ke sebelas dengan 10 bayaran ansuran tiap-tiap setengah tahun; dan
- (iii) Pinjaman ini dijamin oleh Kerajaan Persekutuan.

Tujuan LKNP mendapatkan pinjaman ini daripada KWSP ialah untuk membiayai perbelanjaan menyediakan infrastruktur utama seperti jalan-jalan, parit, bekalan-bekalan awam seperti elektrik dan air serta telefon dan sistem penajisan untuk projek Bandar Baru Kuantan (Atabara).

Seperti yang telah dinyatakan, pinjaman \$50 juta ini bukanlah untuk membina rumah-rumah di Bandar Baru Kuantan (Atabara). Pembangunan Bandar Baru ini dari segi perumahannya, akan dilaksanakan melalui konsep pengswastaan di mana pemaju-pemaju swasta akan dipelawa untuk menyertai dalam projek-projek pembinaan rumah di Bandar Baru ini.

KAKITANGAN KERAJAAN— NISBAH KOMPOSISI

33. Tuan Peter Chin Gan Onn minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar hakikat bahawa bilangan kakitangan Kerajaan yang sedia ada sekarang tidak mencerminkan nisbah komposisi kependudukan dan adakah sekarang rancangan untuk membetulkan keadaan tidak seimbang sebegini di masa hadapan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kerajaan sedar bahawa bilangan kakitangan yang ada sekarang tidak mencerminkan nisbah komposisi penduduk negara ini.

Kerajaan senantiasa mengawasi hakikat ini dan di mana difikirkan wajar untuk kepentingan negara, langkah-langkah yang sesuai diambil untuk memperbetulkan keadaan-keadaan yang tidak seimbang itu.

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT (1981-1985)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah,

Bahawa Dewan ini,

menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat;

bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan;

meluluskan dan *menyetujui* Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, yang telah dirangka untuk meliputi dasar-dasar dan program-program bertujuan untuk meninggikan lagi pertumbuhan ekonomi dan melaksanakan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 13 Tahun 1984.

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan ini *menyeru* semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatu padu

untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh (3hb April, 1984).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya dapati banyak lagi Ahli-ahli yang hendak berucap dan hari ini adalah hari penghabisan sebelum Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab. Oleh itu saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat janganlah berucap lebih daripada 15 minit. Semasa itu juga saya mengambil peluang ini memperingatkan esok ada tanaman pokok. Saya berharap banyak Ahli-ahli Yang Berhormat dapat hadir.

Saya persila Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar menyambung. Ada 6 minit lagi.

3.36 *ptg.*

Datuk Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Yang di-Pertua, dalam pengkajian Rancangan Malaysia Keempat ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa semua lapisan rakyat janganlah bergantung semata-mata kepada Kerajaan. Bahkan rakyat sendiri mestilah berdiri di atas kaki mereka sendiri. Ucapan ini mungkin diterima oleh rakyat. Tetapi apa yang amat penting ialah jalan masuk ke kampung-kampung baru ke rumah-rumah panjang di mana kawasan itu terdapat ramai penduduk, kerana pada pendapat saya jalanraya yang keutamaan yang sangat penting di seluruh kawasan luar bandar kerana kalaulah jalan besar atau jalan kecil dapat disediakan maka tanah-tanah yang berdekatan itu akan dapat ditanam dengan secara besar-besaran atau ditanam dengan cara moden atau ditanam secara joint venture seperti koko, kelapa sawit, getah, lada hitam, buah-buahan dan sebagainya. Hasil dari tanaman itu akan dapat menambahkan hasil Kerajaan.

Selain daripada itu juga Kerajaan juga perlu menyediakan seperti

bulldozer dan lain-lain jentera untuk disewa oleh rakyat. Rakyat memanglah sedar dan sanggup membuka tanah mereka dengan secara moden. Tetapi kalau tiada jalan disediakan oleh Kerajaan bahawa cara hidup mereka di luar bandar sangat susah. Kemiskinan rakyat itu tidak dapat diubahsuaikan bahkan kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafi bahawa hasil pendapatan mereka telah terjejas seperti buah-buahan dan sayur-sayuran. Bagaimanakah mereka akan dapat meninggikan taraf hidup mereka kalau tiada jalan disediakan oleh Kerajaan. Pada masa ini pengangkutan yang menjadi satu masalah kepada kaum petani-petani di kawasan yang tinggal iaitu di kawasan pendalaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini berani menekan bahawa selama saya menjadi Ahli Dewan Rakyat di dalam Dewan yang mulia ini iaitu dari tahun 1963 sehingga hari ini saya berpendapat bahawa banyak kaum petani yang tinggal di kawasan luar bandar di mana kawasan itu betul-betul tidak ada jalan. Mereka sangat susah dan pendapatan mereka dari tanaman tidak dapat menambah dan memberikan hasil kepada mereka. Ada satu contoh iaitu di kawasan saya, dalam tahun 1964 Kerajaan telah bercadang untuk menyambung satu jalan dari Batu Lintang ke Ulu Unduk. Sambungan jalan itu jauhnya lebih kurang 10 batu dan di kawasan itu mempunyai lebih kurang 5,000 penduduk dan dua sekolah rendah Kerajaan. Jalan itu telah tersusun di dalam Rancangan Malaysia Pertama. Oleh sebab Indonesian Confrontation, dengan izin, maka sambungan jalan itu dihentikan. Selepas confrontation rakyat di kawasan tersebut telah bergerak sekali lagi merayu kepada Kerajaan supaya menyambung jalan dari Batu Lintang ke

Ulu Unduk itu dapat diteruskan. Saya harap supaya Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab akan dapat menyiasat perkara ini dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Dewan bahawa perasaan rakyat telah perlu disampaikan kepada Kerajaan Negeri dan juga kepada Kerajaan Pusat supaya Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat akan dapat bersama-sama menitikberatkan atas semua masalah rakyat di kawasan luar bandar. Yang pertama hubungan rapat di antara Menteri-menteri Persekutuan dan Kerajaan Negeri sangat penting. Menteri Persekutuan perlu melawat kawasan yang masih mundur supaya semua rancangan yang telah ketinggalan dan yang telah tersusun dalam Rancangan Malaysia Keempat ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Yang kedua, Kerajaan kita juga perlu menambahkan lebih banyak lagi pegawai-pegawai mahir (manpower) supaya semua projek dicadangkan oleh Kerajaan di seluruh negara akan dapat dilaksanakan dengan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri, inipun menjadi masalah khasnya guru-guru yang mengajar di kawasan luar bandar dan di mana kawasan itu tidak ada jalan langsung. Saya difahamkan bahawa guru-guru yang mengajar di kawasan sekolah yang tidak ada jalan iaitu bahawa mereka sekali sebulan turun ke Jabatan Pelajaran atau kadang-kadang tiga bulan sekali dan kedua kadang-kadang guru itu juga di-segerakan berpindah ke sekolah Kerajaan yang lain. Maka Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak tahu di manakah address guru-guru itu.

Pegawai-pegawai di Jabatan Hasil Dalam Negeri telah mengiriskan borang-borang cukai pendapatan kepada address yang lama dan ini

sudah menjadi masalah dan menyedihkan kepada guru-guru yang berpindah itu. Dan kadangkala guru-guru yang mengajar di kawasan luar bandar itu telah menerima borang tersebut, saya dapati banyak guru-guru yang mengajar di kawasan pendalaman telah dibawa ke mahkamah untuk dibicarakan dan kadangkala kalau nasib tidak baik mereka telah dihukum kerana tempoh yang diberikan di dalam borang itu sangat singkat: satu bulan sahaja. Dan oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya di sini merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya tempoh satu bulan di dalam borang cukai pendapatan itu perlu dilanjutkan kepada tiga bulan.

Saya berharap bahawa Kerajaan kita akan dapat mengambil tindakan yang serius untuk mengubah borang cukai pendapatan itu daripada satu bulan kepada tempoh tiga bulan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah cukup masa Yang Berhormat itu. Yang Berhormat dari Beruas.

3.41 ptg.

Dato' Michael Chen Wing Sum (Beruas): Tuan Yang di-Pertua, kata Pujangga "apa sahaja yang difikirkan dan dipercayai oleh akal manusia, akal itu akan mencapai".

Berdasarkan petikan itu matlamat yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agar jumlah penduduk Malaysia mencapai 70 juta orang mungkin akan menjadi kenyataan.

Saya tentu sekali bersetuju dengan Yang Amat Berhormat bahawa negara kita memerlukan jumlah penduduk yang lebih besar supaya pasaran pengguna yang luas dapat diwujudkan untuk menyokong penubuhan perindustrian. Soal sama ada perlu atau tidak

kita mempunyai penduduk yang berjumlah 70 juta masihlah menjadi bahan perbincangan.

Walau bagaimanapun, sekiranya kita dapat menambah jumlah penduduk kita kepada 30 juta orang dalam tempoh 20 tahun yang akan datang ini, ini akan membantu memperluaskan pasaran pengguna di negara ini di samping membekalkan tenaga kerja yang mencukupi. Buat masa ini jumlah penduduk kita hanyalah 14.8 juta orang.

Kadangkala kita menghadapi masalah untuk mendapatkan tenaga buruh yang mencukupi bagi ladang dan tapak-tapak pembinaan. Kita terpaksa mengimport buruh-buruh sementara dari negara-negara jiran. Mungkin kita juga akan menghadapi masalah tentang bagaimana rakyat dipujuk supaya melahirkan lebih ramai anak. Ramai di antara mereka yang tidak mahu berbuat demikian terutama ibu bapa yang berpendidikan. Mereka lebih mengutamakan kualiti dari kuantiti. Untuk menggalakkan rakyat kita melahirkan anak yang lebih ramai yang mungkin diperlukan ialah insentif. Dengan itu Kerajaan hendaklah menimbang untuk memberi mereka elaun khas atau biasiswa untuk pelajaran tinggi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kemelesetan ekonomi dunia dan kadar inflasi yang tinggi telah meninggalkan kesan ekonomi dan sosial yang serius ke atas pembangunan negara kita. Meskipun dalam 3 tahun pertama ini Kerajaan telah membelanjakan lebih 94.4% atau \$40.1 billion daripada keseluruhan peruntukan 5 tahun untuk Rancangan Malaysia Keempat, namun kita masih tidak dapat mencapai matlamat yang kita rancang dan jangka.

Kemiskinan dan pengangguran masih menjadi masalah. Sebaliknya kita juga merasa sedih tentang sebilangan peniaga-peniaga yang tidak bekerja kuat

akibatnya berjuta-juta ringgit telah hilang dalam bentuk yang tidak ketara (invisible) dalam imbalan pembayaran negara, sebabnya mereka terlalu bergantung kepada orang tengah asing dalam perdagangan antarabangsa. Oleh itu, jelaslah bahawa nilai-nilai maruah perlu diterapkan di kalangan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat negara kita ini hendaklah lebih bersatupada lagi semasa negara kita menghadapi masalah ekonomi. Kita harus memberi perhatian serius kepada isu ini sekarang. Kita tidak boleh atau kita mampu membiar rakyat Malaysia yang dibahagi-bahagikan kepada beberapa golongan menurut keturunan atau ethnic mereka. Cara pembahagian ini menimbulkan berbagai masalah ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Sesungguhnya sangatlah sia-sia dan membuang masa sekiranya kita terus bercakap tentang kesan-kesan sampingan Dasar ekonomi Baru yang dapat dinikmati oleh orang-orang Cina atau bercakap tentang kesan tarian Singa dan kesan papan tanda kedai yang berbahasa Cina ke atas masyarakat Melayu. Matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru adalah jelas dan tarian Singa dan papan tanda yang berbahasa Cina telah wujud bertahun-tahun di negara ini. Tidak ada sesiapa yang menderita kerana ini. Kenapakah isu-isu ini digunakan untuk memecah belahkan rakyat? Tarian Singa misalnya sebenarnya berasal dari Mesir, meskipun dia popular di kalangan pemuda Cina di negara ini. Bukankah Nabi Muhammad pernah bersabda "bahawa semua umat Islam itu adalah bersaudara." Bukankah juga Confucius pernah berkata "bahawa semua manusia di dunia ini adalah bersaudara." Jadi, Tuan Yang di-Pertua, marilah kita semua bersatu padu.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini sebilangan rakyat Malaysia yang

berketurunan Cina telah didapati melawat negeri China tanpa visa atau kebenaran Jabatan Imigresen Malaysia. Saya juga berpendapat bahawa mereka sesungguhnya tidak harus melakukan lawatan seumpama itu tanpa visa. Walau bagaimanapun, hanya beberapa kategori orang sahaja yang dibenarkan melawat ke negeri China. Meskipun hubungan diplomatik dua hala di antara kita dengan negara itu sudah wujud 10 tahun.

Tidak lama dahulu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan melonggarkan syarat lawatan itu untuk membenarkan orang-orang yang berumur 65 tahun ke atas melawat ke negeri China. Kelonggaran seperti itu meskipun baik tetapi dia tidaklah realistik sebab menurut perangkaan, jangkaan hidup orang Malaysia ialah 62 tahun bagi lelaki dan 68 tahun bagi wanita. Ini bermakna sangatlah sedikit orang yang layak menikmati perlonggaran syarat lawatan tersebut. Oleh itu izinkan saya menyebutkan supaya Kerajaan menimbang untuk mengurangkan lagi had umur lawatan itu katakan dikurangkan dari 65 tahun kepada 50 atau 55 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kereta nasional Malaysia akan dipasarkan di dalam negara dalam tahun 1985, satu soalan yang timbul ialah siapa yang harus membeli kereta-kereta ini? Yang Berhormat dari Jelutong baru-baru ini bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada Menteri-menteri akan menggunakan kereta-kereta Malaysia. Soalan ini mungkin boleh menjadi satu kontroversi, mungkin sebilangan rakyat kita akan mengatur bahawa harga kereta nasional Malaysia adalah lebih mahal dan kurang bermutu. Sekiranya kita sendiri tidak menyokong perusahaan kereta ini, siapa lagi dan bagaimana kita dapat majukan perusahaan ini. Sanggupkah orang Jepun membeli kereta negara asing yang lebih murah dan lebih baik dari segi

mutu? Sanggupkah orang British, Jerman atau Perancis membeli kereta keluaran negara asing? Jawapannya ialah 100 kali tidak. Oleh sebab itu setiap orang hendaklah menyokong kereta nasional Malaysia dan hanya dengan cara ini sahajalah dapat kita promote dan majukan perusahaan kereta.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Samarahan.

3.53 ptg.

Datuk Patinggi Haji Abdul Taib bin Mahmud (Samarahan): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas keizinan Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang untuk berucap sedikit mengenai Kajian Semula Separuh Penggal yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tujuan saya berucap ialah supaya dapat memberi gambaran yang lebih lengkap atas sambutan rakyat di seluruh negara kita ini kepada Kajian Semula Separuh Penggal ini.

Saya sendiri memang mengatakan bahawa tugas yang dijalankan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita membentuk satu strategi pembangunan dalam Kajian Semula Separuh Penggal ini pada masa ekonomi dunia belum lagi penuh sembuh semula memanglah sangat sukar, tambah pula kemerosotan ekonomi dunia ini telah pun berpanjangan. Di Malaysia seperti juga negara-negara lain telah pun kena terganggu oleh kemerosotan ekonomi seluruh dunia, oleh sebab itu maka bolehlah didugakan bahawa Kajian Semula ini akan mengakibatkan satu trend menurunkan perbelanjaan dan bukan menambahkan perbelanjaan seperti yang dapat kita saksikan pada masa Penggal Pertama dalam jangka Rancangan Malaysia Keempat ini, tambah pula apakala kita telah pun menjalan banyak rancangan dan

menambahkan perbelanjaan dalam Penggal Pertama Rancangan Malaysia Keempat ini, diikuti pula dengan potongan dalam Penggal Yang Kedua, maka tentu sekali aspirasi rakyat, harapan rakyat merasa hampa kerana dibandingkan dengan trend yang bertambah belanja diikuti dengan trend yang menurun belanja.

Saya tidaklah hairan melihat bahawa banyak sungutan telah pun dikemukakan. Kalau di Sarawak, di Dewan Undangan Negeri telah dapat kita dengar banyak sungutan yang mengatakan bahawa Sarawak mungkin tidak mendapat bahagian yang cukup dalam pembahagian peruntukan-peruntukan untuk pembangunan.

Saya sebagai orang yang mengetahui gambaran daripada segi Federal dan daripada segi pihak Negeri tentulah tidak dapat memandangkan kepada keadaan ini dengan pandangan dari satu-satu sudut sahaja. Oleh sebab itu maka walaupun ada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negeri melafaskan perasaan yang tidak puas hati dengan secara yang keras, saya sendiri rasa tidak cukup sebab mengapa saya mengikut sikap yang demikian. Perasaan kecewa seperti saya katakan tadi memanglah nyata sekali apakala kita berjumpa dengan rakyat dan mendengar soal perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan Polis, potongan kepada peruntukan untuk sekolah-sekolah, hospital, jalan, lapangan-lapangan terbang. Ini semuanya menimbulkan perasaan yang kecewa di kalangan rakyat. Ada pula yang melafaskan satu perasaan lebih daripada kecewa yang menuduh seolah-olah Kerajaan Pusat ini tidak memberi cukup perhatian kepada aspirasi rakyat Sarawak.

Saya sendiri rasa ini menggambarkan bukan sikap Kerajaan Pusat, tetapi barangkali kekurangan penerangan untuk menjelaskan kedudukan ataupun sikap Kerajaan Pusat sendiri di

kalangan negeri Sarawak. Barangkali lawatan Menteri-menteri dari Kerajaan Pusat agak jarang sedikit ke negeri Sarawak khasnya di kawasan-kawasan pendalaman di mana rakyat ingin hendak mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai dasar-dasar Kerajaan Pusat kita.

Bagi saya sendiri, saya memang mengatakan dengan terus jelas, saya tidak dapat melemparkan tuduhan kepada Kerajaan Pusat yang Sarawak telah pun diberi diskriminasi kerana sejak saya menjadi Ketua Menteri, saya telah pun mendapat kerjasama yang sangat rapat daripada Kerajaan Pusat dalam melaksanakan Rancangan-rancangan Malaysia Yang Keempat daripada permulaannya, saya telah mendapat satu galakan daripada Pusat yang kurang lebih menyatakan belanja sahaja mana-mana wang yang ada, jangan bercakap fasal hal penambahan, kalau dapat dihabiskan peruntukan yang ada, kita sedia boleh berunding untuk menambahkan peruntukan yang demikian. Dengan adanya galakan yang demikian, maka saya telah pun mengambil banyak tindakan untuk memperkuatkan keupayaan jentera Kerajaan Negeri untuk melaksanakan rancangan-rancangan supaya dapat lebih banyak rancangan dilaksanakan. Dengan keadaan demikian, maka Kerajaan Negeri Sarawak dalam masa 3 tahun yang lepas telah dapat membelanjakan 120% daripada peruntukan bagi seluruh jangkaan Rancangan Malaysia Keempat—dengan izin, 120% of the whole location of the Fourth Malaysia Plan.

Saya anggapkan sikap dan galakan daripada Kerajaan Pusat demikian adalah menggambarkan simpati mereka kepada keperluan negeri Sarawak dan menggalakkan diri saya untuk bekerja lebih keras lagi. Jadi apakala tiba masanya untuk memberi permohonan bagi Kajian Semula Rancangan Malaysia Keempat, maka pegawai-pegawai negeri Sarawak mempunyai

harapan yang sangat tinggi dan telah pun mengemukakan banyak projek-projek yang difikirkan sangat perlu untuk mempercepatkan pembangunan negeri Sarawak—jalan raya, perumahan, peruntukan untuk memperhebatkan pembangunan pertanian dan jambatan, lapangan-lapangan terbang semuanya telah pun kita kemukakan kepada pihak Kerajaan Pusat. Pendeknya, permohonan daripada negeri Sarawak bagi Kajian Semula ialah \$3,600 juta, iaitu lebih daripada dua kali ganda peruntukan bagi seluruh jangkaan Rancangan Malaysia Keempat.

Kami tentulah di Negeri Sarawak merasa sedikit kecewa apakala kami tidak mendapat seluruh permintaan kami ini, hanya \$1,000 juta lebih sahaja yang dapat diberi oleh Kerajaan Pusat. Kami harap sebenarnya akan dapat lebih banyak daripada itu kerana keupayaan telah pun dipertingkatkan dan saya sendiri rasa sayang kalau-kalau keupayaan yang telah pun lebih diperkuatkan itu tidak digunakan dengan sepenuhnya. Oleh sebab itu, sambil saya mengucapkan ribuan terima kasih atas galakan Kerajaan Pusat dan atas pertimbangan yang cukup baik, saya memanglah ingin hendak berusaha untuk hendak mendapat lebih banyak lagi peruntukan daripada Kerajaan Pusat.

Setakat ini Sarawak patut merasa tidak ketinggalan dengan peruntukan Kajian Semula yang berjumlah \$4,100 juta berbanding dengan peruntukan yang mula-mula diberi, iaitu \$2,500 juta daripada pihak Federal, ini termasuklah angka \$500 juta yang dibelanja oleh Kerajaan Pusat menerusi Badan-badan Berkanun yang bertugas di Negeri Sarawak.

Saya mengatakan saya terpaksa akan berusaha bukan sahaja sekarang ini tetapi pada masa akan datang untuk mendapat peruntukan yang lebih supaya dapat mengisikan keupayaan yang telah

kita perkuatkan kerana saya ingin hendak mengelakkan satu kejadian yang tidak diinginkan, iaitu menjalankan “retrenchment” ataupun membuang tenaga-tenaga pekerja yang telah kita perkuatkan dalam masa beberapa tahun yang lepas. Misalnya, kalaulah peruntukan jalan untuk Sarawak tidak dapat ditambah daripada apa yang dibuat sekarang ini, mungkin juga sebahagian daripada 5,000 pekerja-pekerja JKR akan terpaksa menghadapi pemberhentian. Kita di Negeri Sarawak memanglah tidak mahu mengambil keputusan demikian setakat ini, manakala Kerajaan Pusat lagi menghadapi banyak masalah kewangan. Kerajaan Negeri memanglah cuba untuk menampungkan keperluan-keperluan yang ada di Negeri Sarawak dengan daya upaya kami sendiri di peringkat Negeri.

Saya ingin di sini, Tuan Yang di-Pertua, memberi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita atas sikap beliau yang sangat positif dalam menghadapi masa yang belum lagi cukup baik daripada segi ekonomi di seluruh dunia ini. Beliau telah pun mengambil keadaan yang kurang sihat ini sebagai cabaran untuk mengatasi banyak masalah-masalah yang menggambarkan kelemahan struktur ekonomi kita. Satu daripada “approach” yang beliau telah ambil ialah dalam soal membasmi kemiskinan dan dalam soal untuk menyusun semula rakyat di luar bandar. Beliau telah pun sangat berani berterus terang menyatakan bahawa masalah di luar bandar tidak akan dapat diatasi kalau kita biarkan petani-petani mengikut cara mereka sendiri, berkebul secara bertompok-tompok di sana sini ataupun menjalankan tugas seperti yang ada di kawasan MUDA sekarang ini kerana ada dasar negara kita mahu mengekalkan pengeluaran padi. Beliau telah mencadangkan supaya petani-petani yang tidak akan mendapat cukup pendapatan daripada pertanian mereka

patut dibabitkan di dalam soal “re-structuring” yang boleh memberi pendapatan mereka sejajar dengan penambahan pendapatan seluruh rakyat di Malaysia ini yang menjadi “target poverty group” kita.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh
mempengerusikan Mesyuarat)

Konsep membuat estet telah pun dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sebagai cara untuk menyusun semula rakyat yang berkebum di luar bandar supaya mereka akan mendapat faedah daripada “centralised management” ataupun pengurusan yang diperkuatkan di satu tempat dengan cukup ahli-ahli yang profesional supaya soal amalan pertanian, soal kredit pertanian, soal pemasaran tidak akan menjadi soal perseorangan bagi seseorang petani itu. Approach demikianlah yang saya rasa akan memberi banyak sekali faedah kepada Negeri Sarawak.

Kita di Negeri Sarawak telah pun memikir soal menyusun semula masyarakat di luar bandar kita. Di Negeri Sarawak, kita mempunyai kurang lebih 5,000 pusat-pusat penduduk. Daripada 5,000 itu, 2,000 adalah terdiri daripada masyarakat yang besarnya daripada 10 buah rumah kepada 100 buah rumah. Ini adalah sangat kecil untuk menyokong pembangunan yang sistematik, jangan sekali untuk menyuruh petani-petani dapat mengangkat diri mereka menjadi petani-petani yang betul-betul moden. Oleh sebab itu, maka pihak Kerajaan Negeri Sarawak telah pun membuat satu Master Plan untuk menukarkan bentuk taburan penduduk-penduduknya supaya akan dapat memunculkan “more economically viable society” ataupun masyarakat yang cukup besar untuk menyokong pembangunan ekonomi yang sebenarnya.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat ada seminit lagi.

Datuk Patinggi Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu apakala Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengemukakan dasar barunya untuk “re-structuring” masyarakat luar bandar dengan konsep estet, kami di Negeri Sarawak merasa sangat bangga dan mempunyai harapan yang bertambah tinggi kerana kami tahu dasar kami akan termasuk dengan cukup rapi lagi dalam dasar negara kita.

Untuk menjalankan tujuan ini, maka soal jalan dan infrastruktur lain patutlah kita rancang dengan baik dan ini saya harap kita akan dapat berunding dengan Kerajaan Pusat dan disusun dengan cukup baik. Misalnya soal mengisytiharkan jalan di Negeri Sarawak sebagai Federal Road ataupun sebagai State Road patutlah diatasi dengan awal supaya kita hendak tahu bagaimana kita boleh memberi jalan yang lebih licin di kawasan-kawasan yang boleh membuka tanah sebagai estet, misalnya di antara Miri dan Mukah. Soal ini akan saya runding dengan Kerajaan Pusat dan banyak soal infrastruktur-infrastruktur lain yang mungkin dapat kita dukungkan, bukan sahaja daripada perbelanjaan “public sector” tetapi daripada “private sector”.

Kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat dalam soal ini perlu juga kita lihat daripada segi integrasi, khasnya dalam soal menentukan RISDA, FELDA, RRI, MARDI datang ke Negeri Sarawak supaya dapat memberi kekuatan yang ada dalam organisasi ini mempercepatkan pembangunan di Negeri Sarawak dalam bidang membukakan estet-estet. Saya harap soal ini akan kita dapat runding dengan cukup teliti lagi di dalam secara official dan dengan harapan anak-anak Sarawak seperti juga harapan rakyat di tempat-tempat lain akan dapat kita penuhi dengan lebih sempurna lagi.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Jasin.

4.09 ptg.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba (Jasin): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah berjumpa dengan sikap parti-parti Pembangkang dalam mana-mana juga negeri di atas dunia ini seperti sikap parti Pembangkang dalam Dewan yang mulia ini, iaitu Parti DAP. Di negeri lain, parti Pembangkang membidas Kerajaan serupa juga seperti parti Pembangkang di Malaysia, tetapi parti Pembangkang di negeri asing di samping membidas, mereka juga berusaha untuk mendapatkan kuasa menubuhkan Kerajaan bagi melaksanakan rancangan perjuangan parti mereka itu, tetapi di Malaysia parti Pembangkang DAP ini amatlah ganjil sekali kerana mereka itu hanya berani membangkang sahaja.

Baru-baru ini apabila diadakan satu wawancara—temuramah di antara suratkhbar *Utusan Melayu* dengan Ketua Parti Pembangkang iaitu wakil dari Kota Melaka, wartawan *Utusan Melayu* telah bertanya kepadanya, “jika tuan menjadi Perdana Menteri Malaysia, apakah yang harus tuan lakukan untuk memajukan Malaysia lebih daripada yang dibuat oleh Barisan Nasional.” Ketua Parti Pembangkang ini jawab, “soalan itu tak timbul dan saya tidak mahu jawab dan saya tidak perlu jawab.” Ini menunjukkan boleh jadi beliau tidak yakin parti itu akan dapat memerintah ataupun dengan sengaja mereka itu berfikir bahawa mereka tidak layak memerintah kerana tidak ada mempunyai rancangan yang lebih baik yang akan dilaksanakan jika mereka dapat memerintah. Jadi nyatalah dengan interview dan pandangan yang dikeluarkan oleh Ketua Parti Pembangkang itu mereka hanya berani membangkang sahaja tetapi tidak berani memikul tanggungjawab dan tidak mempunyai keyakinan sedikit

pun untuk menubuhkan Kerajaan dalam tanahair kita ini. Saya berharap pengikut-pengikutnya akan sedar di atas sikap mereka ini.

Nyatalah kehadiran mereka dalam Dewan Rakyat ini semata-mata untuk kemegahan dan kepentingan diri mereka masing-masing sahaja. Jika untuk membangkang seperti yang pernah disuarakan oleh mereka itu dalam Dewan ini tidak perlu mendapat kelulusan yang tinggi, tidak perlu menubuhkan sebuah parti, seorang murid sekolah pun jika disiapkan ucapan mereka itu barangkali boleh membaca lebih lancar lagi daripada wakil-wakil DAP dalam Dewan ini. Oleh kerana masa suntuk bagi seorang Ahli berucap, saya menyentuh empat perkara lain dengan ringkas.

Yang pertama, Malaysia sebuah negeri yang kaya dan kedudukan kita pada hari ini sebagai sebuah negara yang sedang membangun boleh bertukar menjadi sebuah negara maju dengan cepat kiranya kita mengikut syarat-syarat tertentu yang juga dilalui oleh negara-negara asing. Yang pertama sekali kita berkehendakan perancangan yang betul, dan yang kedua, kita berkehendakan rakyat yang sanggup bekerja keras, dan yang ketiga, kerjasama yang rapat di antara sektor awam dengan sektor swasta.

Tiga syarat ini jika dapat dipenuhi dengan secukupnya, saya fikir Malaysia akan masuk ke dalam kumpulan negara maju dengan lebih cepat lagi.

Sebenarnya negara kita daripada awal lagi memang ada mempunyai perancangan yang betul dan rakyat Malaysia juga makin sehari makin berminat untuk bekerja keras, cuma apa yang masih longgar, yang masih belum kita dapati dengan sepenuhnya ialah kerjasama di antara pihak swasta dengan sektor awam. Pegawai-pegawai Kerajaan boleh kita puji kerana dengan kebijaksanaan mereka itu, dengan

kepandaian yang ada kepadanya dapat membantu ahli-ahli politik menyediakan perancangan negara yang baik tetapi apabila sampai kepada peringkat pelaksanaannya segala rancangan-rancangan Kerajaan seperti mendirikan rumah-rumah sakit, membina sekolah, balai raya dan sebagainya berjalan dengan baik tetapi hubungan di antara pegawai-pegawai Kerajaan sektor awam dengan sektor swasta kepada saya masih lagi belum sampai kepada tahap yang kita kehendaki. Dahulu saya berada di sektor awam dan saya tidak begitu nampak dengan jelas bagaimana longgarnya perhubungan di antara dua kumpulan ini dan sekarang saya berada di luar di dalam sektor swasta maka lebih saya rasai kerenggangan di antara sektor awam dan sektor swasta ini.

Ada setengah-setengah pegawai berpendapat pihak swasta hanya terdiri daripada mereka yang hendak mencari keuntungan dan dengan sebab itu tidak perlu mereka itu bekerja keras atau mempercepatkan membuat keputusan bagi pihak swasta. Perkara ini sudahpun banyak kali disebut bahawa sektor swasta adalah juga menjadi tiang untuk menegakkan ekonomi negara. Mereka yang mendapat keuntungan yang lebih bolehlah dicukai dengan lebih banyak lagi untuk membanyakkan lagi hasil negara dan Kerajaan sendiri pun menitikberatkan dan menyeru setiap kali ucapan dibuat oleh Menteri Kewangan, oleh Perdana Menteri mengajak supaya pihak swasta mengambil bahagian yang besar, mengeluarkan modal yang banyak membantu perkembangan ekonomi negara. Memanglah pihak swasta ingin menceburkan diri dalam perniagaan, sebab pihak swasta berkehendakan keuntungan tetapi jika kerjasama yang rapat tidak didapati maka sukarlah pihak swasta hendak melabur dalam negeri ini.

Saya tertarik hati dengan ucapan Perdana Menteri yang menyedari

perkara ini dan bercadang hendak membuat beberapa persediaan bagi merapatkan lagi kerjasama pihak swasta dan awam ini. Saya mencadangkan supaya diadakan Jawatankuasa Tetap di peringkat Kebangsaan, di peringkat Negeri dan Daerah di mana pegawai-pegawai Kerajaan dapat berdialog dengan wakil-wakil pihak swasta dengan tetap pada sepanjang masa.

Di peringkat Kerajaan Pusat Pengerusi Jawatankuasa yang saya cadangkan ini hendaklah terdiri daripada Menteri-menteri sendiri dan di peringkat Negeri oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri supaya ahli-ahli politik iaitu Menteri-menteri dan juga Menteri Besar sendiri dapat mengetahui kesulitan yang dihadapi oleh pihak swasta dan dapat diatasi dengan segera. Jika tidak, penyertaan pihak swasta tidak akan dapat dicapai sebagaimana yang kita kehendaki. Jika kerjasama yang rapat dapat diwujudkan maka penuhlah syarat bagi sebuah negara yang ingin menjadi sebuah negara maju. Oleh kerana suntuk masa, saya tidak dapat hendak menunjukkan contoh-contoh bagaimana renggangnya kerjasama yang kita harapkan itu.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai penggalakkan yang patut dibuat kepada penduduk-penduduk luar bandar menggunakan perkhidmatan bank. Kita sedar bahawa dalam perniagaan moden menggunakan wang ataupun menggunakan perkhidmatan bank adalah sangat penting sama ada mereka itu menyimpan wang di dalam bank ataupun meminjam wang daripada bank untuk tujuan perniagaan. Walaupun telah banyak ada cawangan-cawangan bank perdagangan ditubuhkan di kawasan luar bandar tetapi penyertaan penduduk luar bandar dalam perkhidmatan bank ini, rasa saya masih lagi jauh kebelakangan.

Saya seterusnya suka mencadangkan supaya Kerajaan menimbangkan untuk

dikeluarkan satu lesen bank yang baru yang dinamakan Bank Luar Bandar. Bank ini hendaklah 100% dimodali oleh penduduk luar bandar sama ada Bumiputera dan juga yang bukan Bumiputera. Dengan adanya bank yang dinamakan luar bandar dari segi psikologinya mereka itu menganggap bahawa bank itu kepunyaan mereka, tambahan pula modal datang daripada wang mereka sendiri maka keinginan penduduk luar bandar menggunakan bank akan bertambah besar dan jika bertambah ramai rakyat menggunakan bank facilities—perkhidmatan bank, itulah tandanya ekonomi negara kita akan bertambah maju dan kita sedar sekarang ini bahawa kemiskinan yang banyak kita lihat masih berada di kawasan luar bandar maka sebab itulah saya suka menyarankan jika Kerajaan boleh mengeluarkan satu lesen bank yang baru yang dinamakan Bank Luar Bandar. Saya yakin sungguh penduduk luar bandar akan cepat maju dengan adanya perkhidmatan bank yang seperti itu.

Yang ketiga, oleh kerana kita bertujuan hendak memajukan penduduk luar bandar, maka kita harus memerhatikan masalah pemimpin-pemimpin ekonomi di luar bandar. Penuntut-penuntut Universiti dan pegawai-pegawai yang berkemahiran semuanya berkumpul atau 99% berkumpul bekerja di dalam bandar sahaja, sedangkan rakyat yang ramai sekali 90% berada di luar bandar dan mereka juga terdiri daripada orang yang miskin jika dibandingkan dengan penduduk dalam bandar.

Oleh kerana kekurangan pemimpin-pemimpin ekonomi di luar bandar menyebabkan lambat tercapainya maksud kita hendak memajukan mereka. Oleh sebab itu jika kita berkehendakkan mereka itu maju lebih cepat maka hendaklah pegawai-pegawai yang berkebolehan, pegawai-pegawai ekonomi yang cergas dihantar lebih ramai ke luar bandar sama ada bekerja

dengan Kerajaan ataupun diberi peluang-peluang (opportunity) bagi mereka menjalankan perniagaan di luar bandar.

Mereka inilah diharapkan boleh memimpin penduduk luar bandar yang boleh membawa kepada perubahan yang lebih cepat kepada mereka itu. Sekurang-kurangnya seorang economist patut diadakan dalam satu kawasan pilihanraya Parlimen yang mempunyai tanggungjawab tidak lain dan tidak bukan untuk memajukan rakyat di tempat masing-masing. Segala agensi-agensi Kerajaan yang ada di dalam kawasan itu boleh dikordinatekan dan di bawah pimpinan economist yang saya sebutkan tadi dan segala gerakan pembangunan dapat disatukan dan dimajukan. Kesemua economists yang ditempatkan di kawasan luar bandar itu boleh mengadakan satu Badan di mana mereka boleh berjumpa tiga atau empat kali setahun untuk bertukar pendapat ataupun menyatukan tenaga bagaimana hendak memajukan seluruh penduduk luar bandar.

Pada hari ini segala-gala kerja pembangunan luar bandar dipikul di atas bahu pegawai daerah. Pegawai daerah seorang diri tidak mampu menjalankan kerja yang begitu banyak. Ada juga pegawai MARA di setengah-setengah di daerah-daerah tetapi mereka kebanyakannya itu ialah pegawai rendah yang tidak ada mempunyai cukup kekuatan untuk memenuhi kehendak yang saya sebutkan tadi. Maka pegawai khas yang saya cadangkan ini saya rasa sangat penting diwujudkan walaupun belanjanya agak besar tetapi faedahnya juga akan dapat kita lihat dengan cepat.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyertaan orang Melayu dalam Kuala Lumpur Stock Exchange. Kita sedar bahawa syarikat-syarikat yang boleh berkembang dan maju dengan cepat ialah syarikat-syarikat

yang didaftarkan dalam Kuala Lumpur Stock Exchange.

Pada hari ini kita dapati syarikat Bumiputera yang ada tercatat dalam Kuala Lumpur Stock Exchange terlalu sedikit, cuma dua atau tiga buah syarikat sahaja. Syarikat-syarikat yang berdaftar dalam Stock Exchange boleh mendapat pinjaman wang bank dengan mudah dan mereka boleh bertukar-tukar saham (share swopping) dengan syarikat-syarikat besar yang lain sama ada dalam negeri atau luar negeri dan dengan demikian syarikat itu akan berkembang dengan lebih cepat.

Memanglah sukar hendak mendapatkan sesebuah syarikat yang daftarkan dalam Stock Exchange, lebih-lebih lagi syarikat orang Melayu. Kalau kita berkehendakkan banyak syarikat Melayu didaftarkan di Kuala Lumpur Stock Exchange, mengikut perhitungan saya yang mudah sekali ialah mana-mana syarikat Kerajaan yang ada hari ini, bukan semua, sebahagian dicubakan dahulu, diserahkan kepada kumpulan-kumpulan orang Melayu seperti syarikat Permodalan Kebangsaan, Syarikat Bumiputera Perak atau mana-mana lagilah syarikat-syarikat baharu yang patut ditubuhkan. Dengan penambahan modal kepada syarikat yang diserahkan kepada mereka itu, saya fikir cukup untuk didaftarkan dalam Kuala Lumpur Stock Exchange dan dengan yang demikian syarikat ini akan menjadi besar dengan cepat dan apabila syarikat ini maju Bumiputera boleh membeli saham daripadanya. Kaedah ini ada dijalankan di Negeri Jepun, di Taiwan, di Filipina dan di beberapa buah negeri yang lain yang telah menunjukkan kemajuannya.

Oleh sebab itu perkara ini terpaksa ditimbang dengan seriusnya. Kita ada Permodalan Nasional Berhad (PNB) menjual saham melalui Amanah Saham Nasional kepada Bumiputera, tetapi syarikat itu sendiri tidak didaftarkan dalam Stock Exchange.

Modal yang ada sebanyak \$3 billion akan kekal \$3 billion juga untuk selamanya. Jika Badan itu misalnya hendak didaftarkan ke dalam Stock Exchange dengan harga \$5 bagi satu saham maka dengan sendirinya modal yang ada sebanyak \$3 billion itu akan menjadi \$15 billion dalam tempoh yang singkat. Saya tidak mencadangkan supaya PNB sendiri didaftarkan dalam Stock Exchange pada ketika ini kerana ianya berkehendakkan penelitian yang halus terlebih dahulu, tetapi saya rasa tidak menjadi apa-apa kesalahan dan kerugian jika ada beberapa buah syarikat yang maju yang dipegang oleh PNB itu diserahkan kepada syarikat-syarikat Melayu dan syarikat Melayu itu didaftarkan ke dalam Kuala Lumpur Stock Exchange dan dengan ini kita akan dapat bersaing dengan syarikat-syarikat bangsa asing sama ada rakyat negeri ini ataupun rakyat luar negeri.

Inilah sahaja pandangan saya yang ringkas untuk memberi peluang kepada sahabat-sahabat saya yang lain nampaknya banyak lagi bangun hendak memberi ucapan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

4.27 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, apabila membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat dalam Dewan Rakyat pada hari Khamis yang lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan secara keras, rakyat Malaysia hendaklah terlibat sepenuhnya dalam pembangunan dan rekabentuk negara dan bukan sentiasa mengharap Kerajaan akan berbuat demikian. Tambah lagi Perdana Menteri dalam konteks itu kegiatan beliau dituju kepada perkara rekabentuk negara kita.

Tuan Speaker, bagi penglibatan penuh dalam hal rekabentuk negara mestilah semua kaum dalam negara ini

diberi jaminan Kerajaan akan bergiat mengikut prinsip keseksamaan dan usul asal seseorang itu.

Tuan Speaker, dalam buku *An Introduction to the Constitution of Malaysia*, Tun Suffian menyatakan, dengan izin:

“One of the most important decisions made by the non-Malay leaders was to recognise the weakness of the Malay community in the economic field and the need in the interests of national unity to remove the weakness for Malay poverty is a national problem rather than a Malay problem. To give effect to that decision, Article 153 has been written into the Constitution.

The first clause of that Article states the general principle. It says that it is the responsibility of the Yang di-Pertuan Agong to safeguard the special position of the Malays and since Malaysia Day of natives of Borneo. Clause (1), however, also protects the other communities. It says that it is equally the responsibility of the Yang di-Pertuan Agong to safeguard their legitimate interests in accordance with the other provisions of Article 153 and we shall see in a moment what this means.

The responsibility of the Yang di-Pertuan Agong to safeguard the special position of the Malays and natives of Borneo must be exercised on Cabinet advice. In fact, his responsibility is the responsibility of the Federal Government for he only serves as the formal conduit for decisions taken by the Federal Cabinet. The need for Cabinet advice is an important factor in ensuring justice, though it would appear that Government must, for a long time to come, be Malay-based. It must, at the same time, as a matter of practical politics, be multi-racial as is reflected today in the racial composition of Parliament and indeed of Cabinet.

The presence of the leaders of the three major communities is conducive to moderation and acts as a brake on excesses intended by any one community and, as will be seen from figures appearing later in this chapter, Malay leaders in Government have been generous towards members of the non-Malay communities whose share in trade and business has after Merdeka increased rather than decreased, who hold more positions in the Federal Public Service than is generally realised and who far outstrip the indigenous people in the schools and in the universities.”

Tuan Speaker, sungguhpun dapat difahami kelemahan kaum Melayu dalam bidang ekonomi, Kerajaan mesti mengakui kemiskinan tiada kenamengena dengan faktor-faktor perkauman. Apa yang mustahak ialah jaminan kepada kaum bukan bumiputera. Peruntukan Perkara 153 itu bukanlah satu langkah selama-lamanya.

Kita boleh rasa gembira Pengerusi MARA merangkap Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar, telah mengatakan: Mereka yang mahu Kerajaan melanjutkan DEB selepas 1990 sebagai satu kumpulan yang telah mengaku kalah sebelum kalah.

Tambah lagi Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar mengatakan: Kumpulan ini tak boleh minta masa lanjutan dengan sebab ada lagi beberapa tahun sebelum DEB ditamatkan. Selanjutnya beliau mengatakan lagi kaum Bumiputera hendaklah bekerja rajin dengan semangat aktif dalam masa yang ada lagi, selepas waktu mana langkah-langkah menggalakkan penyertaan Bumiputera boleh dikurangkan, jika perlu.

Tuan Haji Abdul Rahim juga mengajak kaum Bumiputera memperkenalkan kegiatan mereka dalam hal

penyertaan mereka dalam perdagangan dan perindustrian.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ahli Yang Berhormat boleh sebut nama jawatan dia—Pengerusi MARA.

Tuan Karpal Singh: Pengerusi MARA. Tuan Speaker, pendapat-pendapat ini adalah realistik dan diharapkan Kerajaan tidak dipandu oleh pelampau-pelaupau dari tingkat atasan pimpinan UMNO, yang sentiasa akan memajukan sikap pelampau mereka dalam masa depan dengan sebab pilihan Jawatankuasa UMNO dan Pemilihan Pemuda UMNO yang akan datang.

Tuan Speaker, terus terang semenjak merdeka sungguhpun DEB ditujukan untuk keuntungan kaum Bumiputera, pada amnya kedudukan bumiputera dalam kawasan desa tiada dimajukan. Dalam bidang pelajaran orang Melayu desa tiada maju sangat. Pengenalan kemudahan-kemudahan seperti TV, kuasa elektrik, air paip tidak boleh jadi asas bagi penilaian kemajuan bumiputera desa.

Terus terang orang-orang bumiputera yang mempunyai pengaruh ialah orang-orang yang mendapat faedah termasuk pelampau-pelaupau UMNO atas kerugian bumiputera miskin di kawasan desa. Satu contoh yang baik ialah contoh cadangan pengisytiharan Janda Baik sebagai satu kawasan Wilayah Persekutuan.

Tuan Speaker, Janda Baik menjadi tempat terkenal selepas kapal terbang Cessna jatuh terhempas dalam mana Yang Berhormat Menteri Luar Negeri terlibat dan juga ada dua orang lain yang telah meninggal dunia dengan sebab Menteri itu, mengikut pendapat Presiden Majistret Mahkamah Bentung. Sekarang nampaknya Janda Baik akan maju lagi.

Tuan Speaker, nampaknya Janda Baik akan menjadi tempat kediaman bagi sebilangan Menteri dan pelampau-pelaupau UMNO dan siapa yang telah membeli tanah itu dengan harga rendah sekali sebelum pengumuman rasmi. Sebenarnya akhbar SUNDAY STAR, bertarikh 25hb Mac, 1984 menerbitkan satu gambar rumah Timbalan Menteri Luar Negeri Encik Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sebut nama jawatan, jangan sebut nama beliau.

Tuan Karpal Singh: Terdapatnya kontroversi besar atas laporan-laporan sebilangan VIP telah membeli tanah di Janda Baik sejak dua tahun lalu. Adalah menarik hati, Tuan Yang di-Pertua, jika kita dapat tahu bilangan keping tanah yang bertukar tangan dalam kawasan itu. Ada dilaporkan, Tuan Speaker, cadangan menunjukkan Janda Baik sebagai satu rantau Wilayah Persekutuan telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Jun tahun lepas.

Adalah baik jika Pemungut Hasil Tanah bagi kawasan itu mengumumkan nama-nama orang yang terkenal dan pegawai-pegawai kanan kerajaan yang membeli tanah di kawasan itu semenjak bulan Jun tahun lalu. Tidaklah patut merugikan para pemilik tanah dalam kawasan itu, khasnya orang-orang miskin dengan membeli tanah dengan kadar yang paling rendah berbanding dengan harga asal apabila ada rancangan memajukan kawasan itu semenjak Jun tahun lalu.

Ini adalah contoh baik dan terang macam mana bumiputera kaya yang tidak layak tetapi telah mengambil faedah dalam kemajuan dengan ada hubungan rapat di waktu yang tepat.....

Tuan Yahya bin Haji Zakaria:
(Bangun).

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat, ada minta jalan, boleh?

Tuan Karpal Singh: Boleh.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, apa ada sangkut-paut urusan hak seseorang Bumiputera itu yang memang terkandung di dalam Perlembagaan seperti mana yang dikatakannya tadi dengan ucapan Perdana Menteri membentangkan pengkajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Rasa saya tak ada sangkut-paut langsung.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, ada sangkut-paut. Jadi apakah maknanya, Tuan Speaker, DEB itu? Maksud saya, orang-orang yang menggunakan DEB untuk jadi lebih kaya, bukan orang miskin dalam masyarakat Melayu dalam negara ini, tetapi orang-orang yang ada pengaruh dalam Kabinet, pengaruh dalam UMNO untuk mendapat peluang itu jadi lebih kaya lagi. Tuan Speaker, itu maksud saya.

Jadi saya boleh teruskan ucapan saya tadi. Tuan Speaker, apa yang saya katakan tadi, ini adalah satu contoh baik yang menerangkan apa yang ada terlibat dengan cadangan Janda Baik menjadi satu kawasan Wilayah Persekutuan. Contoh baik yang menerangkan macam mana Bumiputera kaya dan yang tidak layak mendapat faedah dari kemajuan tetapi dengan ada hubungan rapat, di waktu yang tepat, tempat yang sesuai dan tidak membawa untung kepada Bumiputera miskin. Untuk mencapai matlamat dasar DEB semestinya ada satu keadaan dalam mana orang-orang yang melaksanakan DEB telah terdiri dari mereka yang beramanah dan ada mempunyai perasaan simpati dengan kemiskinan kawasan desa.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan bercadang menambahkan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Keempat dengan kadar 39.3% iaitu \$59.669 ribu juta bagi jangka masa 5 tahun. Ini adalah angka yang terbesar bagi tempoh 5 tahun untuk membawa faedah yang benar-benar wajar dengan dasar Kerajaan tidak akan menghalau pelabur asing dalam negara ini. Pelabur asing akan datang, Tuan Speaker, dengan cara efektif jika ada satu cuaca politik dan ekonomi yang sesuai.

Tuan Speaker, Kerajaan tidak boleh terlalu mengkhaskan Dasar Pandangan ke Timur. Jangan kita lupa Jepun juga pandang ke Barat. Janganlah kita lupa asas dan reality ancaman dan pendudukan negara kita dalam tahun-tahun empat puluhan awal. Adakah Jepun itu berputih hati atau tidak hendak dinilai konteks perangai Jepun dalam masa mereka memerintah negeri ini dalam pendudukan mereka dalam Malaya dalam Perang Dunia Yang Kedua. Janganlah pengaruh Jepun menyekat kita bukan menerusi kuasa tentera dan jangan juga menerusi kuasa ekonomi. Tuan Speaker, kita jangan terlalu menyakitkan hati Barat.

Baru-baru ini ada seruan dari Pemuda UMNO supaya Carcosa dipulang, tidak menunjukkan keadaan baik dalam perhubungan dengan British. Tunku Abdul Rahman memberi Carcosa sebagai hadiah kepada Kerajaan British sebagai tanda hutang budi bagi jasa baik mereka dalam negeri ini sebelum Merdeka. Tuan Speaker, Carcosa adalah satu hadiah yang menjadi simbol. Tarik balik hadiah itu bukan bersopan santun dan tidak bijak. Susah payah hendak faham sikap Pemuda UMNO dalam hal ini. Seruan-seruan dibuat oleh Pemuda UMNO kurang matang dan saya menyeru Kerajaan menerangkan kedudukan dalam isu ini.

Tuan Speaker, dalam pandangan saya sudah pun sampai masa Kerajaan

menogok Pemuda UMNO dalam hal ini dengan sebab sikap kanak-kanak mereka dalam hal meminta balik Carcosa daripada tangan British.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat ada seminit lagi.

Tuan Karpal Singh: Kerajaan mesti menimbang semula, Tuan Speaker, soal menghapuskan rayuan-rayuan kepada Majlis Privy. Walaupun rayuan-rayuan ke Majlis Privy telah dihapuskan dalam hal-hal Perlembagaan dan jenayah semenjak tahun 1978 dan juga dicadangkan menghapuskan semua rayuan ke Majlis Privy. Dengan menubuhkan Mahkamah Tertinggi, Kerajaan mesti mengkaji sama ada langkah itu sah atau tidak. Perjanjian antara Malaysia dengan British dibuat pada 4hb Mac, 1958 membenarkan rayuan-rayuan ke Majlis Privy dan perjanjian itu belum dimansuhkan. Kerajaan bermalu dengan sebab beberapa rayuan dalam hal Perlembagaan dan jenayah telah pun dihentikan semenjak 1hb Januari, 1978 dan beberapa orang telah pun digantung tanpa ada peluang untuk merayu kepada Majlis Privy mula dari tarikh itu. Kamar Peguam Negara mesti mengkaji perkara ini dengan teliti dan nasihatkan Kerajaan dengan cara betul dengan tujuan mengelakkan kesilapan-kesilapan mengenai soal-soal asas seperti dalam kes Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, tidak dalam rantau Persekutuan selepas Wilayah itu dikeluarkan dari kawasan Negeri Selangor pada 1hb Februari, 1974.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Masa sudah cukup.

Tuan Karpal Singh: Terima kasih, Tuan Speaker.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih.

4.55 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bercakap menyokong bagi Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang dibentangkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu bahawa Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan lebih dari satu dekad dengan matlamat utama untuk membasmikan kemiskinan rakyat dan juga untuk menyusun semula masyarakat telah pun menerima perubahan dan mencapai peningkatan yang boleh dibanggakan. Dengan mewujudkan pertambahan, pertumbuhan dan juga perkembangan ekonomi yang pesat di awal pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Begitu juga dalam penyusunan semula masyarakat menerusi pertumbuhan bukan menerusi pengambilan hak secara paksa yang diamalkan oleh Kerajaan telah juga berjalan dengan memuaskan. Walaupun masih terdapat keadaan yang tidak seimbang yang wujud di antara bumiputera dengan bukan bumiputera dari segi tingkatan pendapatan, corak guna tenaga dan juga pemilikan serta penguasaan di sektor syarikat, penyertaan bumiputera dalam kegiatan perdagangan dan perindustrian ianya akan terus menempuh jurang perbezaan yang kian meluaskan. Tetapi ini tidak bermakna hasrat Dasar Ekonomi Baru dalam menuju mencapai matlamatnya yang akan menjadi asas yang teguh kepada perpaduan negara yang berkekalan. Kita tetap berbangga dengan pencapaian Kerajaan setakat ini. Lainlah kalau sekiranya pemimpin DAP yang sentiasa menyatakan kegagalan kerana hasrat dan niatnya begitu iaitu hendaklah Dasar Ekonomi Baru ini gagal dan tidak mencapai matlamatnya. Walaupun sikap DAP begitu, Kerajaan tidak seharusnya terkejut, ataupun

lemah semangat dengan kenyataan dan juga suara sumbang yang mereka keluarkan itu. Kerana dalam kamus mereka tidak ada perkataan berjaya dan tidak ada yang baik sesuatu yang dibuat oleh Kerajaan itu. Sebab itu Y.A.B. Perdana Menteri menyatakan kepada mereka itu daripada golongan yang buta hati. Tuan Yang di-Pertua, kalaulah buta hati sahaja tidak mengapa. Ini bercampur dengan perut yang busuk dan juga kepala batu. Akibatnya dari perut busuk dan kepala batu inilah maka mereka itu tidak melihat dengan mata tetapi melihat dengan punggung.

Tuan Yang di-Pertua, ada mata, mata kayu. Ada telinga, telinga kualiti. Ada hati, hati batu. Ada otak, otak udang. Dengan keadaan begini sudah tentulah mereka itu tidak dapat melihat, mendengar, memikir serta menilai dengan betul dengan sihat dan dengan jujur yang sewajarnya. Mata yang juling mereka itu akan tetap melihat sesuatu itu dengan tidak betul. Kalau mereka melihat dengan betul akan bertambah kabur lagi. Kalau mereka menggunakan teropong, mereka menggunakan teropong buruk. Kalau mereka menggunakan kaca mata, kaca mata plastik yang akan menambahkan lagi kekaburan mereka. Dengan sebab itulah kita lupakanlah sahaja pendapat-pendapat orang yang buta hati dan perut yang busuk itu.

Tuan Yang di-Pertua, telah beberapa orang pemimpin DAP melahirkan perasaan tidak puas hati oleh mereka baik Wakil dari Kepung, dari Seremban mahupun Ketua Pembangkang. Inilah kerja Ketua Pembangkang. Wakil dari Kota Melaka bukan sahaja menyanyikan lagi lama dan usang dan nada yang sama, rentak yang tidak berbeza antara mereka itu tetapi telah melahirkan kata orang yang bukan bumiputera telah dinafikan oleh Kerajaan ini. Kata mereka orang bukan bumiputera atau orang yang bukan Melayu dan bumiputera dinafikan dalam pendapat

hak-hak ekonomi, hak-hak politik dan hak-hak pelajaran, hak kewarganegaraan dan juga hak memiliki tanah dan berbagai-bagai hak yang dituntutnya. Masya Allah, tamaknya mereka ini. Begitu tamak sekali. Lupakah cerita anjing dengan bayang-bayang? Orang yang tamak selalunya rugi. Kalau Kerajaan mengikut orang yang tamak sampai bila pun Kerajaan ini tidak akan melakukan adil.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembolotan ekonomi dan kekayaan negara ini siapa yang memonopoli sekarang ini? Cuba kita buka mata luas-luas. Dan berapa keratkah bumiputera memiliki gedung-gedung yang besar, menara-menara yang tinggi, mercedes-mercedes yang berjela-jela, dan dengan kegiatan sektor ekonomi yang begitu menguntungkan di dalam bandar dan juga dapat hidup dalam serba-serbi kemewahan yang serba-serbi mencukupi. Apakah ini tidak cukup kepada mereka? Janganlah begitu tamak. Kalau diberi betis hendakkan paha, dan diberi satu paha hendakkan dua paha. Amboi, begitu sekali mereka ini buta hatinya. Kalaulah begitu buta hati yang digodai oleh syaitan yang tidak pernah menemui keinsafan dan bersyukur dengan nikmat yang dirasakan dalam negara ini. Kalau nikmat yang dirasakan sekarang tidak menemui kepuasan, silalah pergi mencari nikmat di bumi lain atau di langit lain yang mereka ingin, yang mereka suka, saya persilakan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia terlampau banyak dan begitu liberal sekali dalam pemberian hak politik kepada bukan bumiputera sehingga terdapat muka-muka yang tidak diingini terdapat dalam Dewan yang mulia ini. Kalau terlampau liberal diamalkan kepada orang yang gila kuasa ini sudah tentulah mereka ini akan menengking kita di sana sini, akan menyalak di sana sini sepertilah kita menolong anjing tersepit. Adalah amat merbahaya bagi kita menolong anjing

yang tersepit dan Kerajaan hendaklah berhati-hati. Kerajaan mesti membuat sesuatu kepada golongan ini supaya kebebasan berpolitik yang diberi kepada mereka tidak disalah fahamkan dan disalah mengertikan serta disalah gunakan sehingga demokrasi yang kita amalkan sekarang ini akan hancur oleh puak-puak yang tidak sedarkan diri dan tidak mengenal asal usul mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berkali-kali telah dibangkitkan di Dewan ini mengungkit sebutan nama bumiputera, dan amat tidak senang sekali dengan pembahagian bumiputera dan bukan bumiputera. Inilah lagu lama yang dinyanyikan oleh mereka. Inilah bahayanya kalau kaduk sudah naik junjung, Tuan Yang di-Pertua. Adakah mereka ini sedar bahawa orang Melayu dan kaum peribumi yang lain tidak pernah minta nama bumiputera diberi kepada mereka, kerana nama inilah yang menggambarkan kehinaan dan kemiskinan serta bangsa yang serba serbi kekurangan, yang perlu mendapat perhatian Kerajaan. Sebaliknya kami sanggup dipanggil dengan nama bukan bumiputera asalkan kekayaan negara ini dapat kami boloti. Apakah ada pada nama yang diberikan kepada bumiputera itu dan nama itu tidak bererti kalau hanya untuk mengungkit-ungkit sesuatu perkara yang telah dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin kita yang sebelum daripada ini.

Begitulah juga dalam pemberian anugerah kewarganegaraan kepada mereka seperti ini. Akhirnya mereka ini sudah melupai, mereka ini akan menungging punggung kepada kita. Kerajaan hendaklah berhati-hati dalam pemberian kewarganegaraan kepada orang yang seperti ini. Sekiranya Kerajaan menambahkan seorang rakyat yang seperti ini bermakna Kerajaan akan menanggung suatu lagi beban dan satu lagi masalah kepada negara yang akan timbul sekiranya mereka ini diterima sebagai warganegara.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada pelajaran yang juga diungkit-ungkitkan. Peluang pelajaran di peringkat ijazah pada tahun 1980 seramai 39,707 orang hanya 18,798 bumiputera, kira-kira 47.3%. Dan pada tahun 1983 64,743 hanya 23,978 bumiputera, kira-kiranya telah menurun kepada 41.7%. Dan pelajar-pelajar Cina sahaja pada tahun 1980 ialah 42.1% tetapi telah meningkat kepada 44.8% pada tahun 1983. Kira-kira kepada pelajar di peringkat ijazah di universiti dalam negeri telah berkurangan kepada bumiputera sebanyak 5.6% dalam masa tiga tahun yang lepas.

Adakah kekurangan ini akan terus berlaku? Apakah Kerajaan takut dengan tekanan oleh pihak yang tamak walaupun dalam keadaan yang ada golongan ini mesti lagi golongan mereka itu dinafikan di dalam mendapat pelajaran tinggi. Begitu jugalah dalam peluang mendapat pelajaran tinggi di institusi-institusi seberang laut.

Tahun 1983 daripada 35,283 hanya 7,835 bumiputera. Dan dalam kadar nisbah sebanyak satu bersamaan dengan lima (1:5). Kadar ini bertambah jika kita bandingkan dalam tahun 1980 nisbahnya satu bersamaan dengan empat (1:4) iaitu 19,515 hanya bumiputera seramai 5,194 orang. Apakah tercapai hasrat mengimbangkan bumiputera dalam mendapatkan pelajaran tinggi akan tercapai dengan kadar dan peratusan bertambah kepada bukan bumiputera yang dianggap oleh DAP dinafikan? Inilah pemikiran orang yang tamak walaupun mereka itu lebih, mereka masih menganggapkan mereka itu dinafikan.

Keseluruhannya pelajar bumiputera, Tuan Yang di-Pertua, peluang mendapat pelajaran tinggi telah berkurangan daripada 45.9% dalam tahun 1980 telah pun kurang kepada 43.9% tahun 1983. Ini adalah perhatian pihak

Kerajaan supaya pengurangan ini tidak akan berterusan dan kita tidak mahu lagi orang yang tamak dan orang yang diberi betis ini mengangok-angok atau meminta-minta supaya kita memberikan peha.

Sudahlah peluang mendapatkan pelajaran tinggi bumiputera dikurangkan, kalau kita pandang kepada keahlian kumpulan iktisas atau profesional pada tahun 1980 dan juga 1983, di dalam profesional Akitek, Akauntan, Jurutera dan juga Doktor termasuk Doktor Gigi, Doktor Haiwan dan juga Peguam, bumiputera telah jauh ketinggalan.

Pada tahun 1980 Melayu sebanyak 2,534 iaitu sebanyak 14.9%, Cina 10,812—63.5% dan India 2,993—17.4% lebih banyak daripada bumiputera dan juga lain-lain 708 orang—4.2%. Dan kepada tahun 1983 pun begitu tidak ada apa-apa pertambahan. Bumiputera seramai 4,496 sebanyak 18.9% dan Cina 14,973 sebanyak 62.8% dan juga India 3,638—15.3% dan juga 699 lain-lain bangsa sebanyak 3%.

Kejayaan bukan bumiputera dalam keahlian profesional adalah jauh lebih tinggi tetapi tidak pernah disebut oleh DAP cuma hendak mengambui mata bumiputera dengan statistik yang menunjukkan mana-mana yang bumiputera agak tinggi supaya untuk bermain politik. Yang peliknya sekali bagi saya ialah statistik yang dikeluarkan oleh Kerajaan semuanya tidak betul dan salah apabila kenyataan itu menunjukkan pembolotan peluang-peluang yang lebih dicapai oleh kaum bukan bumiputera. Tetapi kalau dibolot oleh bumiputera statistik itu betul maka itu ditengking tetapi kalau pembolotan oleh kaum bukan bumiputera maka statistik Kerajaan keluaran tidak betul—salah, statistik dia yang betul iaitu statistik yang direka-reka untuk kepentingan politik mereka.

Tuan yang di-Pertua, di manakah duduknya keadilan? Inilah yang dikatakan oleh orang-orang tua kita, “itek mati kehausan di air, ayam mati di kepok padi”. Kami sedar apa yang berlaku tetapi kami tidak mahu ungkit dan menafikan atau dinafikan itu dan ini sebagaimana pemimpin DAP yang penuh dengan kesombongan dan kebongkakan seolah-olah negara ini hak datuk nenek mereka seorang sahaja.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ada seminit lagi Yang Berhormat.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, bagi mencapai taraf ekonomi bumiputera saya mencadangkan bahawa pertama, Kerajaan hendaklah menubuhkan satu unit bertindak khas bagi mengesan dan memperbaiki prestasi ekonomi pelajar-pelajar bumiputera yang dikelolakan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Dan walaupun usaha ini telah dilakukan sebelum daripada ini tetapi penyelesaiannya tidak dilakukan. Oleh itu satu unit baharu patut ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kursus-kursus yang berorientasi yang berterusan untuk meningkatkan lagi semangat dan kesedaran pelajar-pelajar bumiputera terhadap kemajuan pelajaran.

Juga saya mencadangkan satu penyelidikan khas, yang bebas hendaklah dibuat segera oleh badan di dalam unit khas ini untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar bumiputera di institusi pengajian tinggi yang mempunyai kadar kegagalan bumiputera yang tinggi supaya tindakan pemilikan dapat dijalankan.

Yang ketiga, Kerajaan hendaklah juga jangan mengurangkan kuota penuntut Bumiputera di institusi pengajian tinggi dalam negeri ataupun di luar negeri dan di samping itu pengambilan peratusan termasuk

pelajar Bumiputera dalam negara kepada 70:30% dan nisbah ini tidak perlu diubah sehingga peratus kejayaan serta prestasi pelajar Bumiputera sekarang berada dalam kadar yang seimbang dengan kadar bukan Bumiputera. Kita tidak minta lebih, kita minta seimbang.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Masa sudah cukup.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Satu lagi cadangan saya. Saya minta penyelarasan skim peperiksaan di pusat-pusat pengajian tinggi iaitu di antara universiti-universiti dengan mengadakan kiraan unit sebagaimana semester dan unit sebagaimana yang ada sekarang dan juga kajian kursus yang akan dikirakan markah bukan berdasarkan peperiksaan akhir tahun yang ini juga akan memberikan kesempatan kepada Bumiputera mendalami pelajaran-pelajarannya.

Dengan itu saya menyokong usul Kajian Separuh Penggal ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Mukah.

5.01 ptg.

Dr Leo Michael Toyad (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong di atas usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini.

Saya ingin mengalu-alukan pendekatan dan strategi yang telah dikemukakan itu. Kajian ini saya percaya adalah yang menumpukan kepada kesedaran atas kelemahan-kelemahan yang kita ada sebagai negara yang membangun, khasnya di suasana ekonomi dunia yang merosot. Kita harap kesedaran ini telah dirasai di semua lapisan masyarakat dan kerana kesedaran ini pengamalan seperti

bekerja kuat, giat maju dan tekun akan harus mendorong tabiat dan sikap ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau kita tidak menafikan yang pembangunan di negara kita telah pesat maju, tetapi dari segi penyertaan dan penggunaan oleh rakyat adalah tidak seimbang dengan pembangunan. Demikian juga pelancaran dan pelaksanaan dasar-dasar. Contohnya dalam Dasar Ekonomi Baru masih ada juga kelemahan dari segi pentadbiran dan pengurusan. Pengawalan dan penguatkuasaan strategi-strategi masih memerlukan kajian sèmula dan diubahsuai mengambil kira kelemahan-kelemahan itu. Untuk contohnya, seorang peniaga Bumiputera yang ingin mendaftarkan syarikat beliau dikehendaki memberi alamat di kawasan yang telah diisytiharkan sebagai kawasan komersial. Tetapi walaupun beliau ada kemudahan dan pengalaman tetapi beliau cuma meminjamkan alamat kawan yang ada pejabat atau kedai di kawasan komersial itu. Masalah begini harus diselidiki dengan teliti dan saya harap selain dari menguatkuasakan syarat-syarat agensi Kerajaan harus memberi bimbingan atau jalan-jalan supaya mereka seperti ini dapat menceburkan diri dalam perniagaan.

Kita masih memandang di sekitar kita bahawa penglibatan dan penyertaan Bumiputera dalam bidang pemasaran masih lemah. Dari pendapat saya, banyak masalah timbul dari strategi-strategi yang menimbulkan syarat-syarat yang diadakan. Saya tidak mencadangkan supaya syarat ini langsung dimansuhkan, tetapi sesuatu keadaan dan permohonan itu harus diselidiki dengan penuh dan selain dari menekankan penguatkuasaan itu menurut budi bicara dan bijak pandai itu, kita juga harus memberi bimbingan dan panduan. Saya telah memerhatikan bahawa langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan begini telah diambil di dalam segi perdagangan dan perindustrian yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, satu konsep di luar bandar ialah konsep "credit and marketing" untuk mengurangkan pengaruh-pengaruh orang tengah pun ada kelemahannya. Agensi-agensi Kerajaan yang digunakan untuk mengganti orang tengah ini tidak dapat berjalan kerana orang tengah yang telah "established", dengan izin, itu ada perhubungan yang sosial di mana ia menganggap petani atau nelayan itu sebagai kawan baik. Jadi perhubungan begini seseorang itu boleh diganggu di tengah malam buta juga, tetapi pegawai agensi-agensi Kerajaan ini susah hendak dijumpai selepas masa pejabat, kerana masalah di luar bandar tidak mengira masa dan waktu.

Tuan Yang di-Pertua, ini cuma satu cerita yang telah berlaku di kawasan saya. Saya harap ini adalah sebagai satu contoh untuk difikirkan secara mendalam.

Cadangan untuk mendirikan pusat kompleks ikan yang akan ditubuhkan di kawasan saya di Mukah misalnya, harus digalakkan di mana pengurusan dan pemasaran dapat disertai oleh nelayan-nelayan dan penglibatan seperti ini akan mendorong nelayan berusaha sendiri dalam pemasaran ikan juga, bukan menjadi penangkap ikan sahaja.

Kerajaan akan terus menumpu ke arah pembangunan luar bandar. Kita tidak menganggap rakyat luar bandar semata-mata untuk pengeluar bahan makanan dan bahan-bahan mentah, tetapi pembangunan mereka sebagai penduduk luar bandar akan meninggikan taraf hidup orang di bandar juga, kerana daya pengeluaran yang tinggi akan diikuti oleh kuasa membeli yang tinggi.

Matlamat ini cuma dapat dicapai dengan petani dan nelayan yang teratur dan bersistem seperti dalam

penanaman, pengurusan dan pemasaran pertanian yang telah dicadangkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

Dengan strategi-strategi pertanian dan pengurusan pembangunan luar bandar, saya percaya akan dapat meluaskan kegiatan ekonomi rakyat luar bandar. Untuk contoh, masa yang lebih dari bekerja di sawah atau ladang digunakan untuk aktiviti meninggikan pendidikan atau aktiviti rohani, ibu-ibu yang tidak lagi bekerja di sawah dapat menceburkan diri dalam pendidikan anaknya, menjaga suaminya dengan lebih baik dan juga melibatkan diri dalam industri seperti KARYANEKA dan SANG KANCIL untuk contoh.

Pendekatan dalam pembangunan luar bandar ini sungguh menyeluruh untuk menaikkan taraf sosio-ekonomi dan mengurangkan ketidakseimbangan. Agensi-agensi Kerajaan dalam mengurus pelaksanaan harus mengambil kira bahawa dengan peruntukan yang kita ada dan dengan dasar yang kita sedia ada, matlamat adalah untuk mencapai "optimum productivity", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah untuk menubuhkan pertanian berkelompok akan mengurangkan bebanan fiskal dan mengeluarkan hasil yang besar dan meningkat dalam jangka panjang. Begitu juga penyusunan semula dan penempatan kampung-kampung yang kecil. Contohnya kawasan di Sarawak misalnya, banyak kampung dan rumah panjang yang kecil di mana sebanyak 10 atau 50 keluarga sahaja yang menduduki. Penyediaan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan akan tidak begitu rumit dan membebankan. Jadi dari pandangan saya dasar-dasar dan strategi yang dikemukakan ini akan dapat dieratkan lagi masuk dalam pembangunan negeri-negeri yang luas seperti Sarawak. Menempatkan bandar kecil yang baru

ini dekat infrastruktur yang sedia ada akan juga membukakan kawasan di tepi jalan besar menjadi menghasil dari segi ekonomi. Penduduk-penduduk di luar bandar atau di bandar di sebuah negara ini harus dipandang dari segi bahawa rakyat adalah, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "asset" kepada negara, bukan seperti dalam pemikiran separuh akademik yang tradisional dahulu penduduk-penduduk itu adalah hanya satu "demand factor", dengan izin, cuma menerima hasil pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Kerajaan membangunkan sosio-ekonomi, kemudahan-kemudahan seperti bekalan air, elektrik, kesihatan dan sekolah adalah penting juga. Di sini saya ingin menyeru kepada Kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan, supaya meneruskan pendidikan kesihatan melalui Klinik Bergerak dan ia sentiasa sedar ada banyaknya pegawai kesihatan di luar bandar belum mengenal pasti fungsi-fungsi mereka dalam masyarakat. Terlalu banyak tumpuan diberi atas ubat-mengubat, dengan izin, "curative", tetapi kurang dari segi pencegahan. Saya mencadangkan supaya pegawai kesihatan digalakkan memahami keadaan setempat sama ada di kampung atau di rumah panjang di mana-mana kawasan luar bandar. Saya juga faham bahawa pusat kesihatan akan terus didirikan di dalam jangka Rancangan Malaysia Keempat ini.

Di sini juga saya mengambil kesempatan memohon kepada Kerajaan supaya terus mendirikan sebuah Pusat Kesihatan Daerah yang telah diperuntukkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan terus ke Rancangan Malaysia Keempat di kawasan saya iaitu di Dalat yang dijangka berongkos \$400,000. Saya berharap Kementerian tersebut akan memberi perhatian, oleh kerana kawasan ini belum ada cukup asas untuk perkhidmatan kesihatan yang bergerak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang pengurusan bekalan air di kawasan luar bandar. Memang tidak dapat difahamkan oleh saya dengan contohnya di kawasan saya juga bahawa pilihan sumber air adalah terlalu rumit di kawasan saya seperti Oya dan Dalat di mana airnya masin selama tiga bulan. Kalau kajian oleh pakar-pakar akademik dan pakar-pakar engineer kita, memang kita dapat cari tempat yang sesuai untuk sumber-sumber air ini kerana yang mana saya tahu dan di mana saya dididik dan dibesarkan saya tidak pernah merasakan minum air masin walaupun masa kemarau.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong langkah-langkah di mana Kerajaan berniat untuk meninggikan taraf pengurusan di semua lapisan. Malaysia kaya dengan tanah subur dan sumber asli dan kalau kita mengerjanya dan mengguna kekayaan kita dengan berjimat dan cekap, kita akan dapat membangun sesebuah negara dan rakyatnya. Sumber yang kita ada itu adalah dua jenis. Satu yang dapat digantikan atau dibaharui, dan satu macam yang memerlu beribu-ribu tahun untuk mengganti. Misalnya kalau anak cucu kita tidak dapat melihat kayu balak atau timah, kita harap mereka dapat merasa manfaat dari hasil itu.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya harap guna tenaga negara kita akan dapat diperbaiki dari segi strategi yang telah dikemukakan itu dengan penyerapan nilai-nilai yang baik dan mengguna teknologi dan komputer akan meninggikan taraf pelancaran dan perancangan kita yang lebih ber-sistematik dan pragmatik dan akan berterusan di masa akan datang. Saya juga sekali lagi ingin menyokong cadangan-cadangan yang dibentangkan itu.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Tampin.

5.13 ptg.

Tuan Omar bin Abdullah (Tampin): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut sama membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Saya menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini tempoh hari. Pada hemat saya sebahagian besar rakyat Malaysia akan menyokong strategi baru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lebih menekankan kepada usaha-usaha untuk merubah corak pemikiran dan budaya kerja rakyat melalui dasar-dasar yang innovative.

Seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kekayaan negara ini bukanlah sesuatu yang terjadi dengan sendirinya. Ianya merosot atau meningkat mengikut kecerdasan dan kepintaran penduduknya. Yang demikian semua kalangan perlulah mempertingkatkan daya kepakaran dan pengeluaran masing-masing, lebih-lebih lagi mereka yang terlibat dalam melaksanakan dasar yang innovative itu, khususnya golongan Bumiputera yang menerima sebahagian besar faedah dasar-dasar yang disebutkan sebagai innovative tadi.

Kerajaan perlulah menjalankan analisa dalam semua peringkat tentang kelemahan yang menyebabkan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru yang masih lagi rendah. Dalam masa 13 tahun Dasar Ekonomi Baru dilancarkan peratus pencapaian Bumiputera cuma 18.7%. Masalah modal kewangan bukanlah lagi satu masalah yang besar di kalangan bumiputera. Tetapi masalah yang besar ialah masalah kepakaran, ilmu dan budaya berniaga. Yang demikian, Kerajaan perlulah mempergiatkan usaha-usaha untuk mewujudkan kepakaran di kalangan Bumiputera ini supaya Dasar Ekonomi Baru itu

dapat kita capai. Kalau sekiranya sebelum tahun 1990 setidak-tidaknya dalam masa yang akan dilanjutkan lagi.

Memandangkan pelaburan yang besar dan juga penubuhan berbagai-bagai agensi untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru ini, pencapaian yang rendah itu merupakan satu keganjilan. Ini adalah satu perkara yang penting kerana pelaburan yang begitu banyak yang mendatangkan hasil atau pencapaian yang rendah itulah ada sebab-sebabnya dan perlulah semua pihak lebih-lebih lagi badan-badan dan agensi-agensinya yang ditubuhkan oleh Kerajaan itu mengkaji kelemahan-kelemahan dalam satu-satu agensi itu dan menyusun satu strategi yang baru untuk kita dapat mewujudkan kekuatan berdasarkan kelemahan-kelemahan yang telah dianalisa itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalangan kontraktor Bumiputera tentunya sangat berterima kasih dengan dasar Kerajaan yang mewujudkan bahagian penyertaan Bumiputera menubuhkan Pusaka Bumi, mewujudkan PERNAS Trading, Perbadanan Kemajuan Negeri dan dasar-dasar keutamaan dan lain-lain kemudahan Kerajaan. Memandangkan kemudahan-kemudahan itu sepatutnya kita tidak perlu lagi mengimport kontraktor dari luar negeri untuk melaksanakan berbagai projek-projek pembangunan negara kita. Malangnya pencapaian dan growth kontraktor Bumiputera masih lagi mengecewakan. Apa yang sebenarnya dapat kita hasilkan ialah mewujudkan kesedaran di kalangan Bumiputera betapa menariknya bidang pembinaan itu dan lahirilah beribu-ribu syarikat pembinaan Bumiputera dalam kelas terbawah atau dalam kelas "F" JKR kerana tidak banyak kepakaran yang diperlukan dalam kelas ini. Di kelas yang tinggi jumlah yang berjaya adalah terlalu sedikit. Memandangkan masalah utama yang dihadapi ialah kepakaran, maka Kerajaan dan agensi yang terlibat

sangat-sangat diharapkan dapat mengandakan usaha dalam melatih kontraktor-kontraktor ini mengikut kelas masing-masing. Mungkin kita tidak dapat melatih kontraktor itu secara 100% atau secara total. Apa yang perlu ialah kita menumpukan kepada mereka yang berpotensi sahaja dalam kontrak (management decision). Saya suka menyarankan agar agensi yang terlibat khususnya Pusaka Bumiputera lebih committed dan agresif dalam approach dalam kegiatan masing-masing untuk mewujudkan kontraktor Bumiputera yang berjaya dalam konteks ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bantuan kewangan akan diteruskan tetapi Kerajaan akan bergantung lebih kepada membekal ilmu dan kemahiran dan mewujudkan peluang dan rancangan yang akan membolehkan rakyat mendapat pendapatan dengan usaha mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan sehingga hari ini kita telah dapat melihat pewujudan peniaga (traders) Bumiputera dalam perniagaan kecil atau runcit. Melalui berbagai-bagai agensi khususnya MARA dan PERNAS kita dapat mewujudkan gerai-gerai atau kedai-kedai kecil bumiputera. Melalui sistem pasar sehari atau pasar malam juga kita telah dapat menambah penglibatan Bumiputera dalam sektor peruncit. Pewujudan rangkaian peruncit bumiputera adalah penting. Penting dalam maksud mewujudkan outlet untuk mewujudkan rangkaian pengedar, pengimport, stocklist dan pengilang Bumiputera. Walau bagaimanapun jumlah peruncit yang telah dapat diwujudkan masih lagi rendah.

Saya sangat berterima kasih dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melatih dan memberi peluang kepada kakitangan Kerajaan kategori "C" untuk menjadi peruncit dan mengharap rancangan ini dapat dilaksanakan dengan segera. Walau

bagaimanapun pengertian peruncit itu perlu diperluaskan lagi bidangnya daripada apa yang wujud sekarang ini.

Kita tidak akan berpuas hati dengan penglibatan peruncit Bumiputera dalam bentuk gerai buah-buahan, gerai makan dan sebagainya. Kita perlu mewujudkan peruncit Bumiputera yang dapat berniaga dalam bentuk yang lebih besar dan meliputi keseluruhan bidang selain daripada bidang-bidang consumables harian umpamanya peruncit mas, pakaian, motosikal, alat-alat gantian kereta jentera, alat-alat elektronik dan sebagainya. Konsep mewujudkan tempat khas untuk bumiputera berniaga seperti bazaar Melayu, gerai MARA perlu dikaji semula. Ini adalah dari segi konsepnya kita menghadkan pasar kepada pasaran Melayu sahaja.

Masalah utama yang dihadapi oleh peruncit Bumiputera ialah masalah bekalan dari pengedar-pengedar. Walaupun apa yang saya sebutkan berbau perkauman tetapi kita terpaksa menerima hakikat bahawa wujud isma perkauman dalam dunia perniagaan. Oleh kerana jentera pengedaran dikuasai oleh kaum bukan Bumiputera, peruncit-peruncit Bumiputera sentiasa sahaja menghadapi masalah diskriminasi harga oleh pengedar-pengedar bukan Bumiputera.

Begitu jugalah halnya dengan pengedar-pengedar Bumiputera menghadapi diskriminasi dari pengimport-pengimport dan pengilang-pengilang bukan Bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik hati dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyebut "tidak sepatutnya ada kemiskinan di Malaysia di waktu ini jika kita semua sanggup bekerja kuat dan tidak meminta bermacam-macam syarat sebelum bekerja."

Di samping bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri itu dan tafsiran beliau tentang kemiskinan, saya amat setuju dengan perancangan Kerajaan untuk menyusun semula kegiatan ekonomi luar bandar di mana kemiskinan adalah nyata.

Saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kegiatan pertanian luar bandar diniagakan lebih khusus dan diurus secara koperasi atau ladang adalah sangat-sangat dialu-alukan.

Untuk mengurangkan kadar kemiskinan, struktur atau sistem ekonomi luar bandar perlulah diubah. Berbagai bantuan Kerajaan sekarang ini yang berlandaskan sistem ekonomi yang sedia wujud sekarang ini perlu jugalah diubah suai. Sistem ekonomi kampung sekarang ini yang kuat bertumpu kepada sistem ekonomi yang bertumpu kepada kegiatan campuran dan sambil di mana method pengeluaran berdasarkan cara-cara tradisional perlulah diubah suai dengan segera. Matlamat pertanian tertumpu kepada konsep cukup makan tanpa mengira faktor pertumbuhan (growth) perlu juga diubah suai.

Sangat kurang kegiatan pertanian di kampung-kampung yang dilakukan atas niat atau matlamat perniagaan yang dilakukan secara besar-besaran. Memandangkan sistem pemilikan tanah di luar bandar sekarang ini, sistem pertanian secara tradisional yang telah diamalkan sejak lama sudah tentu akan menghadapi berbagai-bagai rintangan. Yang demikian, Kementerian Pertanian perlulah menjalankan kempen-kempen penenangan secara besar-besaran tentang Dasar Pertanian Negara dan betapa perlu dan berfaedahnya approach pertanian secara niaga diamalkan di luar bandar.

Jabatan Pertanian perlu menekankan bahawa bantuan pertanian Kerajaan hanya akan diberi kepada usaha pertanian secara niaga sama ada

penanaman sayur-sayuran, padi, buah-buahan atau lain-lain penanaman yang boleh diniagakan. Tetapi yang lebih penting untuk menjayakan pertanian niaga ini ialah usaha yang bersepadu di antara Jabatan Pertanian, petani-petani dengan pihak FAMA. Performance FAMA sebagai agensi pemasaran pengeluaran pertanian setakat ini masih lagi belum memuaskan. Kakitangan pemasarannya tidak mencukupi. Jentera pemasaran tidak teratur dan kemas dan keberkesannya tidaklah begitu nyata.

Sebenarnya masalah utama FAMA ialah untuk mendapatkan sumber atau barang-barang pertanian dari petani-petani. Di sinilah perlunya usaha dan kerjasama bersepadu di antara Jabatan Pertanian, pengeluar-pengeluar tani dan FAMA.

FAMA terpaksa diperbesarkan dan diperkuatkan untuk menjadi agensi utama untuk membeli dan memasarkan keluaran pertanian secara pertanian niaga seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu.

Tuan Yang di-Pertua, industri ternakan air tawar mempunyai potensial yang baik di negara kita. Saya sangat berterima kasih di atas usaha Jabatan Perikanan yang memberi subsidi pembinaan kolam, benih-benih anak-anak ikan dan bantuan kepakaran kepada rakyat di kampung. Tetapi seperti bantuan benih pokok juga tumpuan bantuan berkonsepkan sebagai bantuan kepada kegiatan sambilam setakat 2-4 biji kolam sahaja.

Saya ingin menyarankan supaya Jabatan Perikanan juga mengubah corak bantuan kepada penternak yang menjalankan usaha penternakan sebagai kerja utama ataupun untuk maksud perniagaan. Begitu jugalah halnya dengan bantuan lembu pawah dan pembinaan padang-padang ragut di kawasan-kawasan luar bandar yang dijalankan sekarang ini.

Saya kira sudah sampai masanya dikaji semula sistem ini dan bantuan diubahsuai kepada penternakan yang dibuat secara perniagaan. Padang-padang ragut yang dibina oleh Kerajaan dan diusaha secara gotong-royong sambil oleh penduduk-penduduk kampung selalunya menemui kegagalan dan merugikan pihak Kerajaan.

Saya suka mengesyorkan agar padang-padang ragut dan bantuan lembu pawah ini diserahkan kepada syarikat-syarikat tempatan di kampung-kampung untuk menguruskannya walaupun tidak kepada syarikat koperasi. Kerajaan perlulah meneruskan bantuan yang difikirkan sesuai lebih-lebih lagi dalam usaha pemasaran dan penjagaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong kuat usaha Kerajaan mewujudkan industri kecil atau industri kampung, atau cottage industry, dengan izin, melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Penemuan kepada industri kraftangan yang dipasarkan melalui KARYANEKA haruslah dianggap sebagai permulaan kepada industri kampung yang pelbagai atau yang diversified. Sementara itu bagi menjadikan industri kraftangan sebagai viable ianya perlu dibuat secara besar-besaran kerana pembuatan secara tradisi di samping kos tenaga dan masa yang tinggi menghasilkan pulangan yang amat kecil. Mungkin oleh kerana itulah KARYANEKA sekarang ini menghadapi masalah bekalan yang tidak cukup.

Industri kampung yang pelbagai dengan menggunakan modal yang kecil dan teknik yang moden bukan sahaja dapat mempelbagaikan atau memperbaiki kehidupan usahawan kecil di kampung tetapi juga pada keseluruhannya dapat menambah pendapatan negara. Jika dibuat secara besar-besaran di peringkat seluruh negara sudah tentu pengeluaran usahawan-usahawan kecil itu akan dapat mengurangkan import

dan membantu imbalan dagangan dan tukaran wang asing negara.

Industri kampung juga akan dapat mewujudkan pekerjaan di luar-luar bandar dan mengelakkan penghijrahan ke bandar yang tidak terkawal pada masa ini. Yang paling penting ialah industri kampung akan dapat mewujudkan usahawan-usahawan yang terlatih dan merupakan asas kepada peningkatan kepada perusahaan yang lebih besar atau industri besar yang lebih complicated.

Industri kampung juga akan dapat memanfaatkan faktor pengeluaran-pengeluaran yang mudah terdapat di luar-luar bandar dan memandangkan penduduk-penduduk luar bandar sebahagian besarnya terdiri daripada golongan bumiputera maka pembangunan segera industri kampung merupakan langkah penyegeraan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru dalam bidang perniagaan atau dalam bidang penyertaan bumiputera.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:
Seminit lagi Yang Berhormat .

Tuan Othman bin Abdullah: Saya sangat-sangat mengalukan pengumuman Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang Kementerian beliau telah menubuh satu badan khas untuk tujuan pelaksanaan industri kampung ini.

Saya percaya badan khas ini telah dipertanggungjawabkan untuk membuat kajian kemungkinan, teknik pengeluaran dan kajian jentera dan kelengkapan dan latihan-latihan usahawan. Yang lebih penting ialah organisasi pemasaran.

Saya sangat-sangat berharap agar industri kampung ini dapat kita lihat keberkesanannya dalam membantu menyegerakan pencapaian Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, sekian dan saya menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini tempoh hari dan terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Labis.

5.26 ptg.

Tuan Bahari bin Haron (Labis): Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong Kajian Separuh Masa atau Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat saya amat berterima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah memberikan pandangan dan perhatian yang serious terhadap masalah kemiskinan terutamanya kemiskinan di luar bandar.

Kerajaan juga telah mengakui betapa pentingnya peranan pelajaran di dalam memastikan pencapaian yang lebih tinggi lagi di dalam sektor ekonomi yang dapat dicapai terutamanya oleh kaum Bumiputera di kawasan-kawasan luar bandar.

Perkara yang penting yang ingin saya tonjolkan ialah mengenai peranan pelajaran, mengenai peluang pelajaran, di mana keadaan di kawasan-kawasan luar bandar terdapat sekolah-sekolah yang tidak ekonomik, sekolah-sekolah yang terlalu kecil bilangan murid-muridnya sehinggakan menjadikan satu masalah bagi pihak Kerajaan untuk menyalurkan kemudahan-kemudahan dan bantuan-bantuan yang diperlukan. Terdapat di setengah-setengah kampung di mana dalam sebuah sekolah ada lima bilik darjah, dipenuhi oleh hanya lebih kurang 50 orang murid, pukulratanya 10 orang bagi setiap darjah dan yang anihnya sekolah ini walaupun kecil ianya mengalami kekurangan guru dan tidak hairanlah kalau setiap tahun pencapaian murid-murid adalah mendukacitakan. Jadi di dalam hal ini ingin saya mengesyorkan kepada pihak

Kerajaan supaya membuat kajian iaitu di mana terdapat sekolah-sekolah yang kecil, yang tidak ekonomik, yang terdapat di dalam lengkungan misalnya lima batu radius hendaklah sekolah itu disatukan di dalam apa yang kita kenal sebagai sekolah cantuman, sepertimana yang telah pernah dijalankan di setengah-setengah sekolah-sekolah Tamil, dan dari apa yang dapat saya ketahui experiment ini telah dapat kejayaan. Jadi dengan adanya sekolah-sekolah yang bercantum ini atau sekolah cantuman ini dapatlah segala kemudahan-kemudahan disalurkan kepada sekolah-sekolah ini, dapatlah diadakan kelengkapan-kelengkapan daripada keperluan tenaga pengajarnya dan juga keperluan-keperluan daripada segi khutubkhanah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan menitikberatkan soal tabiat suka membaca. Ini adalah satu perkara yang harus dialu-alukan oleh kerana daripada kajian yang telah dibuat oleh pihak-pihak tertentu mengatakan bahawa kebanyakan rakyat negara ini kurang suka membaca, jadi terpaksa Kerajaan mencari jalan bagaimana perangai atau tabiat suka membaca ini dapat ditanam di kalangan rakyat jelata. Dan dalam hal ini infrastruktur bagi matlamat ataupun bagi mencapai matlamat ini hendaklah diadakan iaitu dengan penubuhan-penubuhan perpustakaan di tiap-tiap daerah, dan di bawah Perpustakaan Daerah ini diadakan rangkaian-rangkaian perpustakaan di tiap-tiap kampung di mana ianya dapat memberi peluang kepada rakyat jelata di peringkat bawahan untuk meminjam buku bagi mereka dapat sama-sama mengambil bahagian di dalam rancangan Kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya menyentuh ialah mengenai biasiswa, yang biasa diberikan kepada pelajar-pelajar

terutamanya kepada pelajar-pelajar Bumiputera. Apa yang saya ingin syorkan ialah supaya Kerajaan mengkaji semula akan pemberian biasiswa ini supaya mungkin ianya dapat diubahsuaikan, dapat ditukarkan menjadi pinjaman pelajaran tanpa faedah, oleh kerana dengan sistem seperti yang dicadangkan, saya percaya lebih ramai lagi murid-murid akan dapat peluang untuk melanjutkan pelajaran tinggi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, masalah dadah merupakan satu masalah yang masih belum dapat kita atasi. Kita mengakui bahawa peperangan membasmi penyalahgunaan dadah ini adalah satu peperangan yang berterusan, dan dari apa yang dapat kita perhatikan masalah ini makin bertambah-tambah lagi ke belakang ini, walaupun bermacam-macam usaha telah kita jalankan.

Saya mencadangkan supaya kebencian kepada dadah ini dapat ditanam daripada peringkat awal seseorang itu, iaitu di peringkat sekolah dan saya mengesyorkan supaya ditubuhkan, mungkin ditubuhkan bilik pameran tetap di setiap daerah di mana murid-murid sekolah dapat dibawa ke bilik-bilik pameran ini untuk menyedari akan bahayanya penyalahgunaan dadah ini. Saya percaya dalam jangka masa panjang sudah tentulah peranan menentang penyalahgunaan dadah ini akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam akhir tahun 1983 yang lalu banjir telah melanda negeri Johor dengan sehebat-hebatnya, dan daerah-daerah yang paling teruk terlibat ialah daerah Segamat dan juga daerah Batu Pahat, sehingga hari ini masih terdapat lebih 1,000 orang yang masih belum berpindah keluar daripada pusat-pusat pemindahan banjir. Apa yang ingin saya perkatakan ialah supaya pihak Kerajaan dapat mengkaji kemungkinan menjadikan banjir yang telah melanda negeri Johor ini sebagai malapetaka negara

(national disaster), yang sudah tentu akan dapat memberikan pertolongan kepada Kerajaan negeri Johor sendiri supaya dapat bantuan-bantuan diberikan kepada Kerajaan Negeri, bagi memulihkan segala kerosakan harta-benda yang telah dialami di setengah-setengah daerah sepertimana yang saya katakan tadi.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:
Kawasan Labis tidak kena?

Tuan Bahari bin Haron: Kena, Tuan Yang di-Pertua, ada 10 kampung yang terlibat dengan teruknya, tetapi Alhamdulillah keadaan telah beransur pulih.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya perkatakan ialah mengenai Extra Territorial Economic Zone ataupun Zon ekonomi yang telah kita tuntutan ataupun yang telah kita isytiharkan kepada dunia bahawa kita menuntut kawasan 200 batu daripada gigi laut di negara kita disifatkan sebagai kawasan ekonomi kita di mana kita mempunyai kebebasan untuk mengaut segala kekayaan ataupun segala hasil masalah yang terdapat di dasar laut itu sebagai harta ataupun kepunyaan kita, tetapi apa yang membimbangkan ialah setakat manakah ataupun sejauh manakah kita dapat menentukan bahawa dakwaan kita itu benar-benar berkesan. Maknanya apakah kita mampu untuk menghalang pihak-pihak luar daripada mengacau ataupun cuba mengacau di kawasan yang kita katakan kawasan ekonomi kepunyaan kita. Jadi dalam hal ini sudah semestinya pihak Kementerian Pertahanan mempunyai tanggungjawab yang berat untuk memastikan bahawa kita mempunyai kekuatan yang cukup untuk menjaga dakwaan yang telah kita buat itu. Maka dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong akan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

5.40 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk turut bersama-sama dengan rakan-rakan saya membahaskan dan menyokong usul mengenai Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dibandingkan dengan rancangan-rancangan dan laporan-laporan yang dahulu, Kajian Separuh Penggal (KSP) adalah luar biasa dan lebih menarik kerana ianya mengandungi konsep-konsep baru yang dicadangkan dan dianjurkan oleh Perdana Menteri kita seperti Penswastaaan, Persyarikatan Malaysia, Dasar Pandang ke Timur, menyerap nilai-nilai progressif dan positif dan sebagainya.

Apa yang ditegaskan oleh KSP juga ialah perlunya peningkatan daya pengeluaran dan semangat berdikari supaya dikurangkan mentality bergantung (reliance mentality) di kalangan rakyat. Konsep-konsep dan pendekatan-pendekatan baru ini sudah tentunya akan menjadi asas-asas yang akan mempengaruhi bukan sahaja pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat dan isi kandungan Rancangan Malaysia Kelima, tetapi lebih penting lagi arah pembangunan negara pada masa akan datang, khasnya selepas tahun 1990, iaitu selepas tempoh Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit, beberapa perkara mengenai Dasar Ekonomi Baru. Boleh dikatakan bahawa dua matlamat yang penting, iaitu pembasmian kemiskinan dan juga penyusunan semula masyarakat telah mencapai kejayaan yang tertentu dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Mengenai

penyusunan semula masyarakat, terdapat dua aspek penting, iaitu mengenai pekerjaan dan pemilikan kekayaan.

Dari segi pekerjaan, adalah nyata bahawa melalui usaha-usaha Kerajaan serta peraturan-peraturan seperti Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 penyertaan kaum bumiputera telah meningkat dengan cepat dalam semua bidang di sektor swasta, termasuklah juga profesional di mana bilangan profesional Bumiputera telah meningkat 10 kali ganda dari 255 orang pada tahun 1970 hingga lebih daripada 4,000 orang pada tahun 1983. Dengan dasar pengambilan masuk ke Universiti yang ada sekarang, maka sudah tentunya kadar ini akan terus meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan penyertaan kaum bumiputera yang agak memuaskan, dalam sektor swasta, pada pendapat saya sudah sampai masanya untuk Kerajaan bagi mengambil langkah-langkah yang positif untuk menyusun semula komposisi pekerja di semua peringkat dalam sektor awam, termasuk perkhidmatan beruniform, iaitu polis dan tentera. Begitu juga bagi sektor pertanian di mana kaum bukan bumiputera harus diberi galakan supaya dapat menyertai dengan lebih penuh.

Rayuan saya berdasarkan kepada dua sebab, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, kalau penyusunan semula hanya ditujukan kepada sektor swasta dan tidak kepada sektor awam, maka akan timbul satu ketidakseimbangan yang baru yang sebenarnya telah wujud. Yang keduanya, ini mungkin juga mengakibatkan pengangguran yang serius di kalangan bukan bumiputera kerana sekiranya semua bidang swasta membayangkan komposisi kaum, tetapi tidak bagi pihak awam, maka kaum-kaum yang kurang menyertai sektor awam ini akan menganggur.

Sebab yang kedua ialah kita harus ingat bahawa matlamat muktamad Dasar Ekonomi Baru ialah perpaduan negara. Selain daripada memberi peluang bekerja, tujuan untuk menyusun semula masyarakat ialah memberi peluang kepada semua kaum supaya mereka dapat bergaul dan juga dapat bekerjasama di tempat pekerjaan yang sama. Maka Kerajaan sebagai majikan yang terbesar haruslah juga menjadi teladan supaya semangat perpaduan ini dapat dipupuk di kalangan kakitangannya.

Tuan Yang di-Pertua, aspek yang kedua mengenai menyusun semula masyarakat ialah pemilikan kekayaan dalam sektor persyarikatan (corporate sector). Penyertaan kaum bumiputera dalam sektor inipun telah meningkat dengan pesat dari 1.5% pada tahun 1970 ke 18.7% pada tahun 1983 mengikut laporan KSP ini. Akan tetapi, mengikut kajian saya sendiri dan juga rakan-rakan saya nampaknya angka 18.7% ini adalah terlalu rendah, iaitu lebih rendah daripada apa yang sebenarnya.

Pandangan saya ini berdasarkan kepada dua faktor, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertamanya ialah pemilikan oleh syarikat-syarikat ketiga nominee dan amanah (third-company, nominee and trust companies) yang dahulunya diletak dalam kategori yang berasingan sejak Rancangan Malaysia Ketiga dan sekarang juga telah dicantumkan di bawah "rakyat Malaysia yang lain," iaitu selain daripada kaum bumiputera. Ini adalah kurang adil kerana kategori ini yang sekarang nampaknya sudah melebihi 15% bukan sahaja digunakan oleh kaum bukan bumiputera tetapi digunakan oleh kaum bumiputera dan orang asing juga. Sekiranya kategori ini diasingkan dari kategori rakyat Malaysia yang lain, maka hakmilik kaum bukan bumiputera akan kurang daripada 47.5% dan hakmilik kaum bumiputera sudah tentu akan melebihi 18.7%

Maka saya ingin mencadangkan bahawa keadaan ini harus diperbetulkan supaya angka-angka akan membayangkan kedudukan ataupun kejayaan yang sebenarnya. Kerajaan harus juga mempertimbangkan cadangan untuk mensenaraikan pemilikan oleh orang India dan kaum-kaum minoriti yang lain secara berasingan supaya mereka ini tidak ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, faktor yang kedua ialah pemilikan saham oleh bumiputera dan agensi amanah dalam sektor-sektor kewangan, estet, perlombongan dan pengangkutan sudah melebihi 30% atau ada yang sudah melebihi 50%. Melalui Akta Penyelidikan perindustrian, pemilikan dalam sektor perkilangan (manufacturing) pun sudah meningkat hingga lebih kurang 15%. 5 sektor ini merupakan sektor-sektor utama yang pesat berkembang dan menyumbang lebih daripada 60% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar atau Gross Domestic Product (GDP) negara kita. Maka nyatalah usaha menyusun semula terutamanya dalam sektor-sektor inipun sudah mempunyai satu momentum yang besar yang akan terus menjayakan kesan penyusunan semula dengan sendirinya pada masa yang akan datang.

Dari hujah-hujah tersebut bolehlah dikatakan bahawa tidak ragu-ragu lagi sasaran 30% dari segi pemilikan saham-saham syarikat akan tercapai pada tahun 1990 atau sebelum itu. Kemajuan pencapaian ini tidak akan terjejas oleh keadaan ekonomi kerana keadaan ekonomi akan juga menjejaskan penyertaan bukan bumiputera dan orang asing. Maka pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya untuk Kerajaan memindahkan ataupun mengalihkan ketutamaan pembangunan dari penyusunan semula ke pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum kerana tidak kira betapa majunya sesebuah negara, kemiskinan akan wujud dan akan menjadi satu

masalah yang besar seperti di Amerika Syarikat dan juga negara-negara maju yang lain.

Maka saya ingin juga merayu supaya perhatian yang lebih diberi kepada kawasan-kawasan kampung baru dan kawasan-kawasan setinggan di bandar-bandar kerana sektor-sektor ini merupakan sektor yang lama diabaikan oleh usaha-usaha pembangunan. Sebenarnya usaha untuk membasmiakan kemiskinan dengan sendirinya akan mendatangkan kesan-kesan menyusun semula masyarakat kerana kebanyakan daripada orang-orang miskin ini terdiri daripada kaum bumiputera. Selain daripada itu, saya juga mencadangkan supaya kita mengadakan satu Dasar Ekonomi Nasional bagi zaman selepas tahun 1990 di mana penekanan akan diberi kepada tujuan pembasmian kemiskinan.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Saya sekarang beralih kepada bidang pelajaran. Boleh didapati bahawa peruntukan pindaan bagi pelajaran merupakan satu pertambahan yang besar kalau dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan asal dan peruntukan ini merupakan tiga kali ganda kalau dibandingkan dengan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan tujuh kali ganda kalau dibandingkan dengan Rancangan Malaysia Kedua. Peruntukan yang besar ini menunjukkan bukan sahaja keperluan sistem pelajaran yang terus berkembang tetapi juga "commitment" Kerajaan terhadap pelajaran sebagai sejenis pelaburan tenaga manusia bagi jangka panjang. Peruntukan bagi pelajaran sudah pastinya akan terus meningkat, Tuan Yang di-Pertua, kerana beberapa keperluan yang mendesak.

Yang pertama ialah pelaksanaan kurikulum baru sekolah rendah memerlukan lebih banyak bilik darjah

dan guru-guru, yang keduanya ialah pelaksanaan rancangan melanjutkan pelajaran asas universal daripada 9 tahun kepada 11 tahun di peringkat menengah. Yang ketiganya di peringkat pelajaran tinggi di mana permintaan dan tekanan sosial untuk tempat-tempat universiti adalah sangat tinggi dan akan terus meningkat. Sebenarnya sasaran Rancangan Malaysia Keempat bagi enrolment di universiti-universiti tempatan telah dinaikkan dari 29,000 kepada 40,000.

Maka adalah jelas bahawa peruntukan kewangan bagi pelajaran haruslah ditambahkan bagi semua peringkat iaitu ditambahkan dengan lebih banyak lagi. Tuan Yang di-Pertua, kita semua memang akan merasai gembira sekiranya ini dapat dicapai dengan penuhnya. Akan tetapi kita sedari bahawa sumber yang ada memang terhad dan terdapat juga keperluan dan permintaan dari sektor-sektor dan Kementerian-kementerian yang lain. Oleh itu pada pendapat saya sudah tiba masanya untuk kita bersamasama mengkaji semula keutamaan dan penekanan (emphasis and priority) bagi peruntukan kewangan pelajaran dan berikhtiar untuk mencari alternatif-alternatif yang bukan sahaja dapat menjimat perbelanjaan tetapi juga dapat meningkatkan kualiti pendidikan di negara kita.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, keutamaan baik dari segi kewangan ataupun usaha harus diberi kepada peringkat sekolah rendah. Selain daripada menjayakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah, pelajaran rendah merupakan peringkat yang asas, yang penting sekali kerana dengan adanya asas yang kukuh murid-murid kita dapat mempelajari segala-gala yang lain. Di samping itu sekiranya kita memberi peruntukan yang lebih kepada sekolah-sekolah yang tersekat maka kita akan dapat mengurangkan jurang ketidakseimbangan di peringkat asas ini

dan seterusnya jurang ketidakseimbangan di peringkat yang lebih tinggi. Pada pendapat saya usaha atau ikhtiar di peringkat yang asas ini akan mendatangkan kesan yang lebih besar bagi jangka panjang untuk tujuan membasmikan kemiskinan dan juga untuk tujuan menyusun semula masyarakat, kalau dibandingkan dengan langkah-langkah penganjuran mengikut sistem kuota dan sebagainya.

Sebenarnya kita harus memberi perhatian dan peruntukan yang lebih pada peringkat yang lebih asas daripada itu iaitu di peringkat Tadika. Oleh itu saya merayu kepada Kerajaan supaya memberi lebih peruntukan kepada projek-projek seperti projek Sang Kancil, projek Tadika di bawah KEMAS. Saya berharap juga bahawa peruntukan diberi kepada projek-projek seumpama ini di kawasan Kampung-kampung Baru dan ladang-ladang getah juga.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi peringkat menengah rendah, oleh kerana peringkat ini adalah satu bahagian daripada pelajaran asas, Kerajaan tidak ada pilihan lain selain daripada menambahkan peruntukan. Akan tetapi, di peringkat menengah atas dan bagi bidang pelajaran teknik Kerajaan dapat menjimatkan perbelanjaan sekiranya mendapat kerjasama dan penyertaan dari pihak swasta mengikut konsep Persyarikatan Malaysia. Di negara kita sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak sekolah swasta yang telah lama memberi sumbangan kepada pelajaran. Kerajaan haruslah memberi insentif-insentif kepada mereka ini untuk terus berkembang dan untuk terus menampung sebahagian daripada beban perbelanjaan Kerajaan dalam bidang ini.

Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang pelajaran teknik. Pengalaman di negara-negara membangun yang lain telah menunjukkan bahawa rancangan pelajaran teknik yang memerlukan

pelaburan yang mahal sering menghadapi masalah bahawa kursus-kursus itu kurang relevan kepada pekerjaan si graduan nanti. Oleh itu saya merayu kepada Kerajaan supaya berhati-hati dalam pelaksanaan projek-projek pelajaran teknik. Di sini kita haruslah mengamalkan konsep Pengswastaaan dan Persyarikatan Malaysia juga. Satu kemungkinan ialah untuk mendapatkan kerjasama pihak swasta dalam menjalani kursus-kursus untuk pekerja-pekerjanya. Satu contoh ialah seseorang pelajar akan diberi kursus asas selama enam bulan hingga setahun dan selepas itu dilantik dalam jawatan di firma swasta yang tertentu. Selanjutnya dia akan diberi latihan sambil bekerja pada masa hujung minggu atau diberi cuti belajar. Kursus-kursus ini bolehlah mengikut keperluan sesuatu sektor ataupun syarikat itu.

Maka saya ingin juga mencadangkan ditubuhkan satu tabung perkembangan kemahiran (skill development fund) di mana syarikat-syarikat yang mempunyai pekerja-pekerja yang tertentu ataupun mempunyai saiz yang tertentu digalakkan mendermakan kepada tabung ini untuk membekalkan kemudahan-kemudahan asas supaya dapat dijalankan kursus-kursus yang saya telah sebutkan tadi. Aspek-aspek latihan dan penyelarasan dengan sistem pelajaran harus dipertimbangkan dengan teliti dalam Pelan Induk Perindustrian (Industrial Master Plan) yang sedang dalam proses penggubalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr Koh Tsu Koon: Baik, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lubok Antu.

5.57 ptg.

Tuan Andrew Janggi Muiyang (Lubok Antu): Tuan Yang di-Pertua, izinkan

saya merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan di atas saranan membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat di Dewan yang mulia ini untuk dapat diperbincangkan seterusnya bagi dapat mencapai harapan dan kejayaan seperti mana yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan di luar bandar khususnya dan juga untuk dapat mencapai lebih banyak matlamat Dasar Ekonomi Baru, berbagai-bagai konsep dan berbagai-bagai saranan telah pun dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua, Ketiga dan Keempat berbilion-bilion ringgit telah pun diperuntukkan untuk rancangan pembangunan yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan. Saya bersetuju di atas pandangan-pandangan, konsep dan saranan-saranan yang dikemukakan terutama sekali kepada usaha-usaha untuk mempertingkatkan daya pengeluaran dan mempertingkatkan kedudukan sosio ekonomi bagi penduduk-penduduk luar bandar.

Selaras dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan haruslah mengatur semula keutamaan-keutamaan pada skim-skim pembangunan tanah terutama sekali di kawasan-kawasan yang belum lagi dibangunkan khususnya di Sarawak. Saya menyeru agar agensi-agensi Kerajaan yang besar seperti FELDA dan FELCRA dan lain-lain untuk meluaskan kegiatan-kegiatannya ke Sarawak. Ini saya percaya akan menguntungkan kepada semua pihak lebih-lebih lagi petani-petani di kawasan pendalaman.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kebanyakan penduduk-penduduk di luar bandar Sarawak yang miskin ialah kaum Bumiputera keturunan Dayak.

Saya merayu agar Kerajaan membuat satu kajian yang mendalam dan terperinci ke atas keadaan satu-satu masyarakat di kalangan penduduk-penduduk luar bandar di Sarawak dengan tujuan untuk memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, demi untuk kepentingan integrasi nasional dan dasar Pandang ke Timur, saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini agar bersimpati dengan kami memandang ke timur sekali ini bukan pandang ke Jepun atau Korea tetapi ke Malaysia Timur, ke Sarawak khususnya.

Ini bertujuan untuk merapatkan lagi tali persahabatan di antara penduduk-penduduk di Malaysia Timur dan Semenanjung. Ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini tidak pernah melawat dan tidak mengetahui keadaan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Malaysia Timur.

Di dalam mengkaji Separuh Penggal Rancangan Malaysia Yang Keempat ini, saya sebagai Wakil Rakyat daripada kawasan Lubok Antu merayu kepada Kerajaan agar bermurah hati menolong kami dengan berbagai projek pembangunan yang kami memang jauh ketinggalan, jikalau dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia.

Dari segi pelajaran, Tuan Yang di-Pertua, kami amatlah jauh ketinggalan. Walaupun, dengan izin, education is the best investment, pelaburan ini amatlah baik tetapi di Sarawak pelaburan ini masih tidak memuaskan lagi dan ini adalah salah satu sebab adanya tempat-tempat pelaburan masih dalam keadaan yang tidak memuaskan dan kekurangan dari segi kemudahan-kemudahan asas seperti yang terdapat di sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia.

Oleh hal yang demikian saya percaya disebabkan itu ada sekumpulan guru-guru dari Semenanjung yang telah dihantar untuk bertugas di kawasan luar bandar di Sarawak telah pun meninggalkan sekolah-sekolah yang mereka ditugaskan. Saya berharap perkara ini tidak akan berlaku lagi dan saya ingin menyeru kepada Kementerian yang berkenaan supaya memilih, mengambil dan menghantar mereka yang betul-betul mahu berkhidmat tidak pilih di mana jua mereka ditugaskan.

Saya berharap juga Kementerian Pelajaran memberi taklimat dan gambaran-gambaran mengenai keadaan di Sarawak khususnya di luar bandar. Saya merayu kepada Kerajaan di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat bahawa projek pembinaan sekolah-sekolah yang telah diluluskan tidak lagi ditangguhkan khasnya sekolah-sekolah di luar bandar.

Saya menimbulkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, agar Kementerian berkenaan sedar dan ingat bahawa satu projek pembinaan Sekolah Rendah Kebangsaan Batang Air di kawasan daerah Lubok Antu sudah pun lama diluluskan dengan nilai \$1.3 juta sepatutnya siap dibina dalam tahun ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, malangnya tapak pun belum disiapkan lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya menyampaikan rayuan ini kepada Kerajaan betapa pentingnya Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan Batang Air ini dibina dengan seberapa segera. Ini disebabkan pembinaan projek hidro-elektrik di kawasan Batang Air daerah Lubok Antu. Projek seumpama itu yang pertama sekali dibina di negeri Sarawak yang menelan belanja berjuta-juta ringgit. Oleh hal yang demikian penduduk-penduduk yang berada di dalam kawasan danger zone, dengan izin, yang akan ditenggelami sudah pun selamat dipindahkan ke kawasan penempatan semula. Ini termasuk tiga buah sekolah rendah.

Tuan Yang di-Pertua, guru-guru dan murid dalam tiga buah sekolah rendah yang saya katakan itu sekarang terpaksa ditumpangkan di sekolah-sekolah berhampiran dengan kawasan penempatan semula, dengan izin, resettlement area. Di dalam bulan Oktober tahun ini peringkat kedua operasi pindah akan dijalankan yang melibatkan 11 lagi buah rumah panjang dan dua buah lagi sekolah rendah Kerajaan. Masalahnya, di manakah guru-guru dan murid-murid ini akan ditumpangkan. Semua sekolah-sekolah rendah yang telah dan akan dipindahkan hanya lima buah sahaja.

Sekolah-sekolah yang telah dipindahkan semasa operasi pindah pertama dijalankan iaitu Sekolah Rendah Kerajaan Ulu Kaung, kedua Sekolah Rendah Kerajaan Sungai Ara dan ketiga Sekolah Rendah Kerajaan Nanga Mupi. Semua guru-guru dan murid-murid daripada tiga buah sekolah ini telah pun ditumpangkan. Dua buah lagi yang akan dipindahkan iaitu Sekolah Rendah Kerajaan Nanga Delok dan Sekolah Rendah Kerajaan Nanga Jela. Kesemuanya di dalam kawasan daerah Lubok Antu.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu sekali lagi kepada Kerajaan agar rayuan saya dan rakyat di Sarawak khasnya di kawasan Lubok Antu diambil perhatian dan dipertimbangkan agar sekolah-sekolah rendah yang saya katakan tadi dibina dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, kita beralih pula kepada pengangkutan. Saya bercadang dan berpendapat sistem pengangkutan keretapi haruslah diperkembangkan kepada negeri Sarawak. Untuk mengangkut barang-barang dagangan dan juga penduduk-penduduk tempatan.

Sistem ini perlu sebagai satu cara untuk menambah baik pengangkutan yang masih berkurangan di Sarawak. Jalan-jalanraya yang tidak memuaskan

yang ditaruh batu sahaja akan menjadi lecah apabila hujan dan akan berdebu apabila musim kemarau.

Tuan Yang di-Pertua, kami di Sarawak memohon dan merayu kepada Kerajaan Pusat agar bersimpati dengan kami agar keadaan jalan-jalan yang teruk itu dibaiki dan ditarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Andrew Janggi Muyang: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas.

Tuan Mutang Tagal: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat bercakap selama 10 minit supaya ada seorang lagi boleh bercakap dalam 10 minit.

6.09 ptg.

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): Ya. Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Yang Keempat dalam Dewan ini kita dapati bahawa satu perkara penting yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai rancangan pembangunan ialah perubahan sikap dan nilai seseorang rakyat Malaysia terhadap pembangunan negara.

Tanggungjawab negara tidak terletak ke atas bahu Kerajaan semata-mata, tanggungjawab membangunkan negara yang aman, mewah dan progresif adalah hak dan keistimewaan semua rakyat tidak mengira kaum, kedudukan sama ada lelaki atau perempuan, anak ataupun tua.

Dalam hal ini saya sanjung tinggi kecerdikan Kerajaan yang memperkenalkan dan mengemukakan konsep Persyarikatan Malaysia dan pen-swastaaan supaya semua golongan dan sektor dapat satu semangat kerjasama demi kebahagiaan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam proses Kerajaan melaksanakan satu memperluaskan konsep ini ia harus berpandu kepada pengalaman Jepun apabila Jepun mengemukakan konsep ini kepada rancangan pembangunan negaranya. Di Jepun konsep ini di antara lain telah berjaya oleh kerana hampir semua masyarakat Jepun adalah masyarakat yang homogenous. Berasaskan ini, nilai seperti semangat untuk bekerja kuat, berdedikasi kepada syarikat dan berdikari walaupun nilai universal mudah diamal dan dipraktikkan oleh rakyat Jepun tetapi masyarakat Malaysia adalah terdiri dari berbagai kaum, agama dan latar belakang untuk menentukan konsep ini berjaya dengan seluas-luasnya.

Saya menyeru Kerajaan supaya jangan berhenti dalam usahanya mempersempitkan serta menghapuskan ketidaksamaan yang masih ada di antara kaum di negara ini. Hakikat ini dapat kita capai jika semua rakyat mengutamakan kepentingan negara lebih dari kepentingan diri. Tindakan ini memerlukan satu semangat nasionalisme yang murni dan tidak terbatas.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan syabas kepada Kerajaan oleh kerana berani berganjak daripada tradisi apabila menyemak serta menilai prestasi ekonomi negara dalam Kajian Separuh Penggal dalam Rancangan Malaysia Keempat. Walaupun ganjakan ini mungkin akan memperpanjangkan setengah pihak, pada keseluruhannya pendekatan baru ini adalah satu pendekatan yang bijak dan realistik oleh kerana kita baru sahaja terselamat dari

kesan buruk akibat kemelesetan ekonomi yang berpanjangan semenjak pertengahan 1970-an.

Saya mengalu-alukan pendekatan yang diambil oleh Kerajaan di mana Kerajaan tidak bercadang untuk mengekalkan peranannya yang berupa expansionary spending, dengan perkataan lain *less Government*. Adalah tidak wajar bagi kita meminjam wang secara besar-besaran sama ada di dalam atau di luar negeri, walaupun kita mampu membayar oleh kerana kita tidak mahu jenerasi yang akan datang berhutang selagi belum diperanakkan.

Kekuatan sektor pertanian seperti kelapa sawit, getah, koko, lada, kelapa serta sektor perlombongan seperti gas asli tidak seharusnya dijadikan alasan bagi Kerajaan meminjam wang dari mana-mana pihak, memandangkan harga barangan utama kita yang tidak stabil di pasaran antarabangsa. Pinjaman bersih luar negeri berjumlah \$13 juta dalam tempoh 1981-1983. Adalah memadai untuk merundingkan kepala kita dan kita seharusnya mencari jalan, bagaimana dapat menyelesaikan hutang ini sehingga kita dapat suatu tiduran yang lenyap sekali.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada harga barangan utama kita di pasaran antarabangsa yang tidak stabil, peningkatan tanda-tanda yang menunjukkan "going flat protectionism" di negara-negara maju telah pun menjejaskan prestasi keluaran kita oleh kerana itu Malaysia harus mengamalkan strategi yang agresif dalam usahanya mencari pasaran di antarabangsa.

Negara Jepun bernasib baik oleh kerana selepas Perang Dunia Kedua, Amerika Syarikat serta rakan-rakannya di Eropah telah pun membuka pintu mereka kepada Jepun. Selain daripada itu Kerajaan Jepun dengan kerjasama pihak swasta telah melancarkan beberapa lawatan perdagangan ke

seluruh dunia untuk mengenal pasti pasaran-pasaran yang berpotensi membeli dan menerima barangan-barangan pembuatan Jepun. Kita tidak dapat bergantung kepada negara-negara maju untuk menjadi pasaran bagi pengeluaran kita. Oleh kerana itu adalah penting bagi kita mencari pasaran lain, persahabatan yang erat di antara negara ASEAN, pulau-pulau dan negara di rantau Pasifik. Negara Islam, India, Afrika dan Latin Amerika adalah penting supaya kita dapat memasarkan pengeluaran kita ke negara itu. Kerajaan Malaysia harus berhati-hati sebelum mengambil langkah-langkah bagi melindungi pasaran kita oleh kerana perlindungan yang ketat akan menimbulkan perasaan tidak puas hati di antara negara-negara lain. Jika berlaku, mereka mungkin akan membeli bahan dari negara lain dan akibatnya kita akan rugi.

Tuan Yang di-Pertua, kemelesetan ekonomi telah memberi kesan kepada kedudukan guna tenaga di negara ini di mana dalam tempoh kajian jumlah pekerjaan telah bertambah sebanyak 428,000 yang merupakan jumlah yang lebih rendah daripada tambahan tenaga buruh yang telah meningkat kepada jumlah 471,000 orang. Ini bermakna kadar pengangguran telah meningkat daripada 5.7% dalam tahun 1980 kepada 6% dalam tahun 1983. Walaupun masalah pengangguran di negara kita adalah terkawal, apa yang merundingkan ialah sebahagian besar pengangguran ini adalah disebabkan oleh pilihan pekerja sendiri. Dalam hal ini saya ingin menegaskan bahawa walaupun pemilihan sesuatu kerja itu merupakan hak seseorang itu sendiri, kita harus menerima hakikat bahawa jika kita tidak bekerja, kita akan menjadi beban pada keluarga kita, masyarakat dan negara. Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menumpukan perhatian Dewan ini kepada masalah guna tenaga dalam sektor pertanian khususnya di kawasan

luar bandar. Semenjak merdeka penghijrahan rakyat dari luar bandar ke bandar telah meningkat dari setahun ke setahun dan ini telah mengakibatkan masalah guna tenaga di sektor pertanian di luar bandar. Sebab-sebab penghijrahan ini adalah banyak. Bagi mereka yang telah tamat sekolah menengah, pusat pengajian tinggi, mereka lebih suka mencari kerja di bandar. Bagi mereka yang tidak mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka ke sekolah menengah, mereka berhijrah ke bandar oleh kerana terdapat keramaian yang begitu menarik di bandar. Oleh kerana mereka tidak mempunyai apa-apa pendidikan ataupun latihan mereka mudah dipengaruhi oleh orang bandar yang sentiasa menunggu dan mempergunakan mereka sehingga mereka hilang maruah dan kemuliaan peribadi mereka.

Jika kita mengunjungi kilang-kilang tapak-tapak pembinaan jalan raya ataupun hotel, restoran-restoran dan tempat-tempat yang merupakan "shaddy places" seperti massage parlours, bars and night clubs dan sebagainya, kita terdapat ramai pemuda pemudi dari luar bandar yang bekerja di tempat ini sebagai buruh kasar, waiter dan waitress. Memandangkan gaji yang rendah, taraf hidup yang tinggi dan keinginan hawa nafsu yang sentiasa tidak puas, kebanyakan pemuda pemudi dari luar bandar ini melibatkan diri dalam kegiatan yang tidak diinginkan supaya mendapat pendapatan tambahan bagi menampung kos sara hidup yang tinggi di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi setengah pemuda yang menganggur, mereka melibatkan diri dalam kegiatan yang buruk seperti menagih dadah, mencuri ataupun melibatkan diri dalam penjenayahan. Oleh kerana kesesakan hidup di bandar, jauh dari pangkuan ibu bapa dan keluarga mereka terpaksa memungut wang dari orang ramai sebagai "Jaga Kereta" dan sebagainya.

Jika kita mengunjungi pasar malam ataupun supermarket di mana-mana dalam bandar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya dan jika kita meletakkan kereta kita di tempat letak kereta, kita tidak dapat mengelakkan Jaga Kereta yang sentiasa ada di situ. Walaupun mereka tidak mempunyai lesen untuk mengutip wang dari orang ramai si punya kereta harus membayar wang jika ia ingin supaya keretanya akan selamat. Peristiwa Jaga Kereta ini nampaknya telah menjadi satu amalan bagi negara kita dan saya merayu kepada Kerajaan supaya keadaan ini dihapuskan oleh kerana ianya telah melemahkan semangat kerja kuat, berdedikasi dan berdikari pemuda pemudi yang terlibat sebagai Jaga Kereta. Dengan berbuat demikian, pemuda-pemuda itu telah hilang maruah dan kemuliaan peribadinya. Jika kita lihat keadaan fizikal Jaga Kereta ini kita dapat tahu dari tanda-tanda bahawa ada di antara mereka yang terlibat dengan kegiatan menagih dadah. Jika satu langkah yang tidak diambil dengan segera, pembiaran keadaan ini akan menggalakkan lebih ramai lagi pemuda bumiputera melibatkan diri dalam pekerjaan ini dan ini tentu akan bercanggah dan tidak sejajar dengan keinginan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di mana beliau ingin supaya semua rakyat dan individu terlibat dalam pekerjaan yang ikhlas dan jujur.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pemuda pula, mereka melibatkan diri dalam kegiatan yang meruntuhkan akhlak mereka seperti menjadi "Pengurut" di tempat-tempat "dubious and shaddy" ataupun menjadi "Pick-up" atau "Call Girls" selepas tamat kerja di pejabat masing-masing. Mereka terpaksa berbuat demikian oleh kerana desakan hidup iaitu kos hidup yang tinggi di bandar. Akibatnya bukan sahaja akhlak mereka runtuh, malah kepintaran, kemuliaan dan maruah peribadi mereka turut runtuh dan hilang selamalamanya.

Walaupun masalah persundalan merupakan suatu masalah yang tertua seperti tua dunia ini sendiri, ini tidak bermakna bahawa tidak ada jalan yang kita boleh ambil demi untuk menghapuskan atau mengurangkan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kedua masalah yang telah saya sebutkan tadi mengenai pemuda dan pemudi yang berhijrah ke bandar mempunyai hubungan dan kaitan dalam rancangan Kerajaan dalam membangunkan desa dan kampung serta memulihkan tanah kampung terbiar di seluruh negara. Pada hemat saya, bekerja dengan tanah sendiri mempunyai nilai dan maruah yang tidak setanding dengan pekerjaan lain, misalnya pekerjaan yang saya telah sebutkan tadi. Meneroka dan membangunkan tanah sendiri supaya dapat nikmat dan manfaat mempunyai maruah, kemuliaan dan keistimewaan-nya yang tersendiri. Mengapakah kita yang dari luar bandar lebih suka berhijrah ke bandar dan bekerja sebagai kuli kepada taukeh-taukeh bandar yang tidak beretika bahkan kita dari luar bandar dianugerahkan dengan kekayaan alam semula jadi serta bidang tanah yang luas dan hutan yang penuh ilham.

Tuan Yang di-Pertua, tibalah masanya Kerajaan menegaskan nilai ini kepada semua lapisan rakyat terutama kepada waris-waris bidang tanah yang besar di luar bandar supaya kembali ke tanah mereka serta membangun dan memulihkan tanah mereka bagi kepentingan mereka sendiri dan negara.

Masalah pokok dalam hal ini ialah pemuda pemudi dari luar bandar tidak mahu menerima hakikat bahawa mereka adalah dari keluarga petani ataupun nelayan miskin. Mereka lebih suka dikenali sebagai anak si taukeh, si Dato', si Tan Sri dan sebagainya. Mungkin pemuda pemudi dari luar

bandar sedang menghadapi satu krisis identiti di mana ia sudah lupa latar belakang dan keturunannya. Jika kita seorang anak kepada satu keluarga petani, kita harus menerima hakikat ini dan menggunakan label ini dengan penuh kepintaran dan maruah.

Seorang yang tidak mempunyai kepintaran dan kemuliaan peribadi tidak dapat berjaya dalam apa jua usahanya memperbaiki taraf kehidupannya. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya mengalu-alukan cadangan Kerajaan untuk mengadakan program pertanian berkelompok dan pengumpulan kampung-kampung yang berdekatan untuk menjadikan bandar kecil. Pencantuman tanah sawah dengan yang sebelah untuk menjadi estet adalah disambut dengan baik. Memandangkan konsep ini adalah agak baru, para petani harus diberi penerangan secara intensif dan mendalam supaya mereka faham tentang tujuan Kerajaan. Saya merayu kepada jentera-jentera Kerajaan the bureaucracy supaya menjalankan tugas mereka dengan lebih efficient dan berdedikasi demi mencepatkan serta melicinkan proses pencantuman ini. Oleh itu, Kerajaan harus bekerja bersama-sama dengan Wakil Parlimen ataupun Wakil Dewan Undangan Negeri di setiap-tiap mukim atau daerah sebelum pencantuman tanah dilaksanakan. Kerjasama.....

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah untuk cukup. Sudah 10 minit. Saya patut memberi peluang ini kepada Ahli yang tidak berucap dalam masa Titah Ucapan Di Raja. Saya jemput Yang Berhormat dari Julau.

6.22 ptg.

Tuan Thomas Salang Siden (Julau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan rakan saya berucap serta membahas Kajian

Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri dalam Dewan yang mulia ini. Dalam pembentangan Kajian ini, kita dapati bahawa prospek pertumbuhan ekonomi akan menjadi baik bagi tempoh tahun 1984 dan 1985, iaitu 6.7% setahun.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita melaksanakan Rancangan Separuh Penggal ini, kita harus menilai dan membuat sesuatu kajian sama ada kita telah berjaya dalam melaksanakan dan mencapai matlamat yang terkandung dalam Rancangan Keempat. Ini supaya kelemahan yang terdapat, dapat diatasi dan kejayaan dapat dikekalkan supaya penggunaan optima kepada wang, tenaga dan masa negara.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini telah menyentuh mengenai dengan masalah kemiskinan terutama masyarakat di luar bandar. Ahli Yang Berhormat tersebut dalam ucapan mereka telah mendesak Kerajaan supaya mengambil langkah yang segera bagi mengatasi masalah kemiskinan ini serta memperbaiki dan meninggikan taraf dan mutu kehidupan rakyat di desa dan di luar bandar. Saya tidak bercadang untuk mengulangkan lagi masalah ini di peringkat nasional, tetapi saya ingin menyentuh tentang masalah ini bagi Negeri Sarawak.

Walaupun di Negeri Sarawak, mengikut angka yang terdapat di Kajian ini, kadar kemiskinan telah berkurangan di Negeri Sarawak iaitu daripada 66.5% dalam tahun 1976 kepada 47.7% dalam tahun 1979 dan 31.3% dalam tahun 1982, ini adalah satu indicator sahaja. Pada kebetulan masih banyak lagi rakyat di luar bandar di Negeri Sarawak hidup dengan sengsara dan penderitaan. Pada hemat saya, ada tiga sebab asas yang menyebabkan kemiskinan ini.

Pertama, ketidakseimbangan pembahagian hasil kekayaan Negeri Sarawak dan negara.

Kedua, ketidakseimbangan pembahagian projek-projek besar-besaran yang dapat memberi faedah kepada rakyat dalam masa jangka panjang.

Ketiga, ketidakseimbangan pembahagian peluang-peluang perniagaan di antara semua kaum di Sarawak.

Di dalam proses pembahagian kekayaan negeri dan negara, projek-projek besar-besaran serta peluang-peluang perniagaan atau pun perusahaannya, golongan yang kaya menjadi lebih kaya dan golongan miskin bertambah miskin dan jurang ini makin besar dari tahun ke setahun sehingga ianya akan dekat menjadi satu masalah politik dan sosial yang besar di Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat supaya si miskin dijadikan seorang jutawan, kalau ini terjadi lagi baik. Tetapi apa yang saya mahu melihat ialah supaya mereka juga dapat menerima bagi mereka dalam hasil perkembangan ekonomi negara kita serta menikmati faedah-faedah yang merupakan kemudahan asas, seperti pakaian yang cukup, makanan yang seimbang, bekalan air, api elektrik, jalan raya, alat perhubungan yang lengkap, kesihatan, latihan di dalam bidang pertanian pendidikan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, penglibatan secara langsung oleh peniaga kecil di dalam bidang perniagaan di Negeri Sarawak amatlah sukar sekali. Misalnya, dalam kontrak-kontrak yang dikeluarkan oleh Kerajaan seperti kontrak pembangunan, pembekalan makanan ke sekolah ataupun ke maktab, kontrak pengangkutan dan sebagainya. Kebanyakan kontrak tersebut diberi kepada kaum bumiputera dan bukan bumiputera yang

sudah kaya seperti di Kuching, Sibu, Miri dan Sarikei. Dan baki kontrak tersebut yang seolah-olah merupakan sisa, yang diberi kepada peniaga-peniaga kecil ini. Jika mereka tidak diberi peluang untuk melibatkan diri dalam perniagaan yang besar, walaupun mereka mampu, ini bermakna mereka tidak akan dapat keuntungan yang besar dan lumayan bagi memperbaiki taraf kehidupan mereka. Jika mereka tidak mempunyai modal ataupun wang yang cukup mereka tidak dapat melabur dan jika kita tidak dapat melabur, kita tidak akan menerima pendapatan yang lumayan dan tanpa pendapatan, mereka tidak dapat menyimpan dan akibatnya mereka akan kekal menjadi miskin.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di Sarawak dan Sabah mengucapkan tahniah dan berterima kasih kepada Kerajaan, khususnya kepada Menteri dan Kementerian Penerangan oleh kerana mengadakan rancangan khas di Televisyen melalui rangkaian ketiga. Melalui rangkaian ini, negeri yang dua ini dapat memancarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalamnya bagi faedah semua rakyat di seluruh negara. Memandangkan "coverage", dengan izin, mengenai Sarawak dan Sabah adalah amat mengecewakan sama sekali di rangkaian pertama dan kedua, saya merayu kepada Kerajaan supaya mengekalkan rangkaian ini supaya

"coverage" diberi di Televisyen mengenai Sarawak dan Sabah. Memandangkan pentingnya nasional integrasi, sumbangan Kementerian melalui rangkaian ini, adalah disanjung tinggi. Ini perlu oleh kerana akhbar-akhbar tempatan di Semenanjung Malaysia seringkali memberi "coverage" dan laporan mengenai peristiwa berlaku di Sarawak dan Sabah dalam akhbar mereka.

Ketidakseimbangan laporan ini telah pun menjadi satu punca tidak puas hati di kalangan rakyat Malaysia di kedua-dua negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa sudah cukup, terima kasih banyak-banyak.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pada esok hari, Yang Berhormat Menteri-menteri akan memberi jawapan masing-masing dan mereka akan menghabiskan jawapan-jawapan mereka itu esok hari juga. Pada hari lusa, iaitu hari Jumaat, kita akan membahaskan tiga Rang Undang-undang yang masih belum selesai ditimbangkan sebelum ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.